

**Jilid III
Bil. 13**



**Hari Khamis
2hb April, 1981**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1505]**

USUL-USUL:

Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985 [Ruangan 1548]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 1606]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

.. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

.. Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

.. Menteri Luar Negeri, Y. M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (KOTA BHARU).

.. Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

.. Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

.. Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

.. Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

.. Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

.. Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- ” Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- ” Menteri Wilayah Persekutuan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubung).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).

- Yang Berhormat TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- .. TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- .. DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- .. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- .. DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A. S.P.M.J., P.G.D.K., (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- .. TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- .. DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- .. TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- .. TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- .. TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- .. TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- .. TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- .. TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. DAVID (Damansara).
- .. TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- .. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- .. DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- .. TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).

- Yang Berhormat TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.
(Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Air Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N.
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K.
(Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.
(Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK,
P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH,
D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATO’ HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).

- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- .. DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- .. TUAN YANG CHOONG EU, J.P. (Kinta).
- .. PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- .. TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 2hb April, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

PETRONAS—HASIL DAN KEMAJUAN

1. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah hasil yang diperolehi oleh PETRONAS daripada eksport minyak petrol pada tahun 1979 dan 1980;
- (b) apakah kemajuan yang telah dibuat oleh PETRONAS, setakat ini, dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti di kedua-dua bahagian darat dan laut, terutamanya berhubung dengan peruncitan barang-barang keluaran petroliam; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini oleh PETRONAS bagi menguatkan jentera penguatkuasaannya dalam mencegah kejadian curi minyak daripada telaga-telaga minyak.

Timbalan Perdana Menteri (Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (a) pendapatan PETRONAS daripada eksport minyak petrol setelah ditolak cukai dan royalti bagi tahun-tahun 1978, 1979, 1980 berakhir pada 31hb Mac, 1980 adalah seperti berikut:

1-4-78-31-3-79	..	\$ 761.4 juta
1-4-79-31-3-80	..	\$ 2,202,300,000

Mengenai soalan (b) sejak tahun 1976 PETRONAS telah menandatangani 6 Production Sharing Contract dengan 4 kontraktor. Kontraktor-kontraktor dan kawasan-kawasan yang dikerjakan adalah seperti berikut:

Sarawak Shell Bhd.	Sarawak	1 kontrak
Sabah Shell Petroleum Company	Sabah	1 kontrak
Exxon Production (M) Incorporated	Sabah Trengganu	2 kontrak 1 kontrak
PETRONAS Carigali/Oceanic British Petroleum	Sabah	1 kontrak

Dengan menandatangani Production Sharing Contract sejumlah \$2 billion telah dilaburkan dalam aktiviti-aktiviti up-stream industri petroleum dalam tahun 1980 berbanding dengan lebih kurang \$0.4 billion yang dilaburkan pada tahun 1976. PETRONAS telahpun secara beransur-ansur memperluaskan bidang kepakaran up-stream.

Dalam bulan Mei 1978 PETRONAS telah menubuhkan sebuah anak syarikat carigali iaitu PETRONAS Carigali. Kini PETRONAS Carigali sedang menjalankan aktiviti-aktiviti mencarigali bagi kawasan di luar Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Telaga pertama digali pada 6hb Ogos, 1980. Dalam bulan Mei 1980 bersama dengan syarikat British Petroleum dan Oceanic, PETRONAS Carigali telah menandatangani Production Sharing Contract dengan PETRONAS untuk mencarigali di satu kawasan di luar pantai Sabah Utara. Telaga pertama dijangka digali pada pertengahan tahun ini.

Memandangkan keperluan untuk memperkembangkan punca tenaga alternatif kepada minyak mentah, usaha-usaha sedang

dijalankan oleh PETRONAS ke arah penggunaan gas asli. PETRONAS akan melancarkan kajian pelan induk penggunaan gas untuk seluruh Malaysia dengan bantuan Bank Dunia. Satu projek di mana PETRONAS terlibat ialah membekalkan gas dari luar pantai Trengganu kepada Stesen Janakuasa Combined Cycle yang dirancang akan dibina oleh LLN di Paka, Trengganu. Penghantaran pertama ke pantai adalah dijangka dalam bulan Mei, 1984.

Dalam bahagian down-stream, PETRONAS telah mula menjual minyak tanah dan diesel melalui stesen-stesen skip tanks dalam bulan Jun, 1979 apabila terdapat laporan mengenai kekurangan kedua-dua bahan ini.

PETRONAS kini telah membekalkan minyak bunker di Pasir Gudang dan Port Kelang sejak bulan Disember, 1977 dan bulan Mac, 1978.

Penjualan minyak aviation di Lapanganterbang-lapanganterbang Senai dan Pulau Pinang telah dimulakan dalam bulan Disember, 1977 dan bulan April, 1978; sementara penjualan di Lapanganterbang Subang adalah secara peraturan hospitality.

PETRONAS juga terlibat dalam penjualan terus minyak bahan api kepada LLN, diesel kepada MAJUIKAN, MADA, KE-TENGAH, PKNS Selangor, KESEDAR, Kontraktor-kontraktor Kerajaan syarikat-syarikat bumiputra dan minyak tanah kepada FELDA dan MADA.

Selain daripada itu untuk meluaskan pemasarannya PETRONAS akan membuka 5 stesen-stesen minyak tahun ini yang mana yang pertama akan memulakan operasinya pada bulan Mei tahun ini.

PETRONAS adalah merancang untuk mengadakan 150 stesen-stesen minyak menjelang tahun 1985. PETRONAS juga akan menubuhkan kemudahan-kemudahan bunkeringnya di Pasir Gudang, Port Kelang dan Kuantan dan Aviation Tank Pumps di Lapanganterbang-lapanganterbang yang lain.

Dua buah penapis minyak di Melaka dan Trengganu, projek-projek gas asli cecair Malaysia dan Ammonia, Urea ASEAN di Bintulu juga adalah di antara aktiviti down-stream yang sedang dikendalikan oleh PETRONAS.

Mengenai soalan (c), saya telahpun menjawab soalan ini pada 26hb Mac, 1971 semasa menjawab soalan No.1 oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Saya tidak bercadang untuk menambahnya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, saya suka bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa daripada hasil yang begitu banyak yang telah diperolehi oleh PETRONAS apakah langkah-langkah yang telah diambil sehingga hari ini untuk menggunakan hasil itu bagi tujuan memperbaiki lagi organisasi PETRONAS di dalam semua aspek?

Yang kedua, selain daripada rancangan untuk menjual minyak tanah dan diesel, adakah PETRONAS di dalam masa yang akan datang mengadakan rancangan untuk menjual petrol?

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, organisasi PETRONAS memang diperbaiki setiap masa dan pembbaikan organisasi PETRONAS ini tidaklah bergantung sangat kepada keuntungan yang diperolehi olehnya kerana keuntungan yang didapati oleh PETRONAS amatlah besar berbanding dengan perbelanjaan yang dikehendaki untuk memperbaiki organisasinya. Walau bagaimanapun kita akan menggunakan sebahagian daripada keuntungan ini untuk mendapat pakar-pakar dan melatih pegawai-pegawai PETRONAS dalam semua bidang yang perlu untuk menjadi PETRONAS sebuah syarikat petroleum yang serba lengkap.

Berkenaan dengan penjualan minyak petrol, saya telah jawab dalam jawapan saya tadi iaitu kita sedang membina lima buah stesyen minyak dan satu daripadanya akan siap pada bulan Mei.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan

daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adakah PETRONAS bercadang merancang untuk menjadi pembekal tunggal petrol bagi semua lapanganterbang di Malaysia ini juga pelabuhan-pelabuhan di negara kita?

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, rancangan PETRONAS ialah semakin lama semakin banyak pembekalan minyak di lapanganterbang akan diuruskan oleh PETRONAS sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, mengenai bahagian kegiatan-kegiatan "up-stream", sungguhpun sumber petroleum negara kita terhad dan sungguhpun ada satu National Oil Depletion Policy untuk menjimatkan pengeluaran petroleum, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjelaskan kenapa dalam Rancangan Malaysia Keempat kadar pengeluaran minyak akan ditinggikan lagi dan bukan distabilkan atau diturunkan supaya pengeluaran lebih berpanjangan?

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, penambahan pengeluaran minyak ialah dengan kerana penggunaan minyak di dalam negara kita meningkat pada tiap-tiap tahun, anggaran 10% sehingga 13%, dan kalau kita tidak mengeluarkan minyak yang kian lama kian bertambah, maka perolehan kita daripada minyak yang lebih yang kita jual tidak akan memberi pendapatan yang sama seperti yang telah biasa kita dapat.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Menurut jawapan dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, PETRONAS menjual minyak kepada agensi-agensi Kerajaan. Saya ingin mendapat tahu bolehkah Timbalan Perdana Menteri menjelaskan kadar yang PETRONAS, dengan izin, percentage of the market served by PETRONAS?

Kedua, oleh kerana percentage PETRONAS menjual dalam Malaysia ini sangat rendah, adakah satu rancangan akan membesarkan pasaran PETRONAS?

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan percentage ini melainkan Yang Amat Berhormat sediakan angkanya, kalau tidak, tentu memerlukan notis terlebih dahulu.

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Memerlukan notis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Leonard Linggi anak Jugah.

Tuan Racha Umong: Tuan Yang di-Pertua, Soalan No. 2.

KEKURANGAN MINYAK PETROL/ DIESEL/TANAH DI SARAWAK

2. **Tuan Racha Umong (di bawah S.O, 24 (2))** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kerapkalnya berlaku kekurangan minyak petrol, diesel dan minyak tanah di kawasan-kawasan terpencil di Sarawak, sama ada Petronas mempunyai rancangan tertentu untuk menjalankan perniagaan runcit di Sarawak.

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kekurangan minyak diesel dan minyak tanah diketahui berlaku di Sarawak di pertengahan tahun 1979 sehingga Ogos 1980, pihak PETRONAS tidak menerima sebarang laporan rasmi mengenainya. Namun demikian masalah ini telah di selesaikan dengan pembekalan bahan-bahan tersebut ke Sarawak melalui peraturan hospitality dengan syarikat-syarikat minyak dan pelancaran Depo PETRONAS di Bintulu dalam bulan Januari tahun ini. PETRONAS juga membekalkan minyak diesel terus kepada badan-badan Kerajaan, firma-firma pembinaan dan pengguna-pengguna industri di Sarawak. Jualan terus minyak diesel ke Bintulu bermula dalam bulan Jun, 1980 dan Kuching dalam bulan Julai, 1980. Selain daripada itu PETRONAS juga merancang untuk mendirikan stesen-stesen runcit (retail Stations) yang menjual minyak diesel dan minyak gas sebagai permulaan dan kemudiannya akan menjual minyak petrol sebaik sahaja peruntukan tanah, kelulusan bangunan dan tender-tender diselesaikan.

Stesyen pertama di Bintulu telah mulai operasi pada 1hb April, 1981 ini, tapak-tapak yang sesuai telah juga diperuntukkan di Kuching, Sibu, Miri. Kini PETRONAS sedang menjalankan kajian mengenai pemasaran dan penyebaran bahan petroleum

di Sarawak, laporan mengenai kajian ini adalah dijangka siap pada akhir bulan Julai tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali.

Datuk Edwin anak Tangkun. Tuan Yang di-Pertua . .

Tuan Yang di-Pertua: Lain kali hendak lekas—tidak boleh lambat sangat.

KAPAL MISC—PERKHIDMATAN

3. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali meminta Perdana Menteri menyatakan di antara kapal-kapal MISC yang terbaru, apakah peranan kapal “Tenaga Empat” dalam meninggikan mutu import dan eksport dalam sistem perkapalan negara kita; apakah masalah yang timbul menyebabkan kelambatan perkhidmatannya; adakah anak-anak kapal dan jurutekniknya mahir dalam bidang memindahkan barang-barang khas; dan adakah Kerajaan bercadang memberi latihan yang intensif kepada mereka.

Timbalan Menteri diJabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di Pertua, “Tenaga Empat” adalah kapal gas asli cecair yang pertama diserahkan milik kepada MISC pada 6 Mac tahun ini. Seperti juga dengan keempat-empat buah kapal yang lain dalam siri yang sama yang dijadualkan untuk diserahkan milik pada akhir tahun ini dan awal tahun 1982, ianya dibina khas untuk memberi khidmat kepada projek gas asli cecair Malaysia di Bintulu. Penglibatan MISC dalam projek ini adalah untuk menyediakan pengangkutan eksport sebanyak kira-kira enam juta tan metrik gas asli cecair setahun dari Bintulu ke Negeri Jepun.

Kapal-kapal gas asli cecair itu akan dikendalikan sepenuhnya mulai tahun 1983 seterusnya memandangkan bahan muatan yang pertama kali hanya dijadualkan untuk diangkut dalam bulan Januari 1983. Walau bagaimanapun MISC kini sedang meneruskan usahanya di seluruh dunia untuk mendapatkan kemungkinan kapal-kapal untuk digunakan sebelum 1983 tetapi sehingga kini kita belum lagi menemui

sebarang kegunaan yang sesuai. Sementara itu peraturan sudah dibuat bagi melabuhkan kapal-kapal itu di Stavanger, Norway.

Di peringkat permulaan MISC akan mendapatkan khidmat pegawai-pegawai asing yang terlatih, berkelulusan dan cekap dalam mengendalikan kapal-kapal gas asli cecair itu. Walau bagaimanapun kesemua para anak kapal dan sebahagian pegawai-pegawai rendah akan terdiri dari warganegara Malaysia. Latihan bagi para pegawai kita sendiri untuk kapal-kapal itu sudah dimulakan beberapa tahun dahulu lagi tetapi hanya setakat latihan di darat sebelum kapal-kapal ini dapat dikendalikan.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini setakat ini berapa buah kapal yang ditempah oleh MISC dan daripada jumlah yang ditempah ini berapa buah kapal yang telah sampai ke negara kita dan adakah berlaku sebarang kelewatan terhadap membekalkan kapal-kapal ini oleh pihak pembekal? Jika berlaku, apakah tindakan yang akan diambil?

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kapal yang dipesan ialah 5 buah dan setakat ini 1 buah telah siap. Ada berlaku kelewatan persiapan kapal-kapal ini dan tindakan yang MISC telah ambil ialah membuat perundingan dengan syarikat-syarikat berkenaan di Peranchis tentang kelewatan itu sama ada patut didenda ataupun cara-cara lain untuk menyelesaikan masalah kelambatan persiapan itu.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan, tadi Timbalan Menteri yang berkenaan ada menyatakan 5 buah kapal yang telah dipesan. Sekarang saya hendak tahu berapa harganya serta dari negara mana pesanan itu dibuat. Adakah ini termasuk juga harga alat-alat gantian?

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, 5 buah kapal itu adalah berharga US\$700 juta iaitu kira-kira M\$1,600 juta dan pesanan ini daripada syarikat di Peranchis.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana pengeluaran gas asli cecair di Bintulu belum bermula di mana tanker-tanker ini boleh digunakan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini kerugian sebulan yang dihadapi oleh MISC apabila "Tenaga Empat" tidak boleh digunakan sehingga MISC boleh mendapat di mana-mana di dunia untuk sewakan "Tenaga Empat" itu, sehingga masa itu apabila "Tenaga Empat" itu tidak digunakan berapa kerugian sebulan yang dialami oleh MISC?

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, tentang kerugian itu saya berkehendakkan notis tetapi perlu diingat bahawa walaupun kita tidak menggunakan tanker itu untuk projek Bintulu tetapi ada keuntungan di pihak MISC oleh kerana masa dibuat pesanan dahulu dalam tahun 1974 untuk kapal-kapal ini harganya murah dan sekarang ini harganya melambung naik.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan yang harga dahulu, semasa kita pesan murah dan sekarang mahal; itu hanya kita bernasib baik. Tetapi yang saya ingin tahu apakah sebabnya Kerajaan begitu cepat sangat pesan kapal-kapal ini yang telahpun mengikat begitu banyak wang Kerajaan sedangkan kita tahu keperluannya hanya pada tahun 1983?

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebabnya projek Bintulu iaitu untuk mengeksportkan gas cecair dijangka bermula di dalam tahun 1979 dan pada waktu itulah kita jangka tanker-tanker ini siap iaitu di dalam tahun 1979.

PERSIDANGAN SERANTAU MENGENAI KAMPUCHEA

4. Dato Lee Boon Peng minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kedudukan Malaysia berhubung dengan seruan baru-baru ini oleh Russia menyokong mengadakan satu persidangan rantau atas Kampuchea, khasnya memandangkan perisytiharan Menteri-menteri Luar yang dikeluarkan di New Delhi pada 13hb Februari, 1981 atas keadaan di Asia Tenggara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, seruan daripada Russia supaya Malaysia menyokong diadakan suatu Persidangan Negara-negara Serantau seperti terkandung dalam Deklarasi Ho Ci Minh City pada 28-1-1981 itu adalah merupakan seruan yang tidak realistik. Ini adalah disebabkan persidangan yang dicadangkan itu memandang sepi terhadap masalah pertikaian di Kampuchea yang memerlukan satu penyelesaian politik dicapai dengan segera untuk menjamin masa depan politik dan ekonomi Kampuchea dan seterusnya mengembalikan keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Malaysia dengan negara-negara ASEAN yang lain tetap berpegang teguh dengan keputusan-keputusan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu yang terkandung dalam Resolusi 35/6 di mana Resolusi tersebut menyeru supaya diadakan persidangan antarabangsa bagi membincangkan masalah Kampuchea menggesa semua tentera-tentera asing diundurkan dari bumi Kampuchea dan seterusnya menyeru supaya rakyat Kampuchea diberi hak kebebasan memilih Kerajaan mereka sendiri tanpa sebarang gangguan dan pengaruh dari luar.

Pendirian ASEAN sedemikian itu telah sekali lagi mendapat sokongan terbesar di Persidangan Menteri-menteri Luar di Negara-negara Berkecuali yang berlangsung di New Delhi baru-baru ini.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri telah menerangkan bahawa seruan yang dibuat oleh Russia itu tidak realistik. Bolehkah beliau menerangkan kepada Dewan ini apakah tindakan-tindakan pihak Kementerian beliau untuk memahamkan Russia bahawa tindakan yang mereka buat itu tidak realistik?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita mengatakan bahawa tindakan Russia itu tidak realistik kerana kita berdasarkan kepada Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu 35/6 yang mana kita perlu mengadakan persidangan antarabangsa. Jadi

jikalau kita menyetujui seruan Russia supaya diadakan Persidangan Serantau ini telah ketara sekali bertentangan dengan Resolusi yang telah disokong oleh kebanyakan ahli-ahli di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga Negara-negara Berkecuali. Jadi kita mengharapkan dengan penyuaan kita di forum-forum yang tersebut tadi message ini akan sampai ke telinga Russia dan Russia akan bertindak dengan sewajarnya.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, setelah Malaysia mengambil sikap cadangan Russia itu sebagai tidak realistik, soalan saya apakah tindakan balas pihak Russia sekurang-kurangnya dari segi pendapat dan diplomatik terhadap pandangan Malaysia tersebut dan soalan yang kedua apakah dengan pandangan serta pendirian Malaysia tentang hal ini boleh membantutkan usaha-usaha Malaysia dan juga ASEAN untuk mencari satu formula keamanan bagi Tenggara Asia khususnya mengenai Kampuchea?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak Russia telah membuat satu rayuan kepada Kerajaan Malaysia mengenai sokongannya terhadap Persidangan Negara-negara Serantau supaya persidangan ini diadakan. Tetapi walau bagaimanapun, sebagaimana dijelaskan tadi bahawasanya cadangan ini tidak dapat kita terima. Itulah sahaja langkah kita pada masa ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seruan yang dibuat oleh Russia sebenarnya adalah berekoran dari seruan sebelum itu yang dibuat oleh ketiga-tiga negeri Indo-China iaitu untuk mengadakan dailog dengan ASEAN, ini sebagaimana Setiausaha Parlimen sedar adalah satu kemajuan jika dibandingkan dengan kedudukan mereka yang rigid sebelum itu. Soalan saya, adakah pihak Kementerian bersetuju bahawa lebih elok kalau pihak ASEAN menolak terus cadangan dari ketiga-tiga negeri Indo-China tadi dan sebaliknya membuat satu cadangan balas, mungkin dengan cara meminda sedikit sebanyak cadangan mereka itu dan dengan itu juga meneruskan dailog sehingga mendapat satu persetujuan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini, kita telah menyatakan bahawa kita bersetuju dengan perbincangan serantau (regional consultation) yang mana pihak-pihak berkenaan sepatutnya mengadakan dailog secara dua hala atau seterusnya, semoga satu masa nanti dapatlah resolusi 35 (6) itu dilaksanakan dengan sepenuhnya. Dailog ini kita teruskan dari masa ke semasa dan ini bukan sahaja dijalankan oleh Malaysia tetapi juga oleh ahli-ahli ASEAN yang lain.

KEMATIAN PELANCUNG-PELANCUNG DI PULAU PINANG/JOHOR

5. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kematian seorang pelancung wanita di Pulau Pinang dan Pegawai Tentera di Johor juga seorang pelancung telah menjejaskan perindustrian pelancungan di negara ini kerana pelancung-pelancung merasa tidak selamat hendak melawat ke negara ini dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk menentukan keselamatan pelancung-pelancung dan kejadian seperti ini tidak akan berulang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang kedua-kedua perkara yang masing-masing terjadi di Pulau Pinang dan di Johor. Perkara seperti ini diakui adalah buruk dari segi pelancungan dan menjejaskan perindustrian pelancungan. Malah perkara seperti ini adalah amat tidak diingini ditinjau dari segi rakyat jelata negara kita sendiri. Dalam pada itu, inginlah juga saya menyatakan iaitu dari segi keselamatan kepada pelawat-pelawat dari dalam dan luar negeri, negara kita adalah terkenal sebagai satu negara yang paling selamat dilawati.

Sukacita saya memaklumkan bahawa kejadian seperti ini jarang berlaku dan juga ianya boleh berlaku di mana-mana negara pun dan bukan kepada negara kita sahaja. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna kita tidak perlu mengambil langkah-langkah bagi mengelakkan kejadian seperti ini berulang lagi. Sebaliknya soal keselamatan

termasuk keselamatan harta dan diri seseorang dalam negara kita sentiasa diberi keutamaan oleh Kerajaan. Maka itulah Kerajaan telah menambahkan keupayaan jentera keselamatan negara sama ada dari segi keanggotaan ataupun dari segi undang-undang untuk menjadikan negara kita sebagai satu negara yang dapat menjamin keselamatan warganegaranya sendiri serta pelawat-pelawat asing. Mana-mana kelemahan jika ada, akan sentiasa dikaji dan diperbaiki dari semasa ke semasa.

SKIM TABUNG PERUMAHAN KEBANGSAAN

6. Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kerajaan akan mengadakan satu skim yang dinamakan 'Tabung Perumahan Kebangsaan' bagi menolong rakyat yang berpendapatan rendah terutama kaum bumiputra untuk mendapatkan rumah dan adakah Kerajaan bercadang melalui Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri supaya membeli rumah yang diperuntukan kepada kaum Bumiputra kemudian menjualnya kepada mereka.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk mengadakan satu skim 'Tabung Perumahan Kebangsaan' untuk menolong rakyat yang berpendapatan rendah terutama kaum bumiputra untuk mendapatkan rumah, oleh kerana di bawah rancangan perumahan awam kos rendah yang sedia ada pada masa ini matlamat rancangan tersebut adalah juga sama. Walau bagaimanapun, beberapa Kerajaan Negeri ada mengambil tindakan untuk membuka pendaftaran bagi tujuan membantu kaum Bumiputra membeli rumah-rumah tersebut, mengikut quota, peruntukan kepada bumiputra oleh pemaju-pemaju swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Keempat (RME), Kerajaan mungkin membeli rumah-rumah berharga rendah yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta dan menjualkannya kepada pembeli-pembeli dari golongan berpendapatan rendah.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam istilah Kementerian beliau berapakah harga rumah yang diistilahkan sebagai harga rendah.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mengikut dalam Rancangan Malaysia Keempat rumah awam kos rendah ialah harga hitung panjangnya \$14,000.

DADAH—PENYALAHGUNAAN DI SARAWAK

7. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bertambahnya kes penyalahgunaan dadah di Sarawak dan apakah langkah-langkah berkesan yang akan dijalankan dalam hal ini.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedar tentang wujudnya masalah dadah di Sarawak. Tetapi masalah disana secara perbandingan tidaklah begitu serius, langkah-langkah dalam bidang perundangan dan penguatkuasaan, rawatan dan pemulihan, pendidikan, pencegahan dan penerangan telah dan sedang diambil di Sarawak bagi mengawal dan mencegah masalah ini.

Tuan Chieng Tiong Kai: Soalan tambahan. Memandangkan bertambah banyaknya kes-kes penyalahgunaan dadah di negeri Sarawak saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini adakah Kerajaan menyiasat dari mana dadah-dadah itu diseludupkan ke Sarawak, dari Semenanjung Malaysiakah atau luar negeri.

Tuan Sanusi bin Junid: Yang Berhormat telah bertanya soalan ini kerana Yang Berhormat menganggap keadaan dadah telah menjadi bertambah buruk. Tetapi perangkaan menunjukkan keadaan tahun 1980 lebih baik daripada tahun 1979. Penangkapan pada tahun 1979 umpamanya 82 kes dan pada tahun 1980 hanya 53. Oleh itu tidak timbul soal keadaan ini menjadi

bertambah buruk. Dadah boleh datang dari mana sahaja dan tidak ada bukti bahawa ianya datang begitu jauh daripada Semenanjung.

Datuk Edwin anak Tangkun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kes dadah ini bukan sahaja berlaku di bandar-bandar bahkan pada masa ini ada juga berlaku di kawasan luar bandar; adakah pihak berkenaan bercadang untuk mengadakan kempen PEMADAM kepada kawasan luar bandar pada masa akan datang.

Tuan Sanusi bin Junid: Pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Bahagian Polis yang khas bertanggungjawab mengenai masalah dadah sedang berusaha untuk memerangi gejala ini bukan sahaja di bandar tetapi juga diluar bandar.

TANAH HAKMILIK BUMIPUTRA DI LEBUHRAYA UTARA- SELATAN DAN TIMOR-BARAT

8. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan berapa luas tanah hakmilik rakyat yang terlibat dengan rancangan lebuhraya Utara-Selatan, Timor-Barat dan lain-lain lebuhraya di negeri Pulau Pinang, dan dari jumlah itu berapa luas tanah hakmilik bumiputra yang terlibat dan benarkah pampasan yang dibayar tidak sejajar dengan harga pasaran.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa jumlah luas tanah yang terlibat dalam pelaksanaan projek lebuhraya di negeri Pulau Pinang setakat ini ialah 1,753.5 ekar iaitu 250 ekar bagi pembinaan jambatan Pulau Pinang, 1,300 ekar bagi membina Lebuhraya Utara/Selatan dan 123.5 ekar bagi pelaksanaan peringkat pertama Rancangan Penyuraian Lalulintas Pulau Pinang. Di samping projek-projek seperti yang tersebut di atas terdapat satu lagi projek iaitu Projek Jalanraya Timor/Barat Peringkat Kedua di mana luas tanah yang terlibat dalam projek belum lagi dapat ditentukan kerana pada masa ini Kementerian sedang menjalankan kajian lalulintas untuk menentukan aliran jalan. Untuk makluman

Ahli Yang Berhormat tanah yang terlibat projek-projek seperti yang tersebut di atas adalah terdiri daripada tanah-tanah Kerajaan, syarikat-syarikat dan tanah-tanah orang perseorangan.

Pada masa ini saya tidak dapat memberi tahu jumlah luas tanah hakmilik bumiputra yang terlibat dalam semua projek yang sedang dijalankan itu. Ini adalah kerana sebahagian daripada projek tersebut seperti Lebuhraya Utara/Selatan adalah dalam peringkat perancangan untuk menentukan aliran jalan yang muktamad.

Mengenai bayaran pampasan pula, sukacita saya maklumkan bahawa nilai harga tanah adalah dibuat oleh Pejabat-pejabat Tanah yang berkenaan. Semasa membuat penilaian tersebut Pejabat Tanah telahpun mendapat khidmat penilaian untuk membuat penilaian yang saksama.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa reaksi kurang senang rakyat terhadap pengambilan tanah oleh Kerajaan sekarang ini adalah oleh sebab:

- (1) bayaran pampasannya kurang adil; dan
- (2) apabila telah diputuskan pula bayarannya begitu lambat untuk dijelaskan.

Oleh itu, adakah pihak Kementerian akan mengambil tindakan-tindakan yang perlu supaya harga bayaran pampasan itu lebih adil.

Keduanya, adakah ianya dibayar agak dengan lebih cepat lagi.

Datuk Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi penilaian tanah adalah dibuat oleh Pejabat-pejabat Tanah di negeri masing-masing. Apabila tanah itu sudah dinilai. Kementerian saya hanya membayar setakat mana yang dinilai. Kalaulah tuannya tanah tidak bersetuju dengan penilaian tersebut ada peruntukan yang tertentu dalam undang-undang tanah yang mana mereka boleh merayu kepada mahkamah ataupun meminta jasa baik pihak-pihak yang tertentu supaya

harga tanah itu disesuaikan mengikut pendapat mereka.

Berkenaan dengan perkara yang kedua, iaitu tentang kelambatan, Kementerian saya sentiasa mempercepatkan pembayaran pampasan itu apabila penilaian itu diterima daripada pihak-pihak yang berkenaan.

GURU PELATIH DALAM KURSUS PERGURUAN

9. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru-guru pelatih yang dipilih untuk menjalani latihan perguruan di berbagai-bagai Kolej Latihan Perguruan yang ada di negara ini pada tahun ini dengan memberikan perpecahan mengikut kaum.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan bilangan guru pelatih yang dipilih untuk menjalani kursus perguruan pada tahun ini mengikut perpecahan kaum oleh kerana Kementerian Pelajaran masih lagi belum menerima senarai calon-calon yang berjaya dipilih dari Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Untuk makluman Yang Berhormat, pemilihan calon guru pelatih bagi tahun 1981 masih lagi di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Kementerian Pelajaran akan mengambilalih urusan pemilihan dan penempatan guru pelatih hanya pada tahun ini, yakni untuk memilih calon yang akan mengikut kursus perguruan dalam tahun 1982. Saya juga suka memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa pelatih-pelatih tahun satu bagi maktab-maktab perguruan Semenanjung Malaysia akan hanya melaporkan diri ke maktab masing-masing pada minggu pertama bulan Mei, 1981 ini.

Datuk Dr Hee Tien Lai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau sedar bahawa kebanyakan pemohon yang memasuki sekolah latihan guru-guru walaupun mereka ada keputusan SPM yang terbaik mendapat kredit dalam Bahasa Malaysia dan sebagainya, tetapi tidak

berjaya dalam permohonan mereka walaupun beberapa kali mereka memohon masuk kolej latihan guru.

Dato' Mohamad Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, yang memohon untuk mengikut kursus perguruan adalah sebanyak 70,000, manakala yang berjaya lebih kurang 5,000 sahaja.

PINJAMAN KEPADA MARA— MENGHAPUSKAN KIRA-KIRA HUTANG

10. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa buahkah badan berkanun memohon untuk menghapus kira (write off) hutang-hutang yang dianggap tidak dapat dipungut balik. Apakah pihak Kementerian berpuashati dengan langkah-langkah pungutan balik dan menentukan kira-kira itu benar-benar tidak dapat dipungut atau dikesan oleh badan-badan yang telah diluluskan untuk berbuat demikian.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, pada fahaman saya soalan ini hanya menyentuh badan-badan berkanun Kerajaan Persekutuan sahaja dan adalah berkaitan dengan pinjaman-pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada badan-badan berkanun Persekutuan yang telah digunakan untuk pinjaman semula kepada individu-individu. Maka jawapan saya adalah berasaskan kepada fahaman tersebut.

Setakat ini hanya sebuah Badan Berkanun Persekutuan sahaja, iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang telah membuat permohonan supaya Kerajaan menghapuskira sebahagian daripada pinjaman-pinjamannya kepada MARA yang dipinjamkan semula tetapi didapati tidak dapat dipungut balik. Permohonan ini adalah masih lagi dalam pertimbangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan akan hanya membuat keputusan untuk menghapuskira apa-apa pinjaman setelah ianya berpuashati bahawa Badan Berkanun tersebut telah mengambil semula langkah-langkah yang perlu termasuk tindakan undang-undang.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah sebab MARA adalah mengemukakan permohonan untuk menghapuskan jumlah ini. Bolehkah Yang Berhormat beritahu juga berapa jumlah MARA yang memohon kira-kira ini dihapuskan.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang telah dimohon oleh MARA untuk dihapuskan ialah sebanyak \$25.3 juta, iaitu yang merupakan tunggakan pinjaman-pinjaman yang melebihi daripada 24 bulan. MARA telah membuat permohonan untuk pinjaman Kerajaan ini dihapuskan memandangkan bahawa pada MARA hanya tinggal tindakan undang-undang sahaja yang boleh diambil ke atas mereka yang belum lagi menjelaskan pembayaran balik pinjaman-pinjaman tersebut. Dan memandangkan bahawa MARA tidak mempunyai bilangan legal staffnya dan adalah yang tidak mencukupi oleh kerana tindakan yang perlu diambil adalah ke atas lebih kurang 10,000 peminjam yang meminjam kecil-kecilan dan juga sekiranya digunakan tenaga legal swasta, kos yang terlibat dalam usaha untuk memungut balik pinjaman ini jika dibandingkan dengan jumlah tunggakan yang hendak dipungut mungkin terlalu tinggi, oleh sebab itulah MARA telah mencadangkan memohon untuk dihapuskan pinjaman Kerajaan kepadanya.

GULA—PENANAMAN TEBU

11. **Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah usaha-usaha jangka panjang yang dijalankan Oleh Kementerian beliau untuk membekalkan gula dengan secukupnya melalui penanaman tebu di negara ini memandangkan harga gula yang tinggi berkurangan bekalan di pasaran dunia.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian yang telah dijalankan kawasan yang sesuai untuk tanaman tebu untuk gula adalah terhad. Setakat yang diketahui sekarang tanaman tebu untuk gula hanya sesuai sebahagian kecil di utara Semenanjung Malaysia sahaja.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat bahawa jumlah tanah yang sesuai untuk penanaman tebu di negara ini adalah terhad, soalan saya apakah semua tanah-tanah yang boleh ditanam dengan tebu tersebut telahpun diusahakan untuk menanam tebu.

Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini boleh dikatakan sebahagian besar daripada tanah-tanah yang sesuai untuk tanaman tebu untuk gula telahpun ditanam dengan tebu, tetapi adalah sedikit-sedikit tanah, tak besar-kecil, tetapi tanah-tanah yang sedemikian bolehlah digalakkan untuk tanaman-tanaman kecil untuk menanam tebu.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada sejenis bunga yang sudah berjaya dikaji dan ditanam oleh Jepun dan Taiwan boleh dijadikan sebagai gantian gula. Jika memandangkan bekalan gula sangat berkurangan di Malaysia melalui tanaman tebu, maka adakah pihak Kementerian Pertanian akan mengambil tindakan positif untuk menggalakkan supaya bunga ini boleh ditanam di Malaysia kerana sudah berjaya dijalankan di Jepun dan di Taiwan dan sedang dijalankan di Malaysia juga.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha hendak menambah kecukupan gula melalui Kementerian Yang Berhormat ini, adakah pihak Kementerian bercadang hendak menggalakkan misalnya tanaman pokok-pokok lain yang boleh dijadikan gula, misalnya, pokok kabung dan pokok nyira yang satu ketika dahulu amat popular digunakan oleh orang-orang kampung untuk membuat gula Melaka.

Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, untuk memproses secara besar-besaran cara commercial, maka tanaman tebu adalah yang paling sesuai tetapi untuk bagi kegunaan keluarga ataupun untuk kegunaan kecil-kecilan, maka cara-cara traditional itu memang baik.

TLDM—PEMBELIAN KAPAL-KAPAL TERPAKAI

12. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah beliau sedar bahawa akrobat membeli kapal yang terpakai untuk Tentera Laut Diraja Malaysia, maka kesukaran mendapatkan alat ganti amat dirasakan di mana kapal KD Rahmat sudah tiga tahun rosak dan tidak dapat dibaiki. Berapakah kerugian yang dialami.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, kapal-kapal terpakai yang telah dibeli oleh TLDM sehingga ini ialah KD Hang Tuah (sebuah frigate) dan tiga buah kapal pendarat (landshift Tanks) iaitu KD Sri Langkawi, KD Sri Bangi dan KD Raja Jarom. Semua kapal-kapal ini telah memberi perkhidmatan yang begitu baik dan memuaskan.

KD Rahmat bukanlah sebuah kapal yang terpakai sepertimana yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Semerah, ianya adalah sebuah kapal baru yang dibeli oleh TLDM dan dibina oleh Yarrow Shipbuilders (United Kingdom) pada 15hb Disember 1967. Dan setelah melaksanakan gerakan selama lebih dari 10 tahun (dari 1967 hingga 1978), kapal tersebut menjalani 'refit' yang dirancangan dalam tahun 1978.

KD Rahmat dan kapal-kapal yang lain dihantar ke limbungan-limbungan sama ada di Pelabuhan Johor atau di Butterworth adalah untuk menjalani senggaraan biasa (routine maintenance) yang telah dirancangan mengikut pusingan (cycle) gerakan mereka dan bukan disebabkan oleh keadaan buruk. Penangguhan yang agak lama dalam hal ini adalah disebabkan oleh kekurangan kemahiran di pihak limbungan. Dari segi alat-alat ganti untuk kapal-kapal tersebut tidaklah menjadi sebarang masalah atau kerumitan kerana barang-barang ganti yang diperlukan telahpun tersedia.

Walau bagaimanapun, dalam rancangan jangka panjang, pihak TLDM telah

menyiapkan beberapa rancangan untuk membeli kapal-kapal baru bagi menggantikan kapal-kapal lama secara bertahap. Keperluan ini telah dimasukkan ke dalam Rancangan Perkembangan Istimewa Angkatan Tentera dan Rancangan Malaysia Keempat. Di samping itu, beberapa buah kapal sedang menjalani 'refurbishment' atau 'recondition' iaitu pembaharuan untuk meningkatkan lagi taraf operational kapal-kapal tersebut.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Sebagaimana penjelasan Setiausaha Parlimen tadi KD Rahmat umpamanya telah berumur 14 tahun. Ini memandangkan kapal tersebut sudah tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang. Apakah cadangan Kementerian supaya kapal ini dijual sahaja dan diganti dengan kapal yang baru dan moden.

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar dikatakan kapal ini tidak boleh digunakan lagi. Kapal ini dihantar ke limbungan ialah kerana penggunaan yang begitu lama dan perlu menjalani senggaraan setelah itu dia akan menjalankan tugas semula.

Puan Shariffah Dorah binti Mohamed: Setakat ini apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan lagi prestasi, keupayaan dan kemampuan tentera laut kita bukan hanya setakat menjalankan gerakan di laut dan di pantai bahkan juga untuk menjaga kesihatan-kesihatan kapal itu dengan pasukan REMENya (Royal Engineer Military) atau lain.

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan keperluan negara dan selaras dengan perkembangan yang telah dijalani oleh rakan-rakan mereka iaitu tentera darat dan tentera udara, beberapa usaha sedang dijalankan untuk meninggikan prestasi angkatan laut kita termasuklah mengikut rancangan jangka panjang TLDM dalam Perkembangan Istimewa Angkatan Tentera dan juga mengikut Rancangan Malaysia Keempat. Di antara rancangan-rancangan atau langkah-langkah yang akan diambil pertama, pembelian kapal-kapal seperti kapal Corvert,

kapal pengangkut peluru (ammunitionship), kapal ronda pantai lepas (off-shore patrol vessel), yang kedua penggantian kapal-kapal lama (replacement programme) dan pembaharuan kapal-kapal ronda; memperbaharui sistem persenjataan dengan menggantikan alat-alat kelengkapan serta mengadakan pembaharuan (modernization) termasuklah kapal-kapal seperti KD Hang Tuan, KD Rahmat dan beberapa yang lain.

Selain daripada itu pembinaan pengkalan-pengkalan baru TLDM selain daripada yang ada sekarang ini di Lumut dan juga di Tanjong Gelang di Kuantan. Beberapa pengkalan angkatan laut yang baru akan dibina sama ada di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak.

Selain daripada itu untuk mempertingkatkan taraf kecekapan kapal-kapal dan anggota tentera laut kita, TLDM sentiasa mengadakan latihan-latihan laut sama ada latihan sesama sendiri ataupun latihan bersama dengan pasukan tentera negara-negara sahabat dengan tujuan untuk hendak mempraktikkan segala pengetahuan professionalisma yang telah mereka pelajari di darat. Misalnya dalam tahun 1980 sahaja beberapa latihan seumpama itu telah dijalankan. Seperti saya katakan tadi sama ada latihan biasa, latihan pendaratan komando, latihan serangan udara, latihan bersama dengan tentera laut negeri Thai seperti Thaily Laut I, latihan Mini Malindo dengan Indonesia, latihan Pessax dengan tentera laut Australia, Latihan Gonzales V dan lain-lain lagi dengan tujuan untuk meningkatkan keupayaan tentera laut kita.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana kapal KD Rahmat apabila dibeli dulu adalah merupakan sebuah kapal yang baru. Soalan saya adakah di antara kapal-kapal yang telah dibeli untuk kegunaan TLDM merupakan kapal-kapal yang telahpun digunakan. Kalau ada, adakah kriteria yang digunakan untuk menentukan kapal-kapal tersebut boleh dibeli.

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Ada. Sebenarnya setengah-setengah kapal yang digunakan oleh tentera laut kita ialah kapal-kapal yang lama dan kriteria yang digunakan

ialah ditentukan oleh pakar-pakar tentera kita dari semasa ke semasa. Dan keperluan-keperluan yang tertentu diwujudkan untuk hendak menambahkan keupayaan kapal-kapal itu dan sentiasa dijaga dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun.

Dato Lee Boon Peng: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 13.

PELAN INDUK TIAP-TIAP NEGERI

13. Dato Lee Boon Peng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandang bahawa Akta Rancangan Bandar dan Desa 1976 menghendaki tiap-tiap bandar dan bandaraya mengadakan pelan induk kemajuan sama ada pelan induk kemajuan bagi tiap-tiap satu bandar dan bandaraya di dalam negara kita telah siap sedia; jika tiada, bilakah pelan tersebut dapat disediakan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 telah diluluskan oleh Parlimen, cuma 5 negeri iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Trengganu sahaja telah menggunakan Akta ini untuk perlaksanaan. Negeri-negeri yang lain masih dalam proses untuk memakai Akta ini.

Projek-projek Pelan Induk yang berikut dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat:

- (1) Alor Setar
- (2) Kota Bharu
- (3) Seremban
- (4) Ipoh
- (5) Johor Bahru
- (6) Melaka
- (7) Kuantan, dan
- (8) Butterworth

Pelan-pelan Induk bagi bandar-bandar lain adalah masih dalam pertimbangan Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing.

Dato Dr Hee Tien Lai: Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan dalam rancangan pelan induk itu, adakah pandangan orangramai atau badan-badan professional diminta.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan Akta ini pihak berkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri melantik jawatankuasa Perancang sendiri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau Ketua Menteri mengikut Akta 172 iaitu Akta Perancang Bandar dan Desa dan ahli-ahlinya termasuklah juga Ketua-ketua Jabatan yang dianggap professional yang boleh membantu Jawatankuasa Perancang di tiap-tiap negeri itu. Selain daripada itu Bahagian Perancang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang ada di Kementerian saya yang membantu dan kerjasama melaksanakan Akta ini juga sentiasa mendapat pandangan dan nasihat dan juga mempunyai anggota-anggota professional yang membantu di dalam merancang ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa oleh sebab pesatnya pembangunan negara kita sekarang ini banyak bandar-bandar dan bandaraya telahpun menjalankan projek-projek perancangan secara *ad hoc* sehingga timbul soal seumpama bangunan-bangunan yang di buat itu tidak teratur dan menimbulkan masalah sosio-ekonomi. Jadi sekiranya sedar, apakah langkah-langkah segera yang dapat dibuat oleh pihak Kementerian untuk berunding dengan pihak Penguasa Tempatan dan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan dengan segera pelan-pelan induk di bandar-bandar besar dan bandaraya seperti Johor Bharu dan sebagainya.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa mengikut Akta 172 iaitu Akta Perancangan Bandar dan Desa pihak berkuasa Negeri berkuasa menggunakan kebijaksanaannya bagi memperolehi manfaat dan juga praktikal menentukan tarikh-tarikh pelaksanaan Akta itu di negeri masing-masing

dan juga menentukan kawasan-kawasan Penguasa Tempatan yang ada di negeri masing-masing dan juga menentukan tarikh-tarikh kuatkuasa atau pelaksanaan Akta ini yang berlainan antara satu-satu kawasan Penguasa Tempatan dalam negeri masing-masing. Dengan sebab itulah kita dapati sebagaimana yang saya sebut dalam jawapan pada soal asal tadi sungguhpun Akta ini diluluskan di dalam tahun 1976 tetapi setakat ini hanya 5 buah negeri sahaja di Semenanjung ini yang telah melaksanakan Akta ini dan di negeri-negeri lain masih belum dilaksanakan lagi dan masih didalam proses persediaan melaksanakannya.

Saya sedar bahawa masalah yang dihadapi di bandar-bandar yang sedang membangun sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam soalnya tadi oleh sebab perancangan di setengah-setengah bandar yang membangun itu tidak begitu teliti, maka ianya menimbulkan beberapa akibat dan masalah yang tidak menyenangkan. Dengan sebab itulah maka Akta ini diluluskan oleh Parlimen ini—di Dewan yang mulia ini dan ianya akan dilaksanakan oleh semua pihak-pihak berkuasa Negeri. Dan sukacita juga saya memaklumkan masalah kelambatan yang berlaku di setengah-setengah negeri yang belum lagi melaksanakan Akta ini ialah terutamanya dari segi pentadbiran yang melibatkan kewangan dan kakitangan dan dijangka tidak beberapa lama lagi semua negeri-negeri yang belum lagi melaksanakan Akta ini akan dapat melaksanakannya.

PUSAT-PUSAT LATIHAN BELIA

14. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebilangan besar belia selepas menamatkan latihan kemahiran di pusat-pusat latihan belia di negara ini mendapat kerja yang tiada kenamengena dengan jenis latihan yang mereka ikuti, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi perkara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, belia-belia yang tamat daripada Pusat-pusat Latihan Belia

anjaran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mendapat pekerjaan sama ada di jabatan-jabatan Kerajaan atau di kalangan swasta atau menjalankan perniagaan sendiri. Dalam pada itu terdapat kira-kira 30% daripada mereka itu mendapat atau menjalankan pekerjaan dalam bidang-bidang yang berlainan daripada bidang mereka terlatih di Pusat-pusat Latihan Belia dahulu.

Sebagai satu langkah untuk menentukan supaya belia-belua yang tamat dari latihan itu mendapat pekerjaan mengikut jurusan kemahiran mereka, Kementerian mengkaji peluang-peluang pekerjaan dan seterusnya membantu belia-belua yang tamat latihan mendapatkan pekerjaan mengikut jurusan latihan mereka dengan cara berhubung rapat dengan majikan-majikan.

Datuk Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah Kementerian beliau bercadang untuk menghantar penuntut-penuntut latihan lanjutan memandangkan latihan yang mereka terima di sini payah untuk mendapat atau mencari pekerjaan.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian belum membuat cadangan supaya menghantarkan para belia ini ke seberang laut untuk melanjutkan pelajaran mereka kerana kita puas hati dengan pelajaran-pelajaran yang diberi oleh Kementerian kepada para belia yang sedang belajar di Pusat-pusat Latihan ketika ini.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan asal tadi, kalau saya tidak silap, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa sebanyak 50% daripada belia-belua yang telah menamatkan kemahiran di Pusat-pusat Latihan Belia di bawah Kementerian beliau mendapat pekerjaan-pekerjaan yang ada hubungan dengan latihan mereka. Adakah dengan ini menampakkan bahawa kemahiran mereka itu belum lagi dapat menjamin mereka itu dapat bekerja di bidang-bidang berkenaan. Dan soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa sebahagian besar daripada belia-belua yang dapat latihan ini setelah tamat latihan belum

lagi mendapat kemahiran yang sepenuhnya ataupun sekurang-kurangnya kemampuan dari segi psikologi yang sepenuhnya untuk menjalankan kerja yang mereka mendapat latihan itu.

Soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian beliau benar-benar mempunyai satu rekod bagi setiap belia yang telah dilatih dan di manakah mereka itu pergi setelah mereka itu tamat latihan masing-masing.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan Yang Berhormat bukan 50% yang saya jelaskan tadi tetapi 30%. Dan juga dalam pemikiran saya pada ketika ini sebenarnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah melaksanakan berbagai-bagai rancangan untuk keperluan belia-belua yang telahpun dilatih di Pusat-pusat Belia Negara kita di Dusun Tua dan sebagaimana yang saya sebutkan tadi Kementerian juga telah memberi berbagai-bagai pertolongan ataupun bantuan untuk para belia ini melaksanakan berbagai-bagai projek yang dianggap memberi keuntungan bila mereka sudah balik ke tempat masing-masing.

Berkenaan psikologi maklumlah kita tidak dapat berharap sangat kepada kecekapan yang telah didapati ataupun diperolehi oleh para-para belia kita kerana mereka ini masih lagi muda dan kita berharap dengan bimbingan yang begitu baik yang diberi oleh pihak Kementerian saya kepada semua para belia yang telah terlatih itu akan memberi manfaat kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 34 adalah diberi di bawah ini).

GURU-GURU MENGIKUT KAUM

15. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru-guru di seluruh negara berasaskan:

- (a) Profesyen;
- (b) Jantina;
- (c) Keturunan kaum; dan
- (d) Kategori.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:

(a) Saya kurang faham apa yang dimaksudkan dengan perkataan 'profesyen' seperti yang terdapat dalam soalan Yang Berhormat dari Dungun itu. Oleh itu, saya tidaklah dapat menjawab soalan bahagian pertama itu.

(b) Bilangan guru mengikut jantina (tidak termasuk guru-guru di Sarawak):

Lelaki 68,072

Perempuan 53,435

(c) Bilangan guru mengikut kaum (tidak termasuk guru-guru di Sarawak):

Melayu /Bumiputra .. 65,993

Cina 35,770

India 8,394

Lain-lain 1,391

Maklumat guru-guru mengikut kaum di Sarawak tidak diperolehi. Jumlah bilangan gurunya ialah: 9,959.

(d) Bilangan guru mengikut kategori:

Kategori D 11,694

T 2,586

C 88,784

B 17,157

Lain-lain 1,286

MEMBENDUNG INFLASI

16. Tuan Haji Ampong bin Haji Puyon minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah kejayaan usaha Kerajaan untuk membendung inflasi setakat ini dan jika tidak berjaya apakah langkah-langkah yang akan diambil.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Kerajaan telah mencapai kejayaan yang cemerlang dalam usaha membendung inflasi. Ini adalah nyata dari prestasi harga pengguna dalam beberapa tahun yang kebelakangan yang menunjukkan bahawa harga pengguna yang melambung tinggi ke paras 14.7% dalam tahun 1974 telah dapat dikawal dan diturunkan ke paras 4.5% dalam tahun 1975,

iaitu dalam tempoh hanya satu tahun. Kemudian paras harga pengguna telah dapat dikekalkan ke paras 5% pada puratanya dalam 4 tahun yang berikutan sehingga tahun 1979. Dalam tempoh tersebut terdapat kadar inflasi yang lebih rendah, misalnya 2.6% dalam tahun 1976 dan 3.6% dalam tahun 1979. Tetapi dalam tahun 1980 paras harga telah meningkat kepada 6.7%. Ini adalah disebabkan oleh kadar inflasi yang diimport dan tekanan-tekanan permintaan dalam negeri akibat daripada perkembangan ekonomi tempatan yang pesat.

Kita tidak dapat mengelakkan tekanan kadar inflasi yang diimport kerana ekonomi kita adalah ekonomi terbuka dan kita masih memerlukan banyak barang-barang jentera dan sebagainya untuk digunakan bagi berbagai-bagai rancangan pembangunan untuk mepertingkatkan taraf hidup dan paras pendapatan penduduk Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah dapat mengurangkan tekanan ini dengan mengambil langkah-langkah tertentu seperti memberi subsidi, pengecualian cukai import ke atas barang-barang makanan dan sebagainya. Dalam tahun 1980 misalnya Kerajaan telah melaksanakan sejumlah \$891.5 juta bagi melaksanakan beberapa jenis subsidi termasuk subsidi untuk petroleum dan barang-barang yang bersangkutan dengan minyak dan diesel dan juga barang-barang keperluan hari-hari seperti beras dan sebagainya. Dengan langkah-langkah yang telah dilaksanakan Kerajaan telah dapat mengurangkan tekanan inflasi ke paras 6.7% dalam tahun 1980 berbanding dengan 7.0% yang dianggarkan dalam Belanjawan 1980/81. Kadar ini adalah rendah jika dibandingkan dengan kadar-kadar inflasi di negara-negara jiran seperti 8.5% di Singapura, 15.9% di Indonesia, 11% di Negeri Thai, 21% di Sri Lanka dan 27% di Korea Selatan.

Dalam tahun 1981 pula Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah kira-kira \$1,400 juta bagi melaksanakan beberapa jenis subsidi yang meliputi barang-barang keperluan dan juga petroleum, minyak diesel dan minyak tanah. Dengan langkah-langkah ini serta juga langkah-langkah pentadbiran yang dikuatkuasakan untuk mengelakkan

penipuan serta juga penyorokan barang-barang keperluan adalah dijangka bahawa kadar inflasi yang mungkin menjadi lebih tinggi dalam tahun 1981 akan dapat dikurangkan ke paras 7%.

Kerajaan memberi keutamaan yang paling tinggi kepada usaha melawan inflasi dan akan tidak teragak-agak melaksanakan langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah ini, jika keadaan memerlukan.

JABATAN UKUR KEDAH/ PERLIS—PROSES PEMILIKAN TANAH LEWAT

17. **Tuan Haji Hashim bin Endut** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada sedar tentang kelewatan memproses pemilihan tanah yang makan masa yang lama yang membosankan rakyat di Negeri Perlis dan Kedah Utara kerana Jabatan Ukur Negeri berada di Pekan Kulim (Kedah Selatan) dan sama ada Kementerian bercadang hendak pindahkan Jabatan tersebut ke Alor Star di mana 99% Jabatan-jabatan yang lain berkhidmat kepada rakyat, jika ya bila, dan jika tidak mengapa.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Shariff Ahmad): Kelewatan memproses pemilihan tanah yang memakan masa itu bukanlah disebabkan Jabatan Ukur tidak berada di Alor Star. Jabatan ini cuma terlibat dalam sebahagian sahaja proses pemilihan tanah, iaitu mengukur dan menyediakan surat Hakmilik Kekal.

Untuk menyelesaikan tunggakan kerja mengukur, satu Unit Khas Ukur akan dihantar ke negeri Kedah sebelum akhir tahun ini untuk mengerjakannya.

Pada ketika ini tiada perancangan hendak memindahkan Jabatan Ukur Kedah/Perlis dari Pekan Kulim ke Alor Star. Ini adalah disebabkan oleh tiada wujudnya faktor-faktor baru yang mendesak Jabatan ini dipindahkan ke sana sejak keputusan diambil untuk mengekalkan dan seterusnya membina bangunan baru bagi Jabatan ini di Pekan Kulim pada tahun 1968 dengan memakan belanja \$430,000.

PELABUHAN KUANTAN— KAJIAN KEROSAKAN

18. **Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah Pelabuhan Kuantan akan dapat digunakan dengan sepenuhnya, setakat ini berapakah jumlah perbelanjaan terlibat untuk membina dan memperbaiki Pelabuhan ini, bilakah laporan atas siasatan yang dijalankan oleh firma perunding ini diumumkan.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Kajian ke atas kerosakan di Pelabuhan Kuantan oleh Juruperunding Sir Bruce White, Wolfe, Barry and Partners masih lagi dijalankan dan sekarang adalah dalam peringkat terakhir. Dengan yang demikian Kementerian ketika ini belum dapat menentukan bilakah Pelabuhan Kuantan akan dapat digunakan sepenuhnya, jumlah perbelanjaan terlibat bagi memperbaiki Pelabuhan tersebut dan juga apa-apa pengumuman berhubung dengan laporan ini. Walau bagaimanapun, suka saya menyatakan bahawa operasi sebahagian di Pelabuhan Kuantan yang terhad kepada kapal-kapal seberat 6000 dwt. telah bermula sejak bulan Mei 1980 dan sehingga ini sebanyak 15 kapal telah melabuh di Pelabuhan Kuantan.

PENSYARAH-PENSYARAH UNIVERSITI KEBANGSAAN

19. **Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia yang menjalani pengajian Ph. D di seberang laut sejak tahun 1975, dan dari jumlah itu berapa peratuskah yang berjaya.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Bilangan pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah dibenarkan mengikuti program Ph. D di luar negeri sejak tahun 1975 hingga 10hb Mac, 1981 ialah seramai 184 orang. Dari jumlah tersebut seramai 84 orang (45.7%) telah kembali dan berjaya mendapat kelulusan Ph. D. Bakinya dijangka balik pada tahun 1981 hingga 1984, terutamanya bagi mereka yang dihantar untuk mengikuti program Ijazah Ph. D antara tahun 1978-1981.

LAWATAN ROMBONGAN IRAN

20. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan oleh satu rombongan dari Iran baru-baru ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Lawatan Utusan Khas Kerajaan Iran ke Malaysia pada 7hb-11hb Februari, 1981 ialah untuk menyampaikan utusan daripada Perdana Menteri Iran kepada Y.A.B Perdana Menteri Malaysia yang menjelaskan pendirian Iran dalam pertikaian Iran dengan Iraq. Perdana Menteri Iran telah menjemput Y.A.B Perdana Menteri, melawat Iran dalam konteks pencarian penyelesaian pertikaian Iran-Iraq.

Semasa lawatannya ke Malaysia Utusan Khas Iran telah mengunjungi Y.A.B Pemangku Perdana Menteri, Y.B Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pemangku Menteri Luar dan pegawai-pegawai Malaysia yang berkenaan.

Beliau telah juga mengunjungi Pusat Islam untuk mendapat taklimat mengenai perkembangan Islam di Malaysia. Utusan Khas Iran ini telah menyatakan rasa puas hatinya terhadap lawatannya, lebih-lebih lagi tentang pendirian Kerajaan Malaysia yang benar-benar ingin berkecuali dalam pertikaian kedua-dua negara Islam, dan kesediaan Malaysia untuk memainkan peranan dalam usaha mencari penyelesaian pertikaian Iran-Iraq.

PEKERJA MAS YANG DIPECAT

21. Tuan V. David minta Menteri Pengangkutan menerangkan mengapa beliau tidak mengambil balik pekerja-pekerja MAS seramai 31 orang yang telah dipecat semasa pertikaian MAS-AEU dalam tahun 1979.

Dato' Lee San Choon: Perkara pembuangan kerja adalah menyentuh hubungan di antara MAS dengan kakitangannya dan undang-undang yang berkaitan. Mereka itu dibuang kerja mengikut peraturan Syarikat itu dan juga undang-undang tersebut; dan Kerajaan tidak ada hak mencampurtangan dalam hal itu.

Jika mereka itu tidak puas hati dengan keputusan Syarikat, mereka berhak mengambil tindakan undang-undang mengikut aturan yang ditetapkan.

BIL IMPORT/EKSPORT BANK-BANK TEMPATAN

22. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah besar dan banyaknya bil-bil import dan eksport yang dikendalikan oleh bank-bank tempatan dan asing di Malaysia bagi tahun-tahun 1976, 1977, 1978, 1979 dan 1980 dan sejauh manakah mempengaruhi ekonomi Malaysia.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bil-bil import dan eksport yang dibiayai oleh bank-bank perdagangan dari tahun 1976 hinggalah 1980 masing-masingnya berjumlah \$2,514.2 juta dan \$4,346.7 juta. Oleh kerana terlalu banyak perangkaan mengenai perkara tersebut, saya tidak bercadang untuk memberinya secara lisan. Bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat memerlukan perangkaan tersebut bolehlah mendapatkannya dari Kementerian Kewangan.

Sungguhpun begitu, perlulah saya tegaskan bahawa jumlah bil-bil import dan eksport yang dibiayai oleh bank-bank perdagangan semakin meningkat semenjak tahun 1976. Ini menunjukkan bahawa bank-bank perdagangan adalah aktif dalam membiayai perdagangan import dan eksport. Pembiayaan perdagangan luar negeri oleh bank-bank perdagangan telah memainkan peranan penting dalam membantu memajukan perkembangan ekonomi negara.

PARTI POLITIK YANG MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA

23. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar, dalam banyak-banyak parti politik yang sedang giat di tanahair kita ini, ada yang menjadi pembangkang Dasar Kerajaan, pro Kerajaan dan satu parti pembangkang yang sedia dan selalu membuat huru-hara dengan menabur dan melemparkan fitnah terhadap Kerajaan yang memerintah

pada masa ini, adakah Perdana Menteri bercadang untuk mengharamkan parti-parti yang agak membahayakan keselamatan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Kerajaan memang sedar dan faham dengan telatah setengah-setengah parti pembangkang yang mengutarakan berbagai kritik terhadap Kerajaan. Perkara seperti ini adalah lumrah berlaku di dalam sesebuah negara yang mengamalkan pemerintahan secara demokrasi berparlimen.

Kerajaan tidak berniat untuk mengharamkan mana-mana parti pembangkang selagi tindakanduk pergerakan parti-parti berkenaan terbukti tidak mengancam keselamatan dalam negeri dan tidak pula bertentangan dengan Perlembagaan dan Undang-undang. Bagaimanapun perlu diingat sekiranya terbukti mana-mana pergerakan parti politik boleh mengancam keselamatan negara dan bertentangan dengan Undang-undang atau Perlembagaan, Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan untuk mengharamkan parti politik seperti itu.

TANGGAGAJI JURUTAIP— KAJI SEMULA

24. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar dengan wujudnya rasa tidak puas hati yang berleluasa di kalangan Jurutaip-jurutaip yang berkhidmat dalam jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun berkait dengan tanggagaji mereka, adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula tanggagaji tersebut dan jika tidak, mengapa.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telah menubuhkan Tribunal Perkhidmatan Awam bagi tujuan menyelesaikan anomali berkaitan tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan pekerja-pekerja sektor awam. Kakitangan Kerajaan, termasuk Jurutaip-jurutaip sama ada di dalam perkhidmatan awam atau badan-badan berkanun, melalui kesatuan-kesatuan mereka iaitu Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam dan Bersekutu Kerajaan dan Kesatuan Pekerja-pekerja Awam di dalam Pentadbiran Polis telahpun

menggunakan jentera penyelesaian tersebut dengan memajukan pertikaian berkaitan tanggagaji kepada Tribunal Perkhidmatan Awam. Ahli Yang Berhormat sedia maklum, keputusan Tribunal itu adalah muktamad dan tidak boleh dirayu mengikut Akta Tribunal Perkhidmatan Awam, 1977. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang mengkaji semula tanggagaji Jurutaip yang telah disahkan oleh Tribunal Perkhidmatan Awam sebagai bebas daripada anomali.

KERETA BOMBA DI BUKIT MERTAJAM

25. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau bersetuju bandar-bandar seperti Bukit Mertajam dengan bilangan penduduk yang amat besar memerlukan lebih dari sebuah kereta bomba untuk menghadapi kebakaran; jika ya, bilakah kereta bomba akan ditambahkan dan berapa buah hendak ditambahkan; dan
- (b) sama ada beliau mengetahui di seluruh kampung-kampung dan kampung-kampung baru di Seberang Perai tidak ada atau kekurangan paip air (hydrant) dan jika sebuah rumah terbakar, kebakaran mungkin tidak dapat dipadamkan; jika ya, bilakah paip-paip air dipasang di kampung-kampung itu.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:

- (a) Buat masa ini saya berpendapat bandar seperti Bukit Mertajam belum lagi memerlukan lebih daripada sebuah kereta bomba untuk menghadapi kebakaran, oleh kerana sekiranya berlaku kejadian kebakaran yang di luar dugaan yang tidak dapat dikawal oleh sebuah kereta bomba di Bukit Mertajam, bantuan serta merta bolehlah diminta daripada daerah yang berdekatan.
- (b) Saya mengetahui di seluruh kampung-kampung dan kampung-kampung baru di Seberang Perai

tidak ada atau kurang pili bomba, sebagaimana yang telah nyata kempen besar-besaran berkenaan dengan pili bomba ini telahpun dilaksanakan dan sekiranya terdapat keadaan seperti kekurangan terhadap pili-pili bomba ini Jabatan Bomba akan mengatasinya setakat kemampuan yang ada pada Jabatan Bomba.

PEMBEBASAN BANDAR SUCI BAITUL MUQADDIS

26. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Menteri Luar Negeri menyatakan mesyuarat 38 Ketua-ketua Negara Islam di Arab Saudi baharu-baharu ini telah mengambil persetujuan untuk membebaskan Bandar Suci Baitul Muqaddis, apakah persetujuan yang telah dicapai bagi menjayakan pembebasan tersebut.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Sidang Kemuncak Islam di Taif baharu-baharu ini telah meluluskan satu program yang dinamakan "Program Bertindak Islam Terhadap Musuh Zionis Israel". Program Bertindak Islam ini merupakan satu strategi yang menyeluruh untuk pembebasan bandar suci Baitul Muqaddis. Tujuan-tujuannya, antara lain, ialah:

- (i) memastikan bahawa kedaulatan Bandar Suci Baitul Muqaddis dikembalikan kepada Islam dan Arab; dan
- (ii) memperteguhkan hak-hak mutlak rakyat Palestin, termasuk hak-hak kenegaraan.

Program Bertindak ini bertujuan mengembeling potensi-potensi Islam dengan menggunakan kuasa-kuasa politik, ekonomi, ketenteraan dan bahan-bahan mentah, termasuk minyak, dalam langkah-langkah praktikal dan realistik untuk melemahkan Israel di kalangan masyarakat antarabangsa. Ianya juga bertujuan mempertingkatkan usaha untuk mendapatkan sokongan antarabangsa di semua peringkat.

RUMAH SETINGGAN DI NEGERI-NEGERI

27. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan rumah setinggan di setiap Negeri dan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengatasi masalah yang serius ini.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Kementerian belum lagi mempunyai makluman yang penuh tentang bilangan rumah setinggan di setiap negeri. Walaupun demikian, Kementerian saya difahamkan bahawa beberapa Kerajaan Negeri sedang membuat perhitungan ke atas rumah-rumah setinggan yang ada di negeri masing-masing dan Kementerian akan mendapatkannya sesudah Kerajaan Negeri berkenaan selesai menjalankan kerja itu.

Kerajaan sememangnya sedar tentang masalah kawasan setinggan, terutamanya di bandar-bandar besar di mana setinggan telah menduduki kawasan-kawasan lapang terutamanya tanah-tanah kepunyaan Kerajaan dan tanah-tanah rezab kepunyaan agensi Kerajaan. Sebagai langkah untuk mengurangkan masalah ini Kerajaan akan melaksanakan program pengindahan tanah kosong terutamanya tanah-tanah yang diperlukan untuk projek-projek pembangunan di masa-masa hadapan. Di samping itu, bagi setinggan-setinggan yang didapati menduduki tanah yang diperlukan untuk projek pembangunan, mereka ini diberi keutamaan untuk dipindahkan ke rumah awam kos rendah yang berdekatan sekiranya mereka didapati layak untuk menikmati kemudahan ini.

ORANG-ORANG TAHANAN KONFRONTASI INDONESIA/ MALAYSIA

28. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan orang tahanan yang masih ditahan akibat konfrontasi Indonesia dan bilangan orang-orang tahanan demikian yang telah dibebaskan. Berikan sebab-sebab mengapa mereka itu masih ditahan sedangkan orang-orang Malaysia seperti Ahmad Boestaman

dan Encik Hansul telah dibebaskan dan diberikan biasiswa untuk membaca undang-undang di London tidak berapa lama setelah konfrontasi Indonesia itu tamat.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada lagi orang yang ditahan akibat konfrontasi Indonesia/Malaysia.

SISTEM SEKOLAH SATU SESSI

29. Tuan Kamaluddin bin Makmor minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah sistem satu sessi akan dijalankan di semua sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan di seluruh Negeri Perak khususnya dan Negeri-negeri lain dalam Malaysia amnya.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Memang benar bahawa Kementerian Pelajaran berhasrat untuk melaksanakan sistem sekolah satu sessi supaya murid-murid akan mengikuti pelajaran di sekolah pada waktu pagi sahaja. Negeri yang pertama yang akan mengamalkan sistem sekolah satu sessi ini ialah Negeri Melaka seperti yang telah diumumkan dalam bulan Februari 1981 ini. Rancangan sekolah satu sessi ini akan diperluaskan ke negeri-negeri lain, termasuk negeri Perak, dan secara berperingkat-peringkat mengikut kecepatan pembinaan sekolah-sekolah dan bilik-bilik yang telah dirancangan oleh Kementerian Pelajaran.

HAKMILIK TANAH PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DI KAMPUNG TUNKU

30. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar pegawai-pegawai Kerajaan yang telah membeli rumah-rumah yang dibina oleh 'The Senior Government Officers Co-operative Society' di Kampung Tunku, Petaling Jaya, masih belum lagi menerima hakmilik tanah dari Kerajaan Negeri Selangor untuk rumah-rumah mereka meskipun mereka telah membuat segala pembayaran yang perlu kerana Kerajaan Pusat memegang gadaian pertama (first charge) atas harta benda tersebut; jika ya, sama ada Kementeriannya

akan memberi "lampu hijau" kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk mengeluarkan hakmilik tanah dengan serta merta.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Saya memanglah sedar bahawa pegawai-pegawai Kerajaan yang telah menyelesaikan bayaran rumah-rumah yang dibeli daripada 'The Senior Government Officers Co-operative Society' di Kampung Tunku, Petaling Jaya, masih belum menerima hakmilik tanah mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sebagai pemegang cagar ke atas geran utama (main title) tanah Koperasi berkenaan di Kampung Tunku telahpun memberi kebenaran kepada Kerajaan Negeri Selangor mengambil tindakan memecahkan tanah berkenaan dan seterusnya mengeluarkan hakmilik berasingan ke atas lot-lot tanah tersebut. Langkah ini adalah bertujuan untuk membolehkan pihak Koperasi mengeluarkan hakmilik berasingan kepada ahli-ahli yang telah menjelaskan hutang mereka dengan Koperasi. Pada masa ini pihak Koperasi sedang menguruskan perkara ini dengan pihak Kerajaan Negeri Selangor.

PEMAJU PERUMAHAN PALSU—SIASATAN

31. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah kes pemaaju perumahan palsu yang sedang disiasat oleh pihak Polis sehingga ke tarikh 28-2-1981 dan daripada jumlah itu, berapakah kes yang berlaku dalam Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan; berapakah jumlah tangkapan dan dakwaan yang dibuat setakat ini dan daripada jumlah itu berapakah jumlah dari Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan dan apakah langkah-langkah positif yang sudah diambil selama ini untuk memastikan terhapusnya pemaaju-pemaaju palsu di negara kita.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Polis sedang menjalankan penyiasatan ke atas 5 kes yang berkaitan dengan pemaaju perumahan. Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya bolehlah disifatkan sebagai pemaaju perumahan palsu, sementara

3 kes lagi adalah mengenai pemaju perumahan tanpa lesen. Kedua-dua kes pemaju perumahan palsu adalah dari Wilayah Persekutuan. Mengenai jumlah tangkapan yang dibuat setakat ini, satu syarikat telah didakwa dan didenda sebanyak \$8,000.00 kerana menjalankan urusan pemaju perumahan tanpa lesen yang sah. Dan satu lagi syarikat pemaju perumahan palsu dari wilayah Persekutuan dihadapkan ke mahkamah pada 6-4-1981.

Langkah-langkah yang sudah diambil untuk memastikan terhapusnya pemaju-pemaju palsu di negara kita adalah seperti berikut:

- (a) Menasihati orang ramai supaya lebih berhati-hati bagi memastikan kedudukan pemaju-pemaju perumahan yang mengiklankan projek mereka sebelum apa-apa perjanjian atau bayaran;
- (b) Mengadakan kerjasama yang rapat antara Kementerian Perumahan dan pihak polis untuk menyiasat dan menghapuskan penipuan oleh pihak-pihak yang berkaitan dengan pemaju perumahan; dan
- (c) Pada awal tahun 1980, pihak polis telah mengambilalih kes-kes terhadap pemaju-pemaju perumahan yang telah melakukan kesalahan di bawah Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju-pemaju Perumahan, 1966 bagi menentukan penyiasatan sepenuhnya dapat dijalankan.

Di samping itu Kerajaan juga sedang mengkaji peruntukan-peruntukan dalam Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju-pemaju Perumahan bagi mengemaskini dan megetatkan kelonggaran-kelonggaran yang ada supaya kawalan terhadap aktiviti-aktiviti Pemaju Perumahan dapat dibuat dengan lebih rapi lagi.

CHIN AH LAN—TAHANAN KEM KEMUNTING

32. Tuan V. David minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar Cik Chan Ah Lan yang telah ditangkap di Singapura dalam tahun 1974 dan selepas

itu dipindahkan ke Kem Tahanan Kemunting kini dalam keadaan uzur; adakah benar ini disebabkan akibat siksaan yang dikenakan ke atasnya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Mengikuti rekod di Kementerian ini tidak ada orang tahanan yang bernama Chan Ah Lan seperti ditanya oleh Ahli Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, jikalau orang tahanan yang dimaksudkan itu bernama Chin Ah Lan, ianya pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana penglibatannya di dalam kegiatan-kegiatan yang mengancam keselamatan negara.

Tuduhan bahawa keadaan uzur orang tahanan yang berkenaan akibat dari siksaan yang dikenakan ke atasnya adalah tidak benar sama sekali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Chin Ah Lan telah dibebaskan pada 21hb Jun 1980.

PERUSAHAAN ARANG BATU

33. Datuk Leonard Linggi Anak Jugah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan dasar dan/atau strategi Kerajaan sekiranya ada, untuk memajukan perusahaan arang batu.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan sumber arang batu adalah merupakan sebahagian daripada strategi Kerajaan untuk menggunakan empat sumber tenaga; iaitu mempelbagaikan penggunaan sumber-sumber tenaga termasuk minyak, arang batu, hidro dan gas asli. Kerajaan sedang memberi perhatian serious terhadap pemajuan sumber arang batu dalam negara ini. Dalam perkara ini, Jabatan Penyiasatan Kajibumi di dalam tempoh RME akan menjalankan aktiviti-aktiviti eksplorasi yang terperinci untuk menilai sumber-sumber arang batu yang terdapat di seluruh negara. Sementara itu, Kerajaan akan juga berusaha mendapatkan kerjasama negara-negara lain di dalam aspek bekalan sumber arang batu. Dalam hal ini, negara-negara ASEAN telahpun bersetuju pada dasarnya untuk bekerjasama.

Di samping itu kajian kemungkinan penggunaan arang batu di sektor industri telahpun dijalankan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan mendapati bahawa arang batu boleh menggantikan minyak bahanapi dalam pejanaan elektrik dan perusahaan-perusahaan besar seperti perusahaan simen. Dalam perkara ini Kementerian Perdagangan dan Perindustrian baru-baru ini telah meluluskan permohonan sebuah syarikat perusahaan simen untuk mengalih kepada penggunaan arang batu.

KENAIKAN HARGA IKAN DAN SAYUR-SAYURAN

34. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga ikan dan sayur-sayuran adalah sangat tinggi dan sama ada Kementerian akan terus mengeksport barang-barang itu ke negara jiran kita, Singapura.

Menteri Pertanian (Dato Abdul Manan bin Othman): Secara purata bolehlah dikatakan harga ikan dan sayur-sayuran sentiasa meningkat dalam tempoh masa lima tahun kebelakangan ini, terutamanya antara tahun 1976 sehingga 1978. Kenaikan harga ini adalah seimbang dengan situasi ekonomi di masa itu. Walau bagaimanapun, bolehlah diperhatikan bahawa kadar kenaikan harga ikan dan sayur-sayuran telah stable dalam tahun 1978 dan juga menjelang tahun 1980. Daripada perangkaan yang nyata keadaan kenaikan harga ikan pada keseluruhannya di negeri ini adalah pada purata setanding dengan kadar consumers index sebanyak 4% dalam tempoh 1979-1980 berbanding dengan kenaikan purata harga ikan sebanyak 2% dalam tempoh yang sama. Untuk sayur-sayuran kadar kenaikan di dalam tahun 1979 dan 1980 ialah 5.7%.

Berhubung dengan eksport ikan ke Singapura pula, bolehlah dikatakan bahawa eksport ini tidak menjejaskan keperluan permintaan tempatan. Jumlah eksport itu tidaklah sebegitu besar memandangkan bahawa ikan-ikan yang dieksport sebanyak 1,000 sehingga 1,200 pikul sehari hanyalah merupakan 1/3 sahaja daripada jumlah yang diimport dari Thailand untuk menambahkan

keperluan tempatan yang mana adalah dalam lingkungan 3,000 sehingga 4,000 pikul sehari.

Mengenai sayur-sayuran, pasaran Singapura merupakan luang pasaran yang penting bagi pengeluaran-pengeluaran sayur-sayuran daripada Semenanjung Malaysia adalah dijangka ianya akan menjadi lebih penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan lagi pengeluaran sayur-sayuran di Malaysia. Pasaran Singapura juga adalah penting untuk memasarkan sayur-sayuran di masa pengeluaran yang berlebihan. Di dalam tahun 1979, eksport lebih kurang \$22 juta.

Kerajaan tidak bertujuan untuk menyekat langsung eksport ke Singapura kerana dasar ini tidaklah dapat dipraktikkan dari segi kepentingan nelayan dan petani-petani untuk mendapat harga yang baik. Seterusnya jenis-jenis ikan yang dieksport ke Singapura itu ialah merupakan jenis-jenis ikan yang mana tidak sebegitu tinggi permintaannya di pasaran tempatan dan sebaliknya pula mendapat harga yang lebih tinggi di pasaran Singapura. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa menjalankan kegiatan mengawal kuantiti dan jenis yang dieksport melalui Johor Bharu untuk menjamin keperluan permintaan tempatan.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT 1981-1985

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

mengambil perhatian atas kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dalam tempoh 10 tahun yang lalu;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta memperkukuhkan lagi ketahanan negara;

meluluskan Rancangan Malaysia Keempat yang telah dirangka dengan teliti untuk memenuhi cita-cita dan hasrat negara berasaskan kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru melalui pelaksanaan usaha-usaha dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 10/81; dan

seterusnya *menyeru* semua rakyat Malaysia dari semua lapisan supaya terus meningkatkan usaha dan sumbangan mereka untuk membentuk satu Negara yang bersatupadu, saksama, maju, kukuh dan aman damai selaras dengan objektif Rukunegara (1hb April 1981).

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Bruas menyambung untuk 10 minit lagi.

3.39 ptg.

Tuan Ting Chek Ming (Bruas): Tuan Yang di-Pertua, perumahan. Sektor publik adalah jelas bahawa terdapat ketiadaan penyelarasan dalam pelaksanaan dasar-dasar perumahan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri kerana Kementerian Perumahan tidak tahu sama ada Kerajaan Negeri telah melaksanakan dasar-dasar perumahan yang dirancangan oleh Kementerian Perumahan. Hal ini telah diakui oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan semasa menjawab soalan di sidang Parlimen yang lalu. Ini menunjukkan bahawa pemberian perangkaan sahaja tidak dapat mengatasi masalah kekurangan perumahan yang serius di negara kita.

Kerajaan Barisan Nasional patut sedar akan hal ini dan patut menubuhkan sebuah unit untuk menyelaraskan dasar-dasar perumahan yang rumuskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Rumah-rumah murah yang dibina biasanya diperuntukkan kepada ahli-ahli dan kaki-kaki parti-parti komponen Barisan Nasional sungguhpun pada namanya permohonan itu terbuka kepada orang ramai.

Apabila permohonan-pemohonan rumah-rumah di Sitiawan dan rumah SEDC di Seri Manjung, Dinding menghadiri temuduga,

Lembaga Temuduga yang menemuduga pemohon-pemohon itu terdiri dari ahli-ahli politik dari Barisan Nasional termasuk Ahli Dewan undangan Negeri dari Pengkalan Baru, Perak yang berada di Lembaga itu untuk memastikan bahawa Pegawai-pegawai Daerah akan meluluskan permohonan-pemohonan ahli-ahli Barisan Nasional. Hal ini telah dibuktikan oleh kenyataan akhbar yang dibuat oleh seorang UMNO putra di Johor yang berkata bahawa rumah-rumah murah akan diperuntukkan kepada Ahli-ahli UMNO.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan? Penjelasan kalau diberi jalan.

Tuan Ting Chek Ming: Saya tidak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan. Hanya kalau on a point of order sahaja boleh. Teruskan!

Tuan Ting Chek Ming: . . . akan diperuntukkan kepada ahli-ahli UMNO. Dengan ini saya hubungi *The New Straits Times*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar hendak bertanya on a point of order? (*Ketawa*).

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tidak.

Tuan Ting Chek Ming: Dengan ini saya hubungi *The New Straits Times* pada 13hb Disember, 1980.

Tuan Speaker, dengan izin

Tuan Yang di-Pertua: Izin apa?

Tuan Ting Chek Ming: *The New Straits Times*.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak buat apa?

Tuan Ting Chek Ming: Berkenaan dengan kenyataan oleh Menteri di Negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua: Pendek sahaja?

Tuan Ting Chek Ming: Pendek.

Tuan Yang di-Pertua: Baca.

Tuan Ting Chek Ming: (*Dengan izin*) "House for Political Party Members—Those considered as pillars of the Government have only to satisfy two conditions to obtain low cost houses in the State, State Local Government and Housing Committee Chairman, Dato Abdul Mahmud said today. They should be above 21 years of age and have no houses to their names or their wives' names. He defined pillars of the Government as those who are active and staunch members of the UMNO, MIC, MCA. These are some of the privileges enjoyed by the pillars of the Government, he added."

Saya percaya Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidaklah jahil tentang cara bagaimana rumah murah itu diperuntukkan kepada orang ramai. Pemeriksaan ke atas senarai permohonan-permohonan yang berjaya akan mendedahkan perbuatan-perbuatan salah daripada pegawai-pegawai Barisan Nasional baik di peringkat Daerah mahupun di peringkat Negeri.

Yang Berhormat Menteri tidak boleh menafikan kewajipannya untuk memastikan rumah murah akan diperuntukkan kepada pemohon-pemohon yang benar-benar memerlukannya tetapi tidak mahu menjadi kaki kepada Barisan Nasional. Tentulah Kementerian Perumahan telah menerima banyak pengaduan mengenai peruntukkan rumah-rumah murah tetapi Yang Berhormat Menteri itu berpura-pura tidak mengetahui perbuatan-perbuatan salah yang dilakukan di bawah Kementeriaannya serta swasta.

Permohonan-permohonan pemaju-pemaju swasta untuk memajukan sesuatu perumahan biasanya dilambat-lambatkan selama tiga tahun hingga lima tahun dan banyak permohonan-permohonan mengambil masa lebih lima tahun untuk mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri. Walaupun Kerajaan telah menubuhkan badan petugas untuk mempercepatkan pemerosesan permohonan-permohonan itu, pemaju-pemaju masih dikehendaki melalui saluran yang sama. Tiap-tiap kelulusan kecuali yang telah "diminyaki dengan wang ringgit" akan ditahan. Ini adalah "rahsia terbuka". Kalau pita merah itu tidak dihapuskan, masalah perumahan tetap akan tidak dapat

diselesaikan dan permintaan akan jauh melebihi pembekalan. Pemajuan perumahan adalah dikawal oleh pertimbangan politik Barisan Nasional.

Tuan Speaker, sesuatu rancangan perumahan di sesuatu kawasan di mana Barisan Nasional hanya mendapat kemenangan kecil dalam pilihanraya besar tentu akan diketepikan buat selama-lamanya. Maka kecuali Kerajaan Barisan Nasional bersedia untuk menghadapi masalah-masalah perumahan secara realistik pemilikan rumah adalah di luar kemampuan golongan berpendapatan rendah termasuk juga golongan berpendapatan sederhana semakin ramailah rakyat Malaysia akan dinafikan peluang untuk memiliki sebuah rumah yang sederhana.

Tuan Speaker, Rancangan Malaysia Keempat

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak penjelasan. Beri jalan atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri. Baik, teruskan!

Tuan Ting Chek Ming: Tuan Speaker, Rancangan Malaysia Keempat telah tercemar dengan unsur-unsur perkauman. Perangkaan-perangkaan mengenai pemilihan ekonomi Malaysia telah memecahbelahkan rakyat Malaysia ke dalam kumpulan-kumpulan kaum. Apakah ini kehendak Barisan Nasional dalam pembangunan negara? Lebih buruk lagi ialah perangkaan-perangkaan itu adalah satu perbuatan untuk menipu rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tarik balik perkataan menipu. Tidak layak dipakai di dalam Dewan ini.

Tuan Ting Chek Ming: Saya tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba tidak hendak tarik balik!

Tuan Ting Chek Ming: Tarik balik.

Saya ingin hubungi RME perenggan 162 dan ini ada ditulis: Hakmilik orang lain yang bermastautin di Malaysia termasuk kaum Cina, India dan lain-lain telah bertambah dari 34% dalam tahun 1971 kepada kira-kira 40% dalam tahun 1980 berbanding dalam matlamat sebanyak 40% dalam tahun 1980. Ini adalah satu angka yang telah dibesarkan. Siapakah "dan lain-lain?" Apakah mereka itu rakyat Malaysia? Saya hendak mengetahui mengapa pengarah Rancangan Malaysia Keempat bersikap kabur dalam hal ini? Kalau Kerajaan Barisan Nasional tidak ada apa-apa yang hendak disembunyikan, Tuan Speaker, DAP menyeru Kerajaan Barisan Nasional menghapuskan dasar-dasar perkauman semasa melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat kerana kemiskinan tidak mengenali kaum-kaum Malaysia yang tertentu. Bagi Kerajaan Barisan Nasional perbuatan untuk mengenali ketidakseimbangan sosio-ekonomi di atas dasar kaum telah menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional itu adalah sangat-sangat tidak bertanggungjawab.

Tuan Speaker, DAP dan semua rakyat Malaysia yang berfikiran waras adalah penuh sedar bahawa peristiwa 13hb Mei, 1969 tidak berbangkit dari ketidakseimbangan sosio-ekonomi di kalangan rakyat Malaysia. Peristiwa 13hb Mei, 1969 adalah disebabkan oleh UMNOPUTRA ultra maka adalah sangat tidak adil bagi Barisan Nasional untuk merumuskan dan menggambarkan dasar-dasar sosio-ekonomi di bawah alasan bahawa orang-orang Melayu yang miskin yang telah menimbulkan kekacauan 13hb Mei, 1969 kerana mereka menganggap rakyat Malaysia berbangsa Cina adalah lebih mewah.

Peristiwa itu sebenarnya diakibatkan oleh hasutan daripada anasir-anasir politik yang tidak bertanggungjawab untuk mendapat keuntungan politik diri mereka sendiri. Sebuah Kerajaan yang saksama dan bertanggungjawab dalam masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia patut dengan segera menahan diri daripada meluahkan slogan politik dan memberhentikan dasar ekonomi yang bersifat perkauman semata-mata untuk mendapat sokongan politik. Perbuatan politik demikian adalah berbahaya sebab setengah rakyat Malaysia akan menjadi

terlalu bergantung kepada dasar-dasar perkauman yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional tanpa membuat usaha saksama untuk memperbaiki keadaan sosio-ekonomi diri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

3.50 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita mengucapkan tahniah di atas kejayaan Kerajaan melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga dan seterusnya melancarkan Rancangan Malaysia Keempat. Dalam menyokong Rancangan Malaysia Keempat ini saya sukacita mengemukakan beberapa ulasan mengenai hal-hal yang patut diambil perhatian oleh Kerajaan di dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat.

Sebelum saya meneruskan di dalam membahaskan Rancangan ini saya mendengar ucapan Wakil dari Bruas adalah mempunyai nada yang sama dengan "bapak perkauman" iaitu Wakil dari Petaling. Kalau dahulu dalam ucapan Wakil Kuala Lumpur Bandar meragui dalam Dasar Ekonomi Baru dalam mencapai perpaduan kaum maka lebih teruk lagi Wakil dari Bruas ini yang membaca ucapan yang dibuat oleh dalangnya sampai hendak menarik perkataan penipu itu pun dia tanya kepada orang lain dan dia membaca ucapan yang dibuat oleh dalangnya yang menuduh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru iaitu dalam Rancangan Malaysia Kedua dan juga dalam Rancangan Malaysia Ketiga tidak secara saksama. Beliau menyamakan Kerajaan Barisan Nasional sebagai sama dengan Kerajaan British sebelum 31hb Ogos, 1957. Inilah sifatnya budak bingung, budak yang tidak mahu melihatkan kepada realiti yang wujud dalam negara ini, budak yang telah diasuh dengan semangat perkauman yang pekat dan menebal, otaknya beku dan pemikiran perkauman yang tidak berperikemanusiaan dan melihat kaum lain hidup dalam keadaan bangsat dan kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, perkataan-perkataan seumpama itu tak boleh dihadapkan kepada seorang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, kalau kepada parti itu saya benarkan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Perkataan ini saya tujukan kepada parti DAP yang mempunyai diktator di dalam perjuangannya. Wakil inilah yang mewarisi bangsa pendatang yang tidak boleh dimaafkan di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, telah beberapa kali saya dan juga pemimpin Barisan Nasional telah menerangkan kepada mereka baik dalam Dewan mahupun di luar Dewan bahawa Dasar Ekonomi Baru akan mewujudkan keseimbangan diantara kaya dengan miskin, yang berada dengan tidak berada tetapi selama ini ialah golongan bumiputra, golongan Melayu merupakan golongan yang tidak berada, 80% golongan ini tidak berada dan taraf kemiskinannya merupakan di atas daripada paras kemiskinan kebangsaan kemiskinan negara kita dan golongan bukan bumiputra merupakan di bawah paras kemiskinan kebangsaan. Inilah yang menyebabkan mereka dengki kepada apa yang telah dilakukan, rancangan-rancangan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu, saya berharap kalau Wakil dari Bruas dan juga kepada DAP membuka mata dan membaca Dasar Ekonomi Baru dan juga membaca Rancangan Malaysia Keempat bahawa orang Melayu merupakan kaum yang paling miskin dan saya tidak menafikan ada satu golongan kecil yang bukan Melayu juga miskin, tetapi mengapa mereka itu menampak kepada golongan yang terbesar miskin dan memberi pembelaan kepada golongan yang tidak adil selama ini. Sebenarnya dalam Dasar Ekonomi Baru tidak meminta daripada bukan bumiputra, tidak meminta daripada sesiapa tetapi mendapat hak daripada apa yang patutnya mereka itu terima daripada keadaan yang tidak adil selama ini. Ini yang kita mahu. Tidak kira siapa yang mewujudkan keadaan yang tidak adil itu tetapi kita meminta sesuatu keadilan, meminta suatu kesaksamaan daripada keadaan yang tidak adil, daripada keadaan yang tidak saksama selama ini; keadaan yang tidak adil selama ini akan kekal kalau

persamaan dari segi pembangunan tidak diberi hak-hak kepada mereka yang tertindas selama ini, tidak diberi maka selama itulah bersamaan dan perseimbangan di dalam mewujudkan perpaduan negara kita akan wujud.

Saya juga tertarik kepada Peristiwa 13 Mei 1969 berbangkit huruhara dalam negara ini bukan kerana tidak keseimbangan di dalam sosio-ekonomi, di dalam ekonomi negara ini. Ini juga Wakil dari Bruas dan juga pihak DAP memerhatikan apa sebab keadaan ini wujud? Tidak lain kerana kesombongan golongan yang cuba membayangkan untuk mendapat kuasa dalam negeri Selangor, telah cuba melompat-lompat, melaung-laung menyatakan mereka ini telah berkuasa tetapi akhirnya mereka keciwa. Dari sebab kesombongan inilah menimbulkan perasaan yang tidak dapat kita hendak lupakan bahawa perasaan kecil hati orang Melayu dalam negeri ini terhadap golongan yang cuba hendak mencabar kedudukan kami sebagai bumiputra dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kedua tidak pernah menipu rakyat dan tidak pernah lari daripada objektif asalnya. Saya minta sekali lagi Wakil dari Bruas itu menarik balik perkataan menipu yang diucapkan, kalau Yang Berhormat itu tidak menarik balik kerana beliau tidak ada, saya akan menggunakan perkataan yang lebih dahsyat daripada apa yang digunakan oleh beliau.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan Kerajaan Barisan Nasional menipu tetapi DAPlah yang menipu rakyat dengan memberi penerangan yang kabur.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata perkataan "menipu" tak boleh digunakan dalam Dewan ini dan Ahli Yang Berhormat dari Bruas sudah tarik balik tadi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya tarik balik tetapi saya minta tarik balik ucapannya kelmarin. Jadi saya menganggap DAP merupakan pembohong yang menipu rakyat dan memberi penerangan yang salah kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah kata, menipu tak boleh pakai dalam Dewan ini dan saya akan buat satu senarai perkataan-

perkataan yang dikatakan unparliamentary dalam Dewan ini. Teruskan!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, kalau tak boleh penipu, tak boleh pembohong bolehlah bubuh apa pun kepada DAP. Jadi kepada kaum Cina mereka itu telah mengaburi mata supaya semua kaum Cina itu membenci kepada Barisan Nasional dan kepada Parti MCA dan kepada parti MIC dan juga Gerakan supaya DAP ini kehabisan modal dan juga kehabisan isu oleh kerana perbalahan di dalam partinya sendiri dan juga beberapa wakil yang telah masuk percaya kepada MCA maka itulah ditimbulkan perkauman sehingga Wakil dari Petaling beberapa kali mengucapkan perpaduan, perpaduan, perpaduan tetapi apakah perpaduan akan wujud dalam negara ini dengan cakap kosong. Perpaduan akan wujud dalam negara ini kalau DAP dihapuskan di dalam negara ini. DAP jangan cuba bermain api, nanti api itu akan membakar semua pemimpin DAP dan akan membakar semua pemimpin yang menyokong DAP. Kita ingin keadaan negara kita dan juga Dasar Ekonomi Baru yang dianggapkan tidak saksama oleh mereka itu dan juga telah dianggapkan tidak adil oleh mereka itu. Mereka hendaklah membaca berhabis-habis dan mengkaji semula sebelum menuduh sesuatu yang tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, kalau rakyat Malaysia yang berfikiran waras beberapa kali diucapkan oleh Wakil dari Bruas tidak akan berfikir seperti Wakil dari Bruas kerana golongan ramai dalam negara ini berfikir kepada Barisan Nasional, berfikir apa yang wujud daripada Dasar Ekonomi Baru tetapi kalau rakyat yang berfikiran waras tidak akan berfikir sebagaimana Wakil dari Bruas hanya membaca ucapan yang dibuat oleh orang lain, tidak tahu apa makna yang dicakap, macam burung nuri, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kita tidak mahulah mereka yang menyamar dengan perjuangan yang berbilang kaum, yang menyamar dengan perjuangan keadilan, tetapi sebaliknya pemimpin-pemimpin seperti inilah yang akan membawa kehancuran kepada kaum China dan juga kaum India dalam negara ini. Golongan inilah yang akan menciptakan perbalahan

kaum dan juga golongan inilah yang tidak pernah berterima kasih dan juga bangsa inilah yang cuba hendak menciptakan huru-hara di dalam negara ini. Nampaknya wakil dari Bruas ini bersifat dengki dengan kejayaan orang-orang Melayu. Kalau inilah sifat DAP, bagaimana DAP akan dapat menguasai negara ini dan ingat orang Melayu akan tertindas dan di dalam negara ini kalau DAP berkuasa dan ini kita dapat lihat bagaimana pemimpin itu berkuasa dalam partinya menindas ahli-ahlinya dengan kuku-kuku besi, dengan kuasa-kuasa dictator yang ada kepada beberapa kepala yang ada di dalam DAP itu.

Tuan Yang di-Pertua, mereka ini dengki apabila melihat seorang dua Melayu yang mendapat kekayaan seperti Dato Syed Kechik. Saya hendak bertanya pada wakil dari Bruas itu, berapa orangkah yang ada orang Melayu seperti Dato Syed Kechik dan berapa orang, orang bukan Melayu yang membolot kekayaan lebih kaya daripada Dato Syed Kechik? Cuba buka mata, tengok. Cuba tanya wakil dari Seremban sendiri, apakah mereka itu tidak mempunyai kekayaan? Wakil dari Seremban merupai wakil yang kaya yang boleh dikatakan jutawan dan wakil-wakil sendiri pun telah membolot beberapa kawasan pilihanraya, tidak ada lain kerana membolot kekayaan. Ini hanya dapat dalam pembahagian kawasan pilihanraya, kalau dapat berkuasa dalam negara ini, semua kekayaan negara ini akan dibolot oleh beberapa orang yang katanya tidak sebagai orang yang tidak opportunists, tetapi mereka inilah golongan yang opportunists, golongan yang mencari kesempatan daripada kekayaan yang ada dalam negara ini dan mereka ini nampak kepada tuma putih di lautan, tetapi tidak nampak kepada gajah hitam di depan mata. Mereka ini tidak nampak, mereka ini nampak, misalnya kalau ada anak Menteri Barisan Nasional dihantar ke seberang laut, itulah yang dia nampak, dia tidak nampak kepada anak Ketua Pembangkang, tidak nampak anak kepada wakil dari Seremban yang juga dihantar keluar negeri. Mengapa ini tidak nampak? Kerana fikirannya beku dengan sifat perkauman yang tidak

Tuan Karpal Singh: (*Bangun*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya tidak mahu, duduk!

Tuan Karpal Singh: Saya minta penjelasan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Duduk!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dia tidak mahu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya tidak beri jalan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan Karpal Singh: Dia takut, sebab dia tidak berani.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Bukan tidak berani, duduk!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, tolong duduk!

Tuan Karpal Singh: Dia membuat tuduhan kepada orang yang tidak ada di dalam Dewan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong tolong duduk.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya tidak beri jalan. Wakil dari Bruas juga tidak beri jalan tadi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh tidak beri (*Disampuk*).

Tuan Karpal Singh: Kalau Ahli Yang Berhormat hendak buat tuduhan apabila rakan saya tidak ada di dalam Dewan ini, itu tidak patut.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Duduk! Duduk! Saya tidak beri jalan.

Tuan Karpal Singh: Apa fasal keriau? Jikalau berani, beri jalan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya tidak beri jalan pada awak.

Tuan Karpal Singh: Apa ini gajah hitam, awak gajah putih?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Ya, saya gajah putih, awak gajah hitam. (*Disampuk*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan Karpal Singh: Ini jadi satu racist dalam Dewan ini, Tuan Speaker, itu pada fikiran saya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tanya wakil dari Bruas.

Tuan Karpal Singh: You are a racist.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, tolong duduk.

Tuan Karpal Singh: You know what a racist is?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: I know you are barua. (*Disampuk*).

Tuan V. David: I raise a strong objection. Saya minta apa yang telah disebutkan . . . (*Disampuk*) saya minta Yang Berhormat tarik balik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong oleh sebab Ahli dari Pasir Puteh tidak beri peluang tadi, tolong duduk dahulu.

Tuan Karpal Singh: (Bangun)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya tahu, tolong jemput duduk dahulu, nanti dahulu! Sekarang Yang Berhormat dari Pasir Puteh atas perkataan "barua" tadi, saya minta kalau boleh tolong tarik balik.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya tarik balik supaya dia tarik balik perkataan "racist" tadi.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya tidak mahu tarik balik perkataan "racist" oleh kerana awak satu orang "racist", oleh kerana itu

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong

Tuan Karpal Singh: oleh kerana itu, saya tidak tarik balik. (*Disampuk*) Tuan Speaker, apa yang dia baru-baru ini buat? Tuan Speaker ada lihat?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya sedang memandang kepada Yang Berhormat dari Jelutong

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, baru-baru ini apa Ahli Yang Berhormat itu ada buat?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dia cuma gunakan (*Disampuk*).

Tuan Karpal Singh. Tuan Speaker barangkali tidak melihat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jelutong! Sekarang saya minta duduk dahulu!

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker ada tengok apa yang ada

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya tidak tengok, sebab saya menumpukan pandangan kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker tidak tengok.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat tolong duduk!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, rupanya dia juga rasa pedas apa yang kita kata

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, apa yang ada dibuat oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat waktu itu saya . . . (*Disampuk*).

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker tidak lihat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya tidak lihat Yang Berhormat, sebab saya memandangkan Yang Berhormat, sekarang duduk!

Tuan Karpal Singh: Bolehkah saya beri

penjelasan atas apa yang ada dibuat oleh

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong duduk!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tidak perlu.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, apa yang dia buat dalam Dewan ini, itu jadi satu perkara yang tidak boleh dicari perkataan untuk

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, sekarang Yang Berhormat duduk dahulu!

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, dia ada buat, semua orang dalam Dewan ini ada lihat, dia ada buat satu tanda (sign) yang tidak boleh digunakan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat! (*Disampuk*).

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, bukan saya sahaja lihat, tetapi ada dilihat oleh orang-orang yang duduk di dalam Dewan ini apa yang dibuat di dalam Dewan ini barangkali tidak ada dibuat dalam Dewan ini dimasa dahulu, ini adalah sejarah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong duduk dahulu! Sekarang saya perintah duduk dahulu!

Tuan Karpal Singh: You know what he did?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi sekarang ini Yang Berhormat saya terangkan dahulu, waktu saya berhujah tadi, saya menumpukan pandangan kepada Yang Berhormat dan saya tidak nampak apa-apa yang berlaku di sana, sebab mata saya memandang kepada Yang Berhormat. Setahu saya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi ialah bercakap fasal "barua", dia sudah tarik balik.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, bukan perkataan itu, tetapi apa tindakan atau apa sign yang ada dibuat oleh Yang Berhormat. Saya harap Tuan Speaker boleh beri satu

peluang dalam Chamber Tuan Speaker sekarang dalam kamar, saya boleh tunjuk apa yang dia ada buat tadi. Saya malu mahu tunjuk apa yang dibuat tadi, oleh kerana dalam Dewan ini, saya tidak mahu tunjuk apa yang ada dibuat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tetapi saya sebagai Timbalan Speaker di sini tidak nampak apa yang berlaku tadi.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker beri satu peluang dalam kamar, saya tunjuk apa yang dia buat dalam Dewan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat (*Disampuk*).

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, oleh kerana bukan di dalam Dewan ini juga, tetapi di mana-mana negara pun tidak ada buat apa yang ada dibuat oleh syaitan ini dalam Dewan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya minta tarik balik perkataan “syaitan”, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Karpal Singh: Saya tidak mahu tarik balik.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya juga tidak mahu tarik balik perkataan “barua” kepadanya itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti Yang Berhormat (*Disampuk*).

Tuan Karpal Singh: Dia sudah tarik balik tadi, oleh kerana tidak berani, sebab itu sudah tarik balik, tetapi saya berani, saya tidak mahu tarik balik. Yang Berhormat jadi satu syaitan, syaitan besar dalam Dewan dan dalam Negara ini.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik balik perkataan tadi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tidak payah tarik balik, saya akan jawab.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat dari Pasir

Puteh telahpun menarik balik perkataan “barua” dan saya harap Yang Berhormat janganlah lagi pakai perkataan yang unparliamentary. Baik, kalau begitu, saya minta juga Yang Berhormat dari Jelutong tolong tenteramkan sedikit.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya bukan mahu cari fasal tetapi apa yang ada dibuat tadi semua orang sudah lihat, jikalau orang ini ada hormat—tidak ada hormat, jikalau ada hormat tidak boleh buat begitu dalam Dewan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Karpal Singh: Tidak boleh, itu fikiran saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang Yang Berhormat duduk! Sekarang teruskan Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan tolong jaga sedikit bahasa.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya cukup menjaga bahasa yang saya gunakan. Selama ini saya tidak pernah menggunakan bahasa yang begini kesat kalau wakil dari Jelutong tidak menggunakannya, sebab itu dia tidak mahu menarik balik perkataan “syaitan” kepada saya. Inilah “bapa syaitan” yang paling besar dalam Dewan ini, “syaitan dua-dua”.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menghabiskan ucapan saya ini, saya mencabar kepada wakil dari Bruas dan kepada sesiapa sahaja yang ada di sebelah sana, cuba membuktikan bahawa kaum Cina tertindas dalam negara ini. Saya juga mencabar kepada mereka supaya membuktikan yang orang bukan Melayu tidak mendapat keuntungan dalam Dasar Ekonomi Baru Kerajaan sekarang dan juga saya mencabar wakil dari Bruas yang juga berada dalam Dewan ini tidak pernah menerima nikmat kemerdekaan dan tidak pernah menerima nikmat Dasar Ekonomi Baru yang ada dalam negara ini. Dan “syaitan-syaitan” ini tidak pernah berfikir dengan apa yang kita berfikir sekarang. Saya mengakui bahawa orang UMNO memang mendapat keuntungan dari Dasar Ekonomi Baru dan orang UMNO mendapat faedah kerana mereka tahu apa itu politik, tetapi mereka ini tidak pernah kaya dan

millionaire sebagaimana “golongan-golongan syaitan” itu yang dapat menguasai ekonomi dalam negara ini.

Sebelum saya menghabiskan ucapan syaitan itu kepada jin-jin yang ada di dalam Dewan ini, maka saya akan menumpukan ucapan saya kepada Dasar Ekonomi Baru yang telah saya rancang untuk bercakap dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, dan saya minta masa ditambah oleh sebab dikacau oleh golongan syaitan yang mengacau saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berasas kepada konsep pembangunan dan yang menitikberatkan kepada pembangunan rohaniah dan jasmaniah, saya sukacita menyentuh tentang beberapa aspek perkembangan rohaniah yang perlu dititikberatkan oleh Kerajaan agar matlamat pembangunan yang sepadu dapat dicapai. Dalam masyarakat Malaysia yang membangun ini pegawai-pegawai Kerajaan adalah merupakan satu golongan yang terpenting dan dapat menjalinkan perhubungan yang rapat di antara orang ramai, rakyat dan juga antara Kerajaan dan juga masyarakat umum. Pegawai Kerajaan seharusnya menjadi satu golongan yang dapat dijadikan contoh bagi masyarakat umum.

Oleh itu, Kerajaan yang telah menitikberatkan perkembangan di dalam bahagian kesukanan di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan dengan memberi galakan-galakan tertentu seperti penubuhan Majlis-majlis Sukan Jabatan, Wilayah dan juga Negeri serta Persekutuan, serta memberi kemudahan-kemudahan bantuan kewangan kepada jabatan-jabatan dalam perkembangan sukan dan seperti yang telah kita difahamkan bahawa pembangunan rohaniah iaitu pembangunan aktiviti agama supaya masyarakat kita tidak banyak yang menjadi syaitan, Jabatan-jabatan Kerajaan hanyalah dibuat sebahagian daripada aktiviti sukan sahaja. Jadi kepada bahagian agama dibuat sebagai satu daripada aktiviti sukan maka saya kira asas kepada matlamat Kerajaan untuk pembangunan rohaniah, maka sudahlah sampai masanya bagi Kerajaan untuk menitikberatkan kepada perkembangan aktiviti agama di Jabatan-jabatan Kerajaan dan juga majlis-majlis

agama di peringkat Jabatan atau Kementerian perlulah mewujudkan supaya seluruh aktiviti agama di Jabatan dan juga Kementerian ini dapat diselaraskan dan juga dengan sendirinya aktiviti-aktiviti ini akan dapat menghindarkan ajaran-ajaran sesat yang telah diajar oleh pihak syaitan-syaitan atau sesiapa sahaja yang boleh mengganggu kepada ketenteraman pegawai-pegawai.

Oleh itu bantuan-bantuan kewangan untuk badan-badan agama di Jabatan-jabatan Kerajaan hendaklah diberi supaya pergerakan agama dapat berjalan dengan licin dan saksama dan juga kelas-kelas agama di Jabatan-jabatan Kerajaan hendaklah diformalisekan dan juga kelas-kelas itu hendaklah dibuka kepada semua peringkat rakyat dan juga pegawai-pegawai Kerajaan termasuk pegawai-pegawai yang bukan Islam. Dengan cara ini dapatlah mereka itu mengetahui perkembangan syiar Islam dan juga mengetahui ajaran-ajaran Islam bahawa dalam Islam ini tidak banyak syaitan tetapi di luar Islam banyak syaitan-syaitan yang mengganggu.

Jadi jika perlu Kerajaan hendaklah melantik satu badan penyelarasan aktiviti agama Islam. Kita tengok aktiviti agama Islam Jabatan dan juga Kementerian Kerajaan dengan melantik seorang Pegawai Penyelarasan aktiviti sebagaimana galakan yang diberi kepada aktiviti sukan di Jabatan dan juga sukan di Kementerian. Dengan itu tidak mudahlah pegawai-pegawai Kerajaan dipengaruhi dengan ajaran-ajaran dan juga hukum-hukum salah serta mengenal mana satu ajaran Islam, mana satu ajaran parti PAS supaya mereka itu dapat mengetahui.

Satu lagi, kemajuan di dalam rancangan Kerajaan terletak di atas keupayaan Kerajaan menilai dan mengkaji pelaksanaan dari semasa ke semasa berasaskan kepada data-data yang dimasakinikan dan juga data-data yang tepat. Pada masa ini terdapat beberapa agensi pusat dan juga negeri telah mengendalikan data-data Kerajaan secara berasingan mengikut keperluan masing-masing. Sebagai contoh, misalnya Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri telah membeli komputer yang mahal harganya untuk mengendalikan data-data berhubung dengan pelaksanaan dan

pencapaian projek di Peringkat Persekutuan. Pihak Perbendaharaan pula memperkenalkan Sistem Maklumat Komputer atau SIMKOM dan juga Sistem Maklumat Belanjawan dan juga Pelaksanaan Berpadu (Integrated Budgeting and Accounting Information System—IBAS) dan juga akan membeli komputer untuknya. Akauntan Negara Malaysia pula telah mengendalikan data-data berhubung dengan kewangan Kerajaan, bank untuk pembangunan dan juga operasi-operasi dengan menggunakan komputer. Jabatan-jabatan seperti Hasil Dalam Negeri dan Kastam dan Eksais Diraja pula mengendalikan data-data yang berhubung dengan kutipan hasil Kerajaan dan Komputer telah dan akan dibelinya juga untuk digunakannya.

Oleh itu satu sistem yang berpadu, yang mempunyai satu sistem integrated yang berhubung dengan pengendalian data kewangan dan juga pembangunan negara perlulah diwujudkan supaya perancangan kewangan negara dapat dikendalikan dengan lebih cepat dan berkesan lagi. Saya difahamkan bahawa tiap-tiap Jabatan Kerajaan sekarang ini masing-masing berusaha untuk mendapatkan alat komputer secara berasingan untuk membantu pengendalian data jabatan masing-masing. Saya kira tindakan seumpama ini akan merugikan Kerajaan kerana penggunaan komputer oleh Jabatan-jabatan adalah terhad; tidak sepenuhnya. Adalah lebih berkesan jika Kerajaan mewujudkan satu Pusat Data Negara yang mengendalikan seluruh data Kerajaan untuk tujuan perancangan dan penggubalan dasar-dasar dengan penggunaan komputer yang dipusatkan itu supaya perbelanjaan Kerajaan yang begitu besar untuk membeli alat-alat komputer yang sophisticated ini dapat digunakan sepenuhnya tanpa membazir. Tindakan seumpama ini juga dapat membantu Kerajaan dalam mengadakan latihan yang lebih comprehensive lagi untuk kakitangan komputer yang mana kita sekarang mengalami kekurangan yang amat sangat di dalam bahagian ini.

Oleh itu di dalam pelaksanaan sistem komputer ini, saya mencadangkan supaya

hendaklah kita mempunyai satu sistem yang boleh dicantumkan semua maklumat komputer itu untuk mengendalikan secara menyeluruh, bukan secara berasingan dan pembelian komputer mengikut Jabatan perlulah dikurangkan tetapi sebaliknya mengkaji untuk menggunakan sepenuhnya komputer yang telah dibeli sebelum kita membeli satu komputer yang baru.

Satu lagi, kita hendaklah juga mempunyai kakitangan Komputer yang mencukupi untuk mengendalikan komputer yang telah dibeli sebelum satu komputer baru dibeli, dengan maksud komputer baru yang dibeli itu hendaklah mempunyai dan menentukan ada kakitangan yang cukup untuk mengendalikan alat-alat itu bagi pegawai-pegawai yang dilatih atau yang disediakan terlebih dahulu. Janganlah dibeli komputer barulah kita hendak melatih dan mencari kakitangan untuk mengendalikannya, ini adalah merugikan.

Dengan ini saya berharap moga-moga Kerajaan akan dapat menubuhkan satu jabatan baru misalnya Jabatan Komputer Negara yang akan dipusatkan segala data-data negara bagi tujuan perancangan dan penggubalan data yang boleh menjimatkan perbelanjaan dan juga memaksimumkan penggunaan komputer tersebut.

Selain daripada itu saya juga menyebut bahawa setiap tahun Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menghantar pelajar-pelajar ke institusi pengajian tinggi di dalam dan juga di luar negeri di samping itu berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan untuk menghantar pegawai-pegawai Kerajaan melanjutkan pelajaran di dalam bidang yang tertentu di institusi-institusi pengajian tinggi. Setahu saya penghantaran pelajar-pelajar dan juga pegawai-pegawai ini adalah mengikut kewangan dan peruntukan Kerajaan yang ada dan juga mengkaji tempat berdasarkan kepada penerimaan tempat di luar negeri tanpa mengkaji keperluan tenaga kerja yang sebenarnya diperlukan oleh Kerajaan. Kerajaan perlu menyediakan satu perancangan yang comprehensive satu kemajuan tenaga mahir mengikut keperluan negara.

Ramai pegawai-pegawai Kerajaan yang telah dihantar berkursus mengikut pengkhususan tertentu tetapi setelah balik bertugas di jabatan masing-masing, telah ditempatkan ke jawatan-jawatan yang tidak ada hubungannya langsung dengan kursus-kursus yang telah diikuti oleh mereka. Tindakan seumpama ini sudah tentu akan merugikan pihak Kerajaan dan adalah tidak adil kepada pegawai itu sendiri kerana beliau terpaksa mempelajari tugas-tugas baru yang telah mengenyepikan segala latihan ataupun apa-apa yang dipelajari dalam kursus di luar negeri itu. Oleh itu pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga Yunit Pentadbiran dan juga Perancangan Tenaga Manusia di Jabatan Perdana Menteri perlulah menyediakan satu senarai lengkap pegawai-pegawai yang mengikuti kursus-kursus di luar negeri serta dengan bidang pengkhususannya masing-masing supaya penempatan mereka apabila kembali bertugas nanti dapat dibuat mengikut kemahiran yang telah diperolehinya dan tidak dibuat mengikut kesukaan pihak agensi pusat semata-mata.

Di samping kursus-kursus itu Kerajaan juga akan mengadakan berbagai seminar baik di dalam atau luar negeri, biasanya seminar tersebut dihadiri oleh wakil-wakil jabatan yang dipilih oleh sama ada agensi pusat atau Ketua-ketua Jabatan itu masing-masing tetapi pemilihan itu telah dibuat biasanya mengikut kesenangan dan kesukaan Ketua-ketua Jabatan sahaja menyebabkan ada pegawai itu menghadiri seminar dan juga kursus berkali-kali di dalam satu-satu masa. Ini menyebabkan seminar yang diberi itu tidak benar-benar memberi faedah kepada pegawai itu dan menyebabkan ada pegawai-pegawai yang tidak berpeluang untuk dapat mengikuti kursus atau seminar. Oleh itu satu sistem perlulah diwujudkan supaya hanya pegawai yang berkenaan dengan latihan itu sahaja atau seminar itu sahaja yang dipilih untuk mengikut sesuatu seminar yang dianjurkan oleh mana-mana pihak sekalipun baik di dalam atau di luar negeri supaya kesannya akan dapat dinikmati oleh semua pihak bukan sahaja keuntungan dari segi pihak Kerajaan dan juga keuntungan kepada pegawai itu sendiri yang telah berminat di dalam suatu lapangan tertentu.

Perlaksanaan projek Kerajaan di Malaysia ini bergantung berat kepada perkhidmatan perunding, baik perunding dari dalam negeri mahupun perunding dari luar negeri. Setahu saya perunding mengenakan kos-kos tertentu yang perkhidmatannya yang diberi kepada Kerajaan. Saya telah difahamkan bahawa pihak Kerajaan telah banyak menandatangani kontrak dengan perunding-perunding baik tempatan ataupun luar negeri dengan menggunakan borang-borang yang dikeluarkan oleh pihak Persatuan Perunding yang berkenaan. Biasanya dokumen kontrak seumpama ini adalah lebih menguntungkan pihak perunding itu sendiri daripada pihak Kerajaan. Jadi perbelanjaan yang berjuta-juta ringgit untuk pembayaran kepada perunding dapat dijimatkan sekiranya pihak Kerajaan berhati-hati dalam menandatangani perjanjian kontrak dengan perunding-perunding berkenaan. Di samping perunding tempatan Kerajaan juga banyak menggunakan perunding dari luar negeri mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh mereka. Saya kira pihak Kerajaan haruslah menggunakan perkhidmatan perunding dalam negeri sepenuhnya sebelum kita beralih kepada perunding-perunding dari luar negeri. Dengan berbuat demikian Kerajaan akan menggalakkan pertumbuhan perunding-perunding tempatan dan juga menyelamatkan dari segi pertukaran wang asing.

Tiap-tiap tahun terdapat ramai pegawai Kerajaan yang professional yang bersara daripada perkhidmatan Kerajaan, kebanyakan mereka ini telah menubuhkan syarikat-syarikat perunding masing-masing. Saya sukacita mengesyorkan di sini supaya Kerajaan menggunakan khidmat mereka ini dengan menubuhkan satu Pasukan Perunding Kerajaan yang terdiri daripada pegawai-pegawai profesional yang telah bersara daripada perkhidmatan. Dengan berbuat demikian Kerajaan akan menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang masih ada di dalam negara kita dan juga perkembangan syarikat perunding tempatan, kerana bukanlah semua pegawai-pegawai profesional seperti ini yang telah bersara daripada perkhidmatan Kerajaan akan dapat menubuhkan pertubuhan ataupun syarikat

perundingnya sendiri tanpa mendapat bantuan daripada Kerajaan.

Berdasarkan perenggan 677 di dalam Rancangan Malaysia Keempat, Jabatan Perikanan telah menyediakan berbagai-bagai jenis subsidi kepada nelayan. Kira-kira 21,000 nelayan, kira-kira 22% daripada jumlah nelayan dalam negara ini menerima bantuan subsidi yang berjumlah kira-kira \$49.8 juta dan juga memberi peralatan-peralatan moden termasuk enjin-enjin. Saya suka menarik perhatian kepada nelayan di tempat saya di Semerak, Pasir Puteh telah mendapat subsidi enjin jenis "Yanma-27 h.p.". Untuk menjadikan motobot nelayan ini terpaksa membuat pinjaman dari Bank Pertanian yang berjumlah sebanyak \$13,600 dengan faedah 9% setahun dan bayarannya \$250 sebulan. Begitu juga nelayan ini terpaksa berhutang untuk mengadakan seutas pukat. Ini berlaku di seluruh pantai negeri Kelantan dan mungkin juga di Semenanjung Malaysia. Setelah semua lengkap dan beban hutang terpaksa ditanggung, yang paling malangnya kepada nelayan ini ialah Jabatan Perikanan Negeri Kelantan, mungkin juga Jabatan Perikanan negeri lain tidak mengeluarkan lesen menangkap ikan iaitu termasuk juga lesen pukat jerut dan juga lesen pukat ikan bawal dan juga lesen-lesen pukat lain setelah kelengkapan itu diberi semua tetapi lesen tidak dikeluarkan. Apakah ertinya ini semua? Apakah ertinya pemberian subsidi seperti ini? Kalau lesen menangkap ikan tidak dikeluarkan, apa guna subsidi yang diberi.

Saya tahu lesen menangkap ikan pukat jerut ini mempunyai kuota. Di Semerak hanya ada dua lesen dikeluarkan, kata Jabatan Perikanan kuotanya dua lesen sahaja, malangnya kedua-dua lesen ini dipunyai oleh dua orang bukan bumiputra yang kebetulannya keduanya suami-isteri: satu isterinya boleh, satu suaminya boleh—suami-isteri, keluar habis itu, habislah. Malangnya kedua-dua lesen ini dipunyai oleh bukan bumiputra dan keduanya suami-isteri, jadi yang dapat subsidi menganga sahaja, tidak dapat satu apa. Inilah bermakna penangkapan ikan di Semerak itu dimonopoli oleh satu keluarga sahaja. Jadi bumiputra yang sejati hanya melihat walaupun subsidi

dapat, semua kelengkapan sudah cukup, enjin dapat tetapi lesen tak dapat. Jadi yang paling sedihnya mereka ini terpaksa menanggung hutang \$250 sebulan kena bayar, kalau tidak, bot ditarik enjin subsidi, pukat pun setengahnya subsidi. Ini tidak bermakna bagi kita mengeluarkan subsidi kalau lesen ini dihadkan.

Saya dengar khabar pula pada 1hb April ini Jabatan Perikanan Kelantan akan menangkap sesiapa sahaja yang keluar menangkap ikan tanpa lesen. Oleh itu, saya rasa dia akan menangkaplah motor-motor subsidi yang diberi oleh Kementerian Pertanian juga. Jadi saya berharap kepada Kementerian Pertanian dan Jabatan Perikanan Kelantan mengkaji semula dasar kuota pengeluaran lesen menangkap ikan ini, terutama di Semerak, Pasir Puteh yang memerlukan sekurang-kurangnya berdasarkan subsidi yang diberi itu 5 buah lesen pukat jerut ataupun pukat lain, saya pun tidak begitu faham tentang pukat ini. Kalau boleh hendaklah dikeluarkan lesen istimewa sebagaimana yang pernah dikeluarkan kepada nelayan di Kuala Besut. Yang susahnya Kuala Besut ini dekat dengan Semerak, jadi apa yang berlaku di Kuala Besut semua orang Semerak tahu. Kalau di Kuala Besut itu dapat keluar lesen istimewa, mengapa di Pasir Puteh tidak dapat mengeluarkan satu lesen istimewa, terutama kepada bumiputra.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa dua minit lagi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan sedikit lagi.

Satu lagi untuk Amanah Saham Nasional, kita perlu supaya Pejabat Pos ini menjadi agen, tetapi kepada pejabat ini supaya menambahkan kakitangan sekurang-kurangnya 40 orang lagi di Kelantan supaya memerlukan tambahan pegawai supaya Amanah Saham Nasional ini dapat berjalan dengan baik dan rakyat dapat betul-betul menggunakan Pejabat Pos.

Satu lagi dalam Rancangan Malaysia Keempat ini berkenaan pejabat bomba ini, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada di

sini, di Kelantan tidak ada satu pun pejabat bomba dalam Rancangan Malaysia Keempat, saya pun hairan macam mana ini tetapi saya minta tak payah jawab di sinilah. Bukan saya dengki, di Kedah ada 5 projek balai bomba—saya minta maaf kepada Ahli-ahli daripada Kedah—tetapi di Kelantan satu pun tak ada. Jadi yang saya hairan ini di Kelantan ada satu projek TUDM yang besar yang mana Pasir Puteh berkehendakkan satu balai yang besar. Saya berharaplah di Pasir Puteh yang mempunyai rancangan TUDM ini mempunyai 32,000 keluarga yang ditulis di sini, tetapi satu projek balai bomba tidak ada dalam rancangan Malaysia Keempat. Jadi saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen supaya dapat memasukkan balai bomba baru di Pasir Puteh supaya saya tidak tanya soalan di dalam Dewan pada masa akan datang berkenaan balai bomba di Pasir Puteh.

Kalau pertambahan ini diberi maka saya rasa dapatlah dikaji mengapa di Kelantan ini tidak mempunyai balai bomba kerana api di Kedah itu sama bahayanya dengan api di Pasir Puteh. Kalau tidak ada balai bomba, macam mana orang di Kelantan dapat menahan daripada malapetaka api. Janganlah anggapkan api di Kelantan tidak merbahaya, yang paling bahaya sekali api yang ditimbulkan oleh pihak DAP (*Ketawa*). Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kangar.

4.35 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, di dalam membentangkan Rancangan Malaysia Keempat, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian bersama. Di sini saya bersyukur kepada Tuhan walaupun keadaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di dalam sakit dan walaupun sihat, tetapi masih dalam bercuti tetapi di atas semangat beliau yang mana beliau sendiri datang membentangkan Rancangan Malaysia Keempat yang mana disokong oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Ini membuktikan kepada kita bahawa Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri itu tidak begitu senang hati walaupun dalam masa bercuti tetapi kalaulah rancangan-rancangan yang begitu besar yang memakan masa sampai 5 tahun tak dapat beliau bersama, di atas niat beliau yang bersusahpayah dan bersungguh itu, saya sungguh-sungguh mengucapkan syukur kepada Tuhan dan tahniah di atas sifat beliau.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Keempat banyak yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mana menitikberatkan kedua-dua sekali, baikpun di segi kebendaan, kerohanian dan sebagainya. Inilah satu sifat dan inilah satu amalan yang telah digunakan oleh Kerajaan kita sejak daripada tahun 1957 sampai kepada hari ini, iaitu kedua-dua hala sendiri, baik dari segi keduniaan untuk kita hidup bersama dan tidak pernah lupa langsung di segi keakhiratan yang kita akan pergi ke sana juga.

Maka saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, di atas sifat inilah kerana kita tahu negara kita ini, khasnya orang Islam percaya kepada adanya Tuhan, yang bukan Islam sekalipun saya percaya adanya Tuhan tetapi cara fahaman yang berlainan. Di atas sifat yang saya katakan tadi yang mana Kerajaan kita menjalankan kedua-dua dasar itu, iaitu dua hala—kebendaan dan kerohanian yang kita dapat sokong semua, khasnya daripada orang yang jiwanya murni dan suci, baik daripada apa bangsa sekalipun, inilah satu perkara yang baik yang telah dijalankan oleh Kerajaan kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana baik sekalipun, kadang-kadang adakala juga setengah pihak yang menentang dan menuduh sebagaimana pada hari ini pihak Pembangkang (DAP) mengatakan kita ini memilih satu kaum walhal saya berpendapat khasnya orang Melayu/Bumiputra amatlah berbudi bahasa. Contohnya, bangsa asing yang ada dalam negara kita, baik Cina ataupun India selalu datang ke kampung, khasnya orang Cina membuka Kedai, dia seorang yang dikelilingi oleh tak kurang daripada 30 orang Melayu, bahkan semuanya Melayu melayan dengan baik dan membeli dengan baik. Kadang-kadang kalaulah satu orang Cina itu terkasar kata sedikit, dia kata

dia ini 'telik', akhirnya tak marah juga. Begitulah kalau berjumpa dengan Hindu jual kacang puteh dan sebagainya. Jadi sifat orang Melayu walaupun dia tahu perniagaan itu lebih untung daripada bercucuk tanam, mereka berempas pulas yang menjadi kaya orang Cina dan sebagainya, dia tak begitu sedih dan tak iri hati. Walau bagaimanapun, Kerajaan kita hendak menstabilkan semua kaum tentulah kalau perkara ini berlanjutan akibatnya tak baik kepada negara dan amatlah tak adil bagi negara kita kalau bumiputra yang menjadi asas penduduk dalam negara ini tiap-tiap tahun bentang dalam Rancangan Malaysia yang ke berapa sekalipun, orang bumiputra yang masih rendah kebelakang kalaulah Kerajaan tak menolong, tak ambil berat, tak bersungguh-sungguh amatlah pedih bagi bumiputra sendiri kerana yang ketua, pembesar orang bumiputra, tiba-tiba dia ambil tahu hal dia sahaja tetapi anaknya dia tak ambil tahu. Maka di atas rancangan yang dibuat oleh Kerajaan hari ini adalah satu langkah yang amat adil dan kalau tak buat amatlah tak adil.

Saya berharap kepada pihak-pihak Pembangkang, khasnya bukan bumiputera walaupun Barisan Nasional ataupun bukan janganlah bangkitkan perkara ini lagi. Siapa yang baca suratkhbar, siapa yang tengok kenyataan, perincian kedudukan kaum yang dapat, banyak mana peratus kekayaan bumiputra dan sebagainya orang yang cerdik sahaja tahu. Saya tak fikir Wakil Rakyat yang masuk ini seorang pun tak tahu baca surat, bahkan semua bahasa dia faham, saya tidak kata pekak, sahaja buat-buat tak mahu faham kerana dia hendak kata juga. Jadi saya harap sangat-sangatlah pihak-pihak yang berkenaan tolonglah ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak suka hendak menyatakan orang kerana saya tahu kalau orang katakan saya pun tidak sedap saya dengar. Jadi buat kata pepatah sebagaimama tari begitulah gendangnya. Dengan sebab itu biarlah saya langsungkan.

Saya amat sedih apabila saya dengar rakan saya wakil dari Baling yang bercakap pada 23hb Mac mengatakan wakil Kangar itu

hentam PAS. Saya amat dukacita, Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara itu saya tidak kata dalam Dewan yang mulia ini. Saya menyokong dan saya berharap Kerajaan mengambil tindakan tegas apa yang diucapkan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 16hb yang lepas yang mengatakan ada golongan-golongan orang yang membawa fahaman-fahaman salah, menyeleweng di antara satu sama lain. Setengah-tengahnya sanggup kata kafir-mengkafir.

Jadi, atas dasar Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong saya kata patut diambil tindakan, janganlah dikira yang berkata salah itu UMNO atau PAS. Yang salah mesti diambil tindakan kerana pendapat saya Tuhan membuat neraka kalau orang salah tidak boleh masuk neraka tentulah Tuhan tidak buat neraka. Kalau orang salah kita tidak hukum kita tidak adil. Sebab itu dalam dunia dibuat jel, orang salah dihukum; orang bunuh orang, bunuh balik kalau ada kenyataan. Saya tidak sebut UMNO ataupun PAS, tetapi saya hairan pada 23hb yang lalu dalam ucapan rakan saya dari Baling mengatakan wakil Kangar kata kepada PAS. Setahu saya Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong tidak sebut PAS, wakil Kangar pun tidak hentam PAS. Bila dia sebut PAS dan UMNO sama naik. Tetapi seperti kata pepatah sesiapa makan cabai dia akan merasa pedas, kalau makan garam dia rasa masin; tentu dia rasa sendiri, dia bangkit menjawab ucapan itu walaupun kita tidak kata kepada dia. Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah betul-betul mendapat perhatian daripada wakil yang berkenaan.

Yang kedua, dia ajak ahli-ahli Barisan Nasional khasnya UMNO supaya berdailog, berbahas; kata dia, kalau berani di luar Dewan. Apa yang hendak dibahaskan? Kita sama-sama tahu, ini kenyataan, PAS ditubuhkan pada tahun 1951 dan UMNO pada tahun 1946. Bertelagah UMNO dan PAS, PAS selalu kata UMNO kafir. Sampai hari ini masih dikatakan kafir lagi di dalam kampung. Ini kalau diambil tape boleh didengar, di merata-rata kampung dikatakan kafir; itulah kerja UMNO dengan PAS.

Dengan kehendak Tuhan pada tahun 1973 jadi Kerajaan campuran. Tuhan hendak tunjuk! Dengan kehendak Tuhan pada tahun 1974 terus jadi Barisan Nasional, salah satu daripada gabungan kepada Barisan Nasional ialah PAS. Kalau daripada tahun 1951 sampai 1973 dikatakan kafir, sejak memasuki Barisan Nasional dikatakan paling halal dan paling baik. Itu ketuanya yang menjawab. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ini ucapan Datuk Asri di rapat umum di Kubang Krian, Kelantan pada 17hb Januari, 1974. Dengan izin, saya minta baca . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak usah baca panjang-panjang.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tak usah baca? (*Ketawa*). Menurut kata dia, jalan yang dibuat oleh Barisan Nasional yang ada UMNO di dalamnya adalah jalan yang paling baik dan semua mesti ikut contoh. Inilah yang paling baik sekali.

Berpecah pula pada bulan Mac 1978, mula kafir balik. (*Ketawa*). Jadi di mana hendak berdailog, hendak berbahas, cara yang benar-benar, ikut yang salah kita tinggal, yang benar bersama dia, yang bersalah tidak sama dia, apa nama dailog macam ini? Kalau dailog macam ini minum arak pun bagus! Kalau tidak ikut aku, sembahyang pun kafir. Hendak dailog macam ini, buat rugi masa sahaja, banyak kerja lain yang kita patut buat. Tuan Yang di-Pertua, seperti kata saya tadi, kalaulah dipukul gendang saya tidak menari, jadi saya menari sedikit sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya masuk dalam ucapan Rancangan Malaysia Keempat ini saya minta kepada Kerajaan tengok laporan akhbar *Utusan Melayu* hari ini pelarian daripada rakyat Selatan Thailand kalau tidak silap saya, saya masih ada 181 orang di Dewan Tun Abdul Razak di Baling.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun lepas berpuluh-puluh ribu orang pelarian Kampuchea, Vietnam datang ke negara kita melalui Trengganu dan berbagai-bagai negeri yang berhampiran dengan laut yang mudah mendarat. Bila saya renung apa yang berlaku kepada pelarian yang datang daripada

Selatan Thailand ini adalah berlainan sedikit daripada pelarian yang lain yang datang pada masa-masa yang lepas kerana mereka datang dari negara yang amat dekat dengan kita. Yang kedua, saya takut kalau-kalau bangkit satu perasaan tidak baik dari rakyat negara kita sendiri khasnya yang berhampiran dengan negeri-negeri jiran yang berkenaan.

Sebab saya kata begitu, saya percaya kebanyakan rakyat Selatan Thailand dan rakyat yang berhampiran dengan Thailand, bagi Perlis, Kedah, mahupun Kelantan dan boleh jadi Perak pun ada, orang ini berhampiran dengan Thailand, dan berkeluarga antara satu dengan lain. Ada orang Pattani berkeluarga dengan orang Malaysia di Kelantan. Orang Pattani atau Tanjung Mas berkeluarga dengan orang Perlis dan kadangkadang ada satu kampung di Malaysia ini digelar kampung Pattani. Kerap kali orang Pattani ini datang daripada Thailand, inilah rapatnya hubungan kita dengan Selatan Thailand, Tuan Yang di-Pertua. Saya takut dengan apa yang kita baca di dalam akhbar *Utusan Melayu* pagi tadi yang dihalau selepas sembahyang subuh, kalaulah kita tidak cari satu jalan untuk mengatasi dengan cepat apatah lagi negara yang berjiran, kita pula negara anggota ASEAN yang paling dekat sekali dengan negeri Thailand. Saya berharap kepada Kerajaan khasnya Kementerian Luar Negeri cari satu jalan supaya apa yang berlaku dua tiga hari yang lepas pada rakyat Selatan Thailand jangan berlaku lagi. Saya tidak bermaksud hendak campur tangan hal ehwal negeri orang, yang bersalah mesti dihukum. Keluarga kita sendiri kalau salah mengikut keputusan mahkamah mesti dihukum. Adakah orang yang lari itu ditembak dan sebagainya kerana belum tentu salah. Ini satu perkara yang amat sedih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya percaya sekali lagi, saya tegaskan boleh jadi yang datang ini kembali ke tempat keluarganya sendiri. Apa hal kalaulah daripada Vietnam dapat datang 70,000? Tidak bolehkah daripada Thailand ini datang 70,000? Kalau orang Vietnam datang menumpang sehingga tidak ada tempat, ini pula datang ke negara yang satu bangsa dan satu ugama, berkeluarga pula, apa perasaan orang Malaysia, Tuan Yang di-Pertua? Saya

takut kerana dalam Malaysia kita juga yang berhampiran dengan Thailand misalnya di tempat saya Pungat, Gua Musang yang penuh dengan orang Thailand. Begitu juga di Kedah, khususnya di Ulu Muda. Jadi, apakah perasaan kita kalau orang kita satu bangsa dan satu ugama dibuat begitu? Saya takut orang sini pula akan jadi mangsa. Saya harap perkara seperti ini jangan berpanjangan, dan saya berharap dan merayu kepada Kerajaan carilah satu jalan menghentikan apa-apa yang berlaku. Bukan saya hendak campur tangan. Kalau orang itu bersalah tetap bersalah walaupun masuk bersama dengan komunis. Tetapi apa yang diceritakan oleh sahabat saya adalah secara tekaan dan berlainan. Malam takut kepada komunis dan siang takut dengan askar, lama-lama kena lari seperti yang dilaporkan di dalam akhbar hari ini. Ini satu bangsa dengan kita. Tambah lagi pula dalam ASEAN macam saya katakan tadi, jiran.

Saya berharap kepada Kerajaan ambil tindakan cara diplomatik atau apa yang boleh patutlah diambil, supaya kejadian ini jangan berpanjangan. Kalau berpanjangan percayalah, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi mereka datang lain daripada Vietnam, lain Kampuchea. Mereka datang daripada tempat yang satu, bangsa dan ugama yang satu dan setengahnya ada keluarga. Apa lagi kalau keluarga dihalau oleh satu bangsa mereka itu akan anggap bangsa itu kejam terhadap bangsa dan keluarga menyebabkan mereka lari. Saya harap Kerajaan akan mengambil perhatian yang cukup serius khasnya Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada Rancangan Malaysia Keempat. Kerajaan kita telah memberikan peruntukan yang begitu banyak kepada negara dalam Rancangan Malaysia Keempat termasuklah Perlis yang dapat \$304 juta. Saya rasa malu dengan \$304 juta ini saya rasa Perlis mendapat sedikit maklumlah negeri pun 316 batu persegi. Tetapi apabila saya merayu kepada pihak Kerajaan khasnya Menteri Kewangan, dia mengatakan kepada saya, diberi sebanyak itu pun tidak habis belanja kerana negeri itu kecil.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, dapat dihabiskan, tetapi apa yang dikatakan oleh pihak yang berkenaan, khasnya Yang

Berhormat Mulia Menteri Kewangan benar juga, kerana beliau kata hendak membelanjakan wang Kerajaan ini bukanlah kita boleh belanja sesuka hati kita tetapi mestilah ada dengan kenyataan baharu dikeluarkan wang oleh pihak pejabat kewangan, pihak Kementerian dan sebagainya. Jadi, kalau benda itu kita tidak dapat bereskan tentulah wang itu tidak dapat dikeluarkan oleh pejabat ataupun Kementerian yang berkenaan. Bagaimanakah akan dapat dibelanjakan kalau pegawai-pegawainya tidak cukup dan kalau adapun kadang-kadang tidak begitu tinggi seperti yang ada di tempat-tempat lain, kerana anggapan setengah-setengah orang Perlis ini kecil, sudah kecil kita hantarlah pegawai yang tidak begitu tinggi, bila pegawai tidak begitu tinggi benda hendak buat banyak akhirnya tidak boleh buat, jadi yang mundur duduk bertambah mundur di situ. Saya berharap sangatlah di samping memberikan peruntukan yang telah ditentukan berilah sama pegawai-pegawai yang agak cukup dan berkemahiran. Janganlah dihantar kerana negeri ini kecil walaupun kecil atau besar rancangan adalah sama. Kadang-kadang negeri kecil lagi susah kerana hendak buat projek, buat perancangan payah tentang pemasaran dan sebagainya, kami hendak seorang yang mahir, pakar dan sebagainya. Saya harap mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya tengok kekurangan berkenaan dengan pegawai ikhtisas, kedokteran, enjinir dan sebagainya. Mengikut perincian, saya cukup sedih bahawa bumiputra ini beberapa kali kita bantu pun rendah di situ sahaja. Jadi, kita berasa malu dengan kawan-kawan kita, bangsa Cina dan Tamil walaupun mereka ini sedikit, saya tidak kata mereka ini tidak cantik, mereka hitam manis, putih kuning dan sebagainya, tetapi kita cukup malu, walaupun kita cuba buat tetapi kita masih rendah. Dengan sebab itu, saya berharaplah sangat-sangat kepada Kerajaan membanyakkan lagi sebagai ITM yang mana Tuan Yang di-Pertua sendiri biasa menjadi Pengerusi. Walaupun hari ini kita telah ada tetapi bila kita lihat perincian yang dibentangkan dalam Rancangan Malaysia

Keempat dan dibentangkan di mana-mana tempat kita cukup malu, di segi ini kita amat kurang. Berilah berbagai-bagai kemudahan, agaknya persamaan itu kita dapat laksanakan kalau tidak tahun 1990, tahun 2000. Jadi kalau sama sekarang, saya tengok setahun ke setahun perincian itu kita masih kurang. Kadang-kadang macam kita lawan berlari dia sudah kuat, kita duduk di belakangnya, depan dia cuma sedikit, apatah lagi kita bersama tentulah sampai bilapun kita tidak akan menang dalam perlawanan tersebut. Jadi, saya haraplah diutamakan perkara yang amat kekurangan kepada bumiputra, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah bermaksud hendak bercakap Perlis sahaja, tetapi Kerajaan hari ini hendak memajukan tempat yang tidak maju, membangunkan tempat yang tidak membangun, menolong bangsa yang kurang maju. Oleh sebab bumiputra yang kurang maju maka bumiputra akan ditolong banyak.

Semua negeri ada lembaga. Kelantan ada lembaga, Trengganu ada lembaga, Pahang ada lembaga, Johor ada lembaga dan baharu-baharu ini Kedah pun hendak diadakan lembaga. Jadi, barangkali Perlis ini kecil difikirkan tidak patut ada lembaga, tetapi pada pendapat saya, walaupun negeri kecil macam saya katakan tadi patutlah lembaga itu diadakan. Dengan sebab itu, saya haraplah sangat diadakan satu lembaga wilayah Perlis, khasnya kawasan saya sendiri yang tidak meliputi dengan padi. Kalau hendak samakan dengan Kedah barangkali agak susah tetapi itu terpulang kepada Kerajaan, tetapi saya berpendapat lebih baik diadakan satu lembaga yang khas wilayah Perlis yang di dalamnya akan dapat membangunkan berbagai-bagai rancangan untuk pembangunan. Misalnya, tempat-tempat di Perlis khasnya di kawasan utara tanahnya walaupun boleh ditanam padi tetapi masih banyak yang bersesuaian dengan tanaman tebu dan sebagainya. Saya berpendapat patut macam kita tahu hari ini kita kekurangan gula walaupun saya dengar ditanya oleh kawan saya boleh ditanam dengan jenis lain tetapi kata Timbalan Menteri tidak begitu bersesuaian melainkan tebulah yang paling sesuai untuk gula.

Saya berpendapat kalaulah diadakan lembaga misalnya Lembaga LPN menanam tembakau dengan adakan pengawit, adakan juga lembaga gula khasnya ataupun dalam lembaga wilayah ini salah satu cabangnya untuk memproseskan tebu yang ditanam oleh pak tani sendiri dengan mengadakan pengangkutan dan dengan memberi jaminan kerana dikatakan di Perlis sesuai tempat tanaman tebu bagi mendapatkan hasil. Saya fikir patut diadakan sebagai satu cabang daripada lembaga ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita berasa malu sebab kita terpaksa import bawang daripada luar negeri. Kita terpaksa import cabai besar daripada luar negeri, ini saya dapat tahu daripada Pegawai-pegawai Pengimport. Kita terpaksa import gobek daripada Indonesia dan di negeri-negeri lain, sedangkan negara kita sangat sesuai. Saya tidak mahu kata pak tani khasnya bumiputra ini penyegan. Pak tani khasnya bumiputra amat rajin — saudara yang dekat dengan saya menjadi Pengerusi FAMA - tetapi yang menjadi masalah ialah penyelarasan. Bila ditanam lobak dan hendak dijual kadang-kadang harganya sekati \$1.20 dia biasa terjadi sampai 30 sen sekati. Jadi adakan peraturan musim ini tanam banyak, kalau banyak di mana hendak hantar dan sebagainya. Ada tempat pula kalau hendak tanam musim kemarau tidak boleh kerana airnya tidak cukup, tetapi kalau musim hujan terlampau banyak sayur, tidak laku. Jadi penolongan asas berlembaga itu banyak dan pak tani yang kurang pekerjaan buat kerja selingan untuk tambahkan wang di samping Kerajaan menjimatkan wang tidak payah import daripada luar negeri. Banyak untungnya, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap lembaga ini boleh jalankan segi pertanian baik, segi menambahkan kekurangan gula baik, begitu juga segi perdagangan. Misalnya, di Perlis selalu saya minta berkali-kali iaitu patut diadakan khas kawasan perdagangan bebas, misalnya, Padang Besar. Tetapi hari ini diadakan di Pulau Pinang, orang datang daripada Thailand setahu saya datang membeli belah di Pulau Pinang. Alangkah baiknya kalau dibuat di Padang Besar, barang Malaysia boleh dijual di sana dan barang Thailand boleh dijual di situ. Penduduk Perlis pun

sekurang-kurangnya dapat keuntungan, jadi saya haraplah patut dibuat di situ.

Begitu juga di dalam pelancungan. Setahu saya ada sebuah gua namanya Gua di Kaki Bukit, cukup cantik. Air di bawahnya mengalir tidak berhenti-henti dan di dalamnya cukup cantik. Saya biasa dengar daripada kawan-kawan saya mengatakan tempat pelancungan yang indah sekali di luar-luar negeri tidak secantik Gua di Kaki Bukit. Di luar negeri itu kerana diperindahkan oleh Kerajaannya maka tempat itu jadi indah. Saya berpendapat, tempat-tempat seperti ini juga patut diindahkannya khasnya negeri macam Perlis supaya dengan itu dapatlah pelancung-pelancung luar negeri datang ke Perlis, maka bertambahlah maju negeri yang kurang maju dan tidak payahlah sangat meminta sedekah kepada Kerajaan tiap-tiap tahun kalau hendak buat perancangan. Projek tidak ada, tempat orang yang melancung itu tidak ada, apa pun tidak. Ya tak ya padi, padi itupun keadaannya macam kita katakan tidak cukup. Saya harap pertimbangan khas daripada pihak Kerajaan apa yang saya katakan itu diambil perhatian. Begitu juga cuba kita perhatikan, saya tidak mahu kata Kerajaan menganaktirikan. Rancangan leboh raya dibuat sampai ke Johor, melencong ke Changloon, Padang Besar ditinggalkan. Saya berharap perkara ini juga mendapat perhatian daripada Kerajaan supaya jalan leboh raya ini disampaikan kepada Padang Besar janganlah mengikut Changloon sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang membanyakkan pemberian asas kepada penduduk-penduduk luar bandar seperti api, air dan berbagai-bagai lagi. Kita mengucapkan syukur dan terima kasih kepada Kerajaan. Kita tidak menafikan kebaikannya tetapi bila kita renung, orang tengah yang boleh mendapat keuntungan yang berlipat kali ganda. Kerajaan buat satu projek jalan raya misalnya masuk ke sebuah kampung \$100,000. Seorang hamba Allah akan menjadi untung dapat \$30,000 dia akan menjadi orang kaya. Begitu juga Kerajaan pasang elektrik dan sebagainya. Kita tidak boleh elak, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang orang kampung ini ada perkara yang

mereka tidak tahu tetapi yang sedih perkara-perkara yang kecilpun diberi kepada pemborong yang besar, kadang-kadang pemborong besar ini bukan bumiputra, apatah lagi kadang-kadang kontrek itu disatukan jadi berjuta-juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kalau boleh biarlah sebagai asas kita beri api, elektrik, air dan sebagainya seboleh-bolehnya berilah keutamaan kepada penduduk tempatan dan seboleh-bolehnya kepada bumiputra. Kalau benda itu rancangan yang besar, tidak boleh dibuat, patutlah dipecah-pecahkan kerana sebagaimana saya katakan tadi di samping jalan kita banyakkannya yang membolehkan kita lalu dan sebagainya, itu saya tidak nafi; itulah yang selalu kita terangkan kepada orang kampung bahawa rancangan Kerajaan kita baik dan sesuatu projek jalan itu memakan belanja sampai \$100,000. Dan ini siapakah yang dapat untung banyak, kita terkancing mulut hendak jawab. Kalau satu tentu tidak mengapa, ini banyak tempat seperti itu. Saya harap sangat-sangat kita akan mendapat juga peruntukan cara asas, begitu juga cara perniagaan pun kita dapatkan kepada penduduk-penduduk tempatan terutamanya bumiputra seperti mana saya katakan tadi supaya ini menjauhkan lagi jurang perbezaan kita dengan yang bukan bumiputra. Ini bukan kerana kita hendak membeza tetapi seperti saya katakan tadi kerana kita terlampau lemah, jadi tentulah kita hendak menseimbangkannya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita hendak membanyakkan keuntungan kepada negara khasnya dalam Rancangan Malaysia Keempat, saya percaya kita hendak mempertingkatkan taraf hidup rakyat biar negeri mana sekalipun dan saya percaya hendak meninggikan taraf hidup rakyat ini cara yang paling baik sekali ialah membanyakkan industri. Sebab itulah ramai orang datang ke Kuala Lumpur mencari makan dan pekerjaan, banyak membina industri, banyak membina kilang, kerana kilang dapat untung banyak, orang kerja kilang pun dapat gaji banyak, sebab itu kita tidak hairan anak-anak muda dari Perlis, anak-anak muda dari Kedah, anak-anak muda dari mana pun datang ke tempat yang banyak industri. Kalau

Pulau Pinang Mak Mandin banyak industri maka banyaklah orang datang ke Mak Mandin. Saya berpendapat bahawa maju mundurnya bandar bukannya bandar itu tetapi orang yang datang. Kedatangan orang ramai, industrinya banyak, pejabat-pejabat banyak maka majulah tempat itu. Saya berpendapat—saya tidak tahulah; saya agak Perlis dengan Singapura harus besar Perlis tetapi Singapura maju sebab semua dagang berniaga ke situ. Satu hari kalau Perlis dibawa datang ke situ, dihimpunkan segala-galanya, Perlis pun boleh jadi macam Singapura; bukan kecil tetapi besar dan orang ramai pula kena pergi ke tempat itu. Jadi, kalau tempat itu maju kita pergi ke situ lagi maka tempat itu pun bertambah maju lagi. Saya berpendapat patutlah diubahkan sedikit supaya orang tidak jadi sesak, tempat yang kurang maju seperti tempat saya di Perlis ataupun di mana sekalipun—bukan saya kata Perlis sahaja, ditambah dan dibanyakkan industri seboleholehnya industri yang bahan-bahannya daripada tempatan. Dan jikalau kita hendak banyakkan industri ini menjadi masalah juga kerana kekurangan, misalnya muatan, kalau dengan lori boleh jadi kosnya mahal, kalau dengan kapal laut, kosnya lebih murah. Dengan sebab itu sesuai sangatlah sebagaimana selalu dirayakan oleh penduduk Perlis patut Pelabuhan Kuala Perlis dibesarkan dengan kesesuaian hendak buat industri seperti saya katakan tadi.

Begitu juga telex dan sebagainya. Di samping kemudahan, kemudahan-kemudahan perniagaan pun patut ada. Tetapi bila bercakap ada dikatakan setengah negeri itu kecil, buat apa telex. Ini saya kata bukan kira kecil besar tetapi bila semua orang pergi ke tempat itu, tentulah tempat itu menjadi maju tetapi bila sudah kecil, kita tidak pergi, misalnya Perlis ini memanglah negeri yang kecil dan yang maju di Malaysia, banyak orang datang ke Selangor — Kuala Lumpur, Pulau Pinang — Mak Mandin. Tetapi yang luas negerinya di Malaysia bukan Selangor, ada satu negeri 44 kali ganda Perlis — saya ingat tidak maju seperti Selangor. Ini bukan kerana negeri itu kecil atau besar tempat orang berhimpun. Kalau kita hendakkan maju, himpunkan orang di situ. Inilah saya berpendapat patut dibanyakkan industri-industri terutamanya negeri yang kurang

maju seperti Perlis patut dibanyakkan dengan mengadakan berbagai-bagai kemudahan, pelabuhan, telex dan sebagainya. Saya yakin dengan ini banyak orang akan datang walaupun di mana termasuklah juga negeri saya sendiri iaitu Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai petani yang datang dari luar bandar, saya mengucapkan syukur kepada Tuhan dan terima kasih kepada Kerajaan yang telah menaikkan subsidi padi tetapi kadang-kadang subsidi padi inipun ada yang tidak puas hati kerana kadang-kadang tidak buat bendang dia tidak ada padi, bila tidak ada padi dengan kerana penyelewengannya pun dia dapat subsidi padi juga. Ini saya percaya pihak LPN telah dapat tahu dan akan menyasiat perkara-perkara yang saya nyatakan tadi.

Pihak penanam padi berasa bangga dengan kenaikan harga padi yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah pada 17.10.80 yang lalu. Kita berasa seronok dan bangga tetapi secara tidak langsung tidak sampai tiga bulan kenaikan harga subsidi padi daripada \$2.00 menjadi \$10.00 maka harga gula pula naik daripada 75 sen dinaikkan kepada \$1.05 sekati. Agaknya bila wang naik lebih tinggi maka naiknya itu tidak ada benda yang berfaedah sangat, tidak begitu terasa, sebab bila gaji kita naik, harga naik lipatganda daripada gaji kita. Dengan sebab itu saya berpendapat segala keperluan naik harga, gula naik harga, susu naik harga, segala-galanya naik, gaji pegawai-pegawai Kerajaan naik, gaji buruh sahaja kadang-kadang tidak naik, macam kilang-kilang setengahnya itu ada dibuat oleh majikan; saya berharap patutlah dinaikkan juga tetapi gaji pegawai-pegawai Kerajaan termasuk gaji kita pun beberapa kali sudah saya bercakap, naik juga. Syukur kepada Tuhan tetapi seperti selalu saya kata, saya amat dukacita dan sedih kalau gaji kita naik tetapi untuk pendapatan petani kita tidak naik begitu lebih. Dengan sebab itu saya berharap sekali lagi harga padi itu, saya merayu juga patutlah dinaikkan \$40 di samping subsidi jangan kurang. Ini saya fikir sangatlah bersesuaian dengan apa yang berlaku hari ini, harga padi mesti \$40 di samping subsidi jangan dikurangkan.

Sekarang kalau dibandingkan penduduk kampung bersyukur kepada Tuhan tetapi kalau kita tengok itu naik, ini naik, maka kenaikan harga padi patutlah dinaikkan lagi. Pada masa yang lepas kita beri subsidi, subsidi tetap subsidi tetapi dinaikkan harga padi itu sampai \$40 di samping \$10 subsidi, jadi \$50, itulah harapan saya.

Di samping itu juga saya berharap kepada LPN yang telah menolong petani, mengadakan berbagai-bagai kompleks, maka patut dibanyakkan lagi kompleks yang berkenaan. Tetapi peniaga, pekerja ini ada musim, macam juga petani, kalau musim dia bekerja masa ada air di sawah, dia kena susah payah, masa padinya hampir masak, biarlah dia bekerja sampai malam, kalau padinya tidak diambil maka harus padinya jahanam kerana sudah masak. Begitu juga bila hendak menanam, patut ditanam tidak berhenti walaupun dia letih kerana kalau dia tidak buat akhirnya semainya akan jadi beku dan kalau ditanam pun harus tidak terbit buah. Begitulah juga LPN, saya harap musim menuai, musim mengetam padi yang banyak kadang-kadang sampai 30 lori berderet-deret hendak masuk ke LPN tidak dapat; patut bekerja 24 jam, masa menuai patut 24 jam, jangan 12.45 time cukup, padi berderet-deret. Kalau padi itu boleh disimpan seperti berniaga lain tidak mengapa — cara ekonomi ini saya pun tidak pandai, tetapi saya tahu cara ahli ekonomi, barang-barang yang jahanam seperti sayur dan sebagainya terutama padi, kita tidak boleh ikut seperti berniaga kain. Barang kemas, barang emas tidak laku, cukup tempoh tidak mengapalah tetapi padi kalau tidak boleh masuk ke dalam tempat pengeringan akhirnya padi yang berlori-lori tadi akan jahanam begitu sahaja. Bila lori tidak boleh muat maka padi peladang pun tidak boleh dimuatkan maka membawa kerugian kepada orang kampung yang amat sangat. Dengan sebab itu, saya berharap sangat kepada pihak Kementerian yang berkenaan membanyakkan lagi kompleks-komplek dan pada musim menuai yang padinya terlampau banyak kerja 24 jam jangan ikut time pejabat. Kita ikut keadaan, macam berniaga juga musim laku tidak kira siang dan malam menjual, musim tidak laku, rehatlah kita. Saya berharap sangat

mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga segala rancangan-rancangan yang kita akan jalankan hendaklah ditambahkan lagi baikpun pembinaan masjid dan sebagainya dan saya dapati kebanyakan apa yang kita akan jalankan ialah yang dijalankan oleh pegawai Kerajaan, ada berbagai-bagai Kementerian dan kebanyakannya juga ada dijalankan daripada Jabatan Perdana Menteri. Jabatan Perdana Menteri ini kebanyakannya melalui Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan sebagainya. Saya berpendapat tidaklah begitu seronok bagi kita sebagai seorang Wakil Rakyat dan seorang pemimpin walaupun kecil atau besar kalau kita datang mesyuarat ada elaun — Wakil Kangar datang mesyuarat inipun ada elaun, tidak bercakap pun ada elaun, bercakap pun ada elaun, tetapi amatlah pelik kalau Jawatankuasa Kemajuan Kampung kita tidak boleh buat dan diserahkan kepada negeri, seperti Perlis kalau diserahkan kepada negeri bila boleh dibuat, segala apa yang berkait dengan kemajuan kampung kita serahkan kepada JKK, Pengerusi JKK, saya berpendapat patut diambilalih oleh Kerajaan Pusat di bawah Jabatan Perdana Menteri diberi elaun agak berpatutan, kalau tidak \$300 pun \$100 sebulan. Kemudian elaun JKK patut diberi sekali mesyuarat \$5.00 atau sebaik-baiknya sampai \$10.00 lebih dan memandang kepada keadaan sekarang saya mencadangkan \$10.00 itu terus diberi. Jadi kalau kita fikir ada elaun kepada orang lain, kita tidak pernah fikir elaun, berlainan dengan jiwa saya yang amat sangat. Saya berharap sangat di samping pelaksanaan yang kita akan adakan patutlah diberi elaun kepada Pengerusi JKK, diberi elaun kepada ahli-ahli mesyuarat sebagaimana yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga saya berharap sangat kerana zaman sains teknologi ini kita sudah maju biarlah kita serba cepat misalnya pos surat kadang-kadang sampai 4 hari hendak pergi ke Perlis, ini selalu berlaku sedangkan kalau naik motokar tak lebih daripada 8 jam. Jadi pos surat sampai 4 hari walaupun kita hantar dengan keretapi ataupun bas, saya ingat

perjalanan bas antara Perlis ke sini pun memakan masa 8 jam atau 10 jam. Mengapa kadang-kadang sampai 4 hari tak sampai? Jadi seboleh-bolehnya zaman sains teknologi kita percepatkanlah apa yang saya katakan mengikut keadaan zaman. Begitu juga dalam telefon selalu berdering bukan-bukan. Jadi saya berharap sangat perkara ini mendapat perhatian walaupun perkara ini kecil tetapi adalah penting bagi orang yang bercakap dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tak mahu bercakap banyak cuma sebagai sebelum saya akhiri dua perkara saya hendak sentuh. Satu hospital sudah baik cuma-kadang-kadang kita tahu kebersihan itu setengah daripada iman mengikut ugama dan kebersihan membawa sihat tetapi saya dapat tahu daripada pihak berkenaan ada setengah bangunan hospital ataupun pusat-pusat kesihatan, misalnya di Perlis saya ada 4, 5, 6 tempat tukang kebun yang penjaga kebersihan itu dua orang sedangkan tukang kebun sekolah di kawasan yang kecil dan tempatnya sudah bersih ada 4 orang tukang kebun. Jadi benda ini patut diambil perhatian oleh pihak berkenaan. Kalau tempat yang kita hendak jaga bersih tetapi tempat kita sendiri tak bersih tentulah benda ini tidak wajar, Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita tahu kemudahan asas tadi saya minta diberi perhatian kepada negeri-negeri yang kurang maju kerana saya takut kalau kemudahan asas ini tak ada, seperti elektrik tak ada, air pun payah. Misalnya, saya contohkan negeri Perlis, tentulah pelabur-pelabur yang hendak menubuhkan industri tak suka datang ke situ. Begitu juga kalau hendak buat misalnya maktab perguruan, 3 — 4 tahun lepas ada ura-ura mengadakan maktab perguruan di Perlis tetapi oleh sebab kemudahan asas tak ada, air payah, akhirnya pelajar yang pergi berkursus di situ sampai setahun mereka lari balik. Dengan lari itu akhirnya tujuan Kerajaan bercadang hendak buat maktab perguruan di Perlis pun tak jadi. Jadi kemudahan asas itu selain daripada kita bagi kemudahan perniagaan dan sebagainya amat perlu untuk menambahkan kebaikan satu-satu negeri kurang maju.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali segala kunci kejayaan, kita buat dasar yang akan melaksanakan ialah pegawai-pegawai Kerajaan. Saya suka mengucap syukur kepada Tuhan kerana didapati pegawai Kerajaan banyak yang rajin, cergas 24 jam bawa fail tetapi ada setengahnya kadangkala itu culas sedikit maklumlah nyiur semayang semua itu baik. Jadi saya berharap dengan adanya berbagai kursus, semua itu akan jadi baik dan bagus kerana di situlah kunci pelaksanaan menjayakan rancangan kita. Kalau pegawai Kerajaan tak baik, tak betul kerja kita akan lambat dan kalau betul sekalipun kalau mereka tak cukup mereka pun manusia sebagaimana hendak sanggup mengerjakan bukan kadar kemampuan mereka. Jadi saya berpendapat kalau tempat yang tak cukup kakitangan itu patutlah ditambah dengan mencukupkan pegawai Kerajaan. Jadi menjadi masalah kepada negara kita ini berkenaan dengan percution. Saya berharap percution biarlah ada jadual.

Misalnya, satu Ketua Pejabat hendak cuti, janganlah Timbalan Ketua Pejabat itu pun hendak cuti juga. Akhirnya, bila pergi ke satu pejabat tak boleh kerja sebab ketuanya cuti, kadang-kadang cuti sehingga tak tahu hendak buat apa-apa, biarlah kalau hendak cuti pun ada jadual supaya jangan satu pejabat tak dapat jalankan tugas kerana pegawainya cuti. Cuti tak kita larang, Tuan Yang di-Pertua, kita tak boleh larang pegawai bercuti, kita manusia, kalau tak ada cuti, tak ada rehat, itu bukan manusia. Manusia sifat baru kena ada cuti tetapi ada jadual. Ada jadual susunan ketua cuti, timbalannya menggantikan, walaupun dia tidak ada penuh kuasa macam ketua tadi tetapi ada benda-benda dia boleh buat tetapi apabila kita pergi ke pejabat kerja tak boleh dibuat sebab ketuanya cuti, timbalannya cuti juga kerana tak ada kuasa dan sebagainya. Jadi saya berharaplah supaya segala rancangan kita akan berjalan licin, biarlah perincian atau peraturan itu dijalankan moga-moga, dengan terlaksananya rancangan-rancangan yang dibuat seperti Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat, saya berharap sangat dalam Rancangan Malaysia Keempat akan datang akan bertambah maju, akan bertambah tinggi ekonomi terutama kepada negeri yang

kurang maju dan kepada bangsa-bangsa yang kurang maju, bukanlah kerana kita secara perkauman tetapi adat seorang bapak yang adil, dia hendak tolong kepada anak yang letih, dia kena tolong banyak sedikit. Ini yang dikatakan bapak yang adil, bukan bapak adil kalau tengok anak kuat ditolong lagi, yang lekeh dia cengkam. Itu bapak yang tidak bertanggungjawab oleh sebab Kerajaan Barisan Nasional Malaysia adalah satu Kerajaan yang bertanggungjawab akan mengseimbangkan semua kaum oleh sebab hari ini bumiputera lemah kalau tolong bukan kerana pilih kasih kerana mengseimbangkan sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat yang betul-betul memilihnya.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sokong dan saya harap rancangan ini akan membawa banyak kebaikan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

5.17 ptg.

Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul untuk menerima Rancangan Malaysia Keempat, 1981—1985.

Rancangan Malaysia Keempat adalah satu garis dasar atau 'blueprint' untuk perkembangan sosio-ekonomi dan politik negara kita. Ianya membuat peruntukan untuk langkah-langkah atas mana dasar-dasar dan rancangan-rancangan nasional akan digubalkan dan ianya menerangkan bidang-bidang di dalam mana pembangunan akan dijalankan. Rancangan Malaysia Keempat adalah digubalkan berdasarkan kepada pengalaman rancangan-rancangan Malaysia yang lalu. Sebagai satu dokumen ianya menurunkan falsafah-falsafah dan aspirasi-aspirasi Kerajaan untuk mencapai keperluan-keperluan negara. Tidakkah perlu ditegaskan bahawa Rancangan Malaysia Keempat akan menjadi satu rangka bimbingan untuk menentukan kemajuan dan perkembangan di dalam negara. Rancangan Malaysia Keempat juga menerangkan keperluannya untuk menentukan bahawa hasil-hasil pembangunan bermanfaat kepada rakyat-rakyat dengan tidak mengira kaum dan bangsa. Dalam pendek kata ianya adalah satu

rancangan yang sempurna untuk semua rakyat-rakyat di dalam masyarakat kita yang berbilang kaum dan bangsa, baik di dalam atau di luar bandar. Manfaat ini adalah bagi semua kaum.

Rancangan Malaysia Keempat menandakan peringkat yang kedua pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru di dalam konteks rangka rancangan baru 20 tahun negara kami. Oleh yang demikian adalah mustahak bagi kita memahamkan, dengan rasional, asas yang digunakan di dalam penggubalan rancangan ini. Di sini suka saya menegaskan bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru melalui strategi dua hala untuk membasmi kemiskinan tidak mengira kaum dan untuk menyusun semula masyarakat yang perlu dicapai dalam konteks pembangunan yang dinamis, supaya pada akhirnya identifikasi kaum yang mempunyai kebolehan tidak akan berlaku. Kerajaan berhasrat untuk menentukan bahawa perkembangan yang dinamis ini dicapai supaya matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru boleh dicapai. Dalam hal yang demikian perlulah kami sentiasa menegaskan bahawa matlamat-matlamat hanya dapat dicapai melalui determinasi yang seimbang. Dekad yang baru telah menunjukkan bahawa dasar-dasar Kerajaan ke atas kedua-dua matlamat ini telah dicapai dengan sempurna. Perlu kita sentiasa ambil ingatan bahawa pencapaian matlamat-matlamat ini perlu berasas kepada perkembangan ekonomi negara yang berterusan. Rancangan Malaysia Keempat telah mengakui bahawa kadar perkembangan pembangunan ekonomi kebangsaan perlu dikekalkan pada taraf 8% supaya matlamat sosio-ekonomi yang utama dicapai. Adalah sangat mustahak bahawa kadar ini perlu dikekalkan. Kalau tidak adanya kadar perkembangan ini matlamat sosio-ekonomi negara kita sukar dicapai. Oleh yang demikian Kerajaan perlu menentukan bahawa kami akan terus mencapai kadar perkembangan dengan menerima langkah-langkah polisi yang flexible dan pragmatis supaya memperkukuhkan dan mempergiatkan perkembangan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang mesti diambil berat setiap masa, iaitu

mengujudkan peluang-peluang pekerjaan untuk berbagai kumpulan etnik di negara ini. Saya percaya pengagihan peluang-peluang pekerjaan mestilah adil dan saksama. Ini merupakan satu aspek penting di dalam Rancangan Malaysia Keempat, guna untuk memenuhi keseluruhan objektif negara ini.

Saya merujuk kepada sektor pertanian di kalangan masyarakat Cina. Dalam dekad 1970an, cuma 40,000 pekerjaan diwujudkan. Ini bermakna purata cuma 4,000 pekerjaan diwujudkan dalam setahun, dan bukan 10,900 pekerjaan dalam setahun seperti yang terdapat dalam Outline Perspective Plan.

Mengikut Rancangan Malaysia Keempat, dalam 5 tahun di antara 1980 hingga 1985, sebanyak 89,000 pekerjaan akan diwujudkan. Dengan itu, adalah mustahak Kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mencapai matlamat ini. Jika tidak, dengan bertambahnya penyertaan bumiputra dalam sektor ekonomi kedua dan ketiga, peluang penyertaan untuk kaum bukan bumiputra dalam sektor-sektor ini pasti akan bertambah kurang. Ini adalah satu aspek dasar negara yang amat penting untuk dipertimbangkan.

Kita semua memberi jaminan bahawa ianya akan menyokong kejayaan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Tujuan kami adalah ikhlas dan tidak patut diragukan. Kami tetap memberi sumbangan bagi maksud-maksud pembangunan negara dan pencapaian perpaduan negara. Perpaduan negara adalah berasaskan pada pendirian sebuah masyarakat yang adil dan saksama di mana hak-hak yang sah berbagai kaum adalah disamakan. Ini perlu dikekalkan. Rancangan Malaysia Keempat telah menegaskan dan pada halnya bahawa untuk mencapai perpaduan negara dalam proses pembangunan kami perlu membangun satu asas ekonomi yang akan memberi peluang-peluang yang viable dan seimbang kepada semua kaum-kaum. Adalah juga diakui bahawa proses penggubalan masyarakat Malaysia perlu dicapai di dalam konteks ekonomi yang berkembang supaya tiada sesuatu kaum yang akan mengalami kerugian ataupun berasa bahawa hak mereka dirampas. Ini adalah garis panduan yang

sentiasa kita patut mengikut dan mengingatkan diri.

Kita tidaklah harus berasa kekal dengan kejayaan yang telah dicapai di bawah Dasar Ekonomi Baru. Pada hal kita patut menerima dengan sikap yang luas dan meninjau masalah-masalah dan isu-isu tentang masyarakat yang berbilang kaum ini dengan lebih berbesar hati. Proses penggubalan masyarakat Malaysia sedang dijalankan. Kita masih dalam proses penggubalan peluang-peluang di dalam negara kita adalah banyak dan mencukupi kejayaan yang besar di mana kita telah menyaksikan perkembangan yang pesat. Pendapatan sedang meningkat dan peluang-peluang pekerjaan pun telah bertambah. Kualiti kehidupan rakyatnya pun telah diperbaiki dan kemiskinan telah menurun daripada 49% dalam tahun 1970 kepada 29% dalam tahun 1980. Pendek kata negara kita bersedia untuk mencapai kejayaan yang lebih besar lagi dalam masa Rancangan Malaysia Keempat. Oleh yang demikian, adalah perlu bagi rakyat-rakyat kami tidak mengira kaum untuk memberi sumbangan yang tidak berbelah bagi supaya mencapai matlamat-matlamat negara.

Kejayaan dan kegagalan Rancangan Malaysia Keempat adalah bergantung kepada sikap dan sumbangan rakyat-rakyat. Kita haruslah berusaha untuk mencantumkan rakyat-rakyat kita supaya bekerjasama untuk menentukan kejayaan-kejayaan dasar-dasar ekonomi. Rancangan Malaysia Keempat akan menandakan permulaan era perkembangan negara kita. Ini adalah satu era untuk memperkukuhkan dan mendirikan satu masyarakat yang saksama. Ini adalah paling mustahak bahawa kami mesti terus dalam usaha kami untuk memupuk sikap yang betul dalam rakyat-rakyat kami supaya memahami dengan sepenuh-penuhnya corak-corak dan sensitiviti-sensitiviti masyarakat yang berbilang kaum, dan mencari jalan untuk mengurangkan politik dalam proses pembangunan negara. Perpaduan negara adalah matlamat yang utama dalam rancangan lima tahun dan adalah sangat serius sebagai satu perkara untuk dipermainkan. Kita haruslah memupuk dan mencari segala usaha-usaha untuk mencapai kejayaan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Selama ini kita telah berjaya dalam usaha pembangunan. Rakyat-rakyat kami telah memberi sumbangan yang ikhlas untuk menentukan kejayaan ini. Marilah kita bersama-sama meneruskan usaha ini untuk menentukan bahawa kejayaan ini akan berterusan. Adalah harapan kami bahawa usaha-usaha kita ini tidak dikurangkan atau dielakkan kepada perkara-perkara yang boleh mengeneipkan matlamat-matlamat utamanya. Negara kami tidak ada tempat bagi mereka yang sentiasa membangkitkan isu-isu untuk kejayaan dan manfaat diri. Kerjasama adalah perlu untuk mencapai matlamat-matlamat sosio-ekonomi negara ini. Marilah kita bersama-sama menumpukan perhatian untuk memperkukuhkan kerjasama ini dan menentukan bahawa kejayaan Dasar Ekonomi Baru adalah didirikan ke atas sebuah masyarakat yang adil dan saksama yang akan dijadikan sebagai satu asas untuk mencapai perpaduan negara.

Akhir sekali saya suka menegaskan sekali lagi bahawa kita semua mesti menyokong dasar nasional ini dan meneruskan usaha-usaha kami supaya menentukan rancangan-rancangan yang telah digubalkan dalam rancangan ini akan dilaksanakan dengan secara adil supaya ianya akan membawa manfaat kepada rakyat-rakyat kami tidak mengira kaum.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

5.33 ptg.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun dalam majlis Dewan yang mulia ini untuk melafazkan sokongan penuh saya kepada usul yang telahpun dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 27hb Mac, 1981 berhubung dengan Rancangan Malaysia Yang Keempat.

Sesungguhnya seluruh rakyat haruslah bersyukur ke hadrat Ilahi oleh kerana dalam tempoh beberapa tahun yang lalu kita telah berjaya melaksanakan program Rancangan Malaysia Ketiga dan sudah pasti telah memberikan kemajuan serta nikmat kepada

segenap lapisan rakyat di negara ini tidak mengira apa keturunannya. Kejayaan ini perlu disambut dengan rasa tanggungjawab serta kesedaran yang lebih di atas hasrat kita untuk memenuhi expectation rakyat yang kian bertambah serta beban yang lebih berat yang mesti dipikul oleh kita semua sekiranya kita mahu melihat negara ini terus maju dan mara ke hadapan di dalam menuju matlamat kestabilan dan ketahanan rakyat serta perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru di dalam tempoh 10 tahun yang lalu dapat dirasai malahan dilihat jelas dengan meningkatnya penglibatan orang Melayu dan bumiputra lainnya di dalam semua bidang, dari hanya kira-kira 1.7% hakmilik saham umpamanya kepunyaan orang-orang Melayu dan bumiputra pada awal Dasar Ekonomi Baru itu dilancarkan kepada lebih daripada 12% pada akhir tahun 1980. Di samping itu juga kejayaan Dasar Ekonomi Baru bukan hanya telah dirasai oleh orang-orang Melayu dan bumiputra tetapi juga telah dapat dikecapi bersama oleh lain-lain keturunan rakyat negara ini.

Hakikat ini tidak boleh dan tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun hatta apa lagi oleh pihak Pembangkang khususnya DAP. Sekiranya ada orang yang boleh mengatakan ia hanya memberi keuntungan kepada orang Melayu atau bumiputra semata-mata maka bolehlah dikatakan orang yang sedemikian itu seperti kata pepatah Melayu: Celik tetapi tidak dapat melihat; ada telinga tetapi tidak dapat mendengar.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini masih ada lagi pihak yang meragukan tentang pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru itu di dalam tahun 1990. Saya ingin menegaskan bahawa sebenarnya sekiranya Dasar Ekonomi Baru itu gagal untuk memenuhi hasrat orang Melayu dan bumiputra lainnya, maka merekalah orang-orang yang bertanggungjawab kerana sudah pasti sifat kurang berkeyakinan, tamak haloba dan keterlaluan sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri inilah yang memberikan perangsang kepada mereka itu untuk

melakukan tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang akan menjejaskan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru itu.

Sebenarnya Dasar Ekonomi Baru tidak boleh gagal. Masakan sebuah Kerajaan seperti Kerajaan Barisan Nasional yang telahpun diberikan mandat sepenuhnya oleh rakyat untuk memikul amanah dan tanggungjawab melaksanakan janjinya boleh memungkiri janji, lebih-lebih lagi kerana ianya telahpun mendapat sokongan yang besar dari sebahagian besar rakyat di dalam negara ini. Yang menjadi kebimbangan kita, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang adanya golongan-golongan dan parti-parti politik khasnya Pembangkang yang cuba menyemarakkan beberapa isu untuk makanan dan tujuan politik mereka membangkitkan soal-soal secara langsung menyentuh kedudukan-kedudukan yang dianggap 'sacred' dan termaktub di dalam Perlembagaan negara.

Yang menjadi pilihan isu-isu itu ialah soal bahasa; soal Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi, soal hak dan keistimewaan orang-orang Melayu dan bumiputra; soal kedudukan agama Islam dan soal-soal pokok lain yang berkaitan. Sekiranya kita merenung kembali kepada sejarah negara sebelum dan sebaik-baik sahaja negara ini mencapai kemerdekaan, kita sudah pasti menyedari hakikat bahawa soal-soal pokok sebagaimana yang disebutkan di atas telahpun diterima oleh seluruh bangsa di negara ini kerana mereka menginsafi bahawa faktor-faktor yang tersebut itu adalah menjadi darah daging serta nadi kepada kekuatan dan kestabilan negara dan bangsa pada masa hadapan.

Soal bahasa, Tuan Yang di-Pertua, masih ada lagi kumpulan-kumpulan yang menyuarakan betapa harus dibiarkan sahaja supaya bahasa-bahasa lain dibenarkan berkembang tetapi di dalam suatu nada yang sama juga menyeru supaya ia diberikan tempat yang sama tarafnya dengan Bahasa Malaysia baik di bidang pelajaran, di bidang pentadbiran ataupun di bidang-bidang perdagangan dan perniagaan. Kita merasa sedih bahawa setelah lebih daripada 23 tahun

negara mencapai kemerdekaan masih terdapat suara-suara yang lantang tetapi sumbang yang mempersoalkan logiknya perkara-perkara yang telah diterima oleh rakyat dan dimaktubkan dalam Perlembagaan. Saya terasa kegelisahan dan kurang pengertian ini hanya terdapat di kalangan generasi muda dan juga di kalangan puak-puak pembangkang, terutama yang bukan Melayu dan bukan bumiputera yang masih belum dapat merasakan dan menyerapkan semangat kebangkitan dan semangat kebangsaan di dalam dada mereka.

Kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Petaling di dalam Dewan yang mulia ini beberapa hari yang lalu tentang saranannya untuk memperjuangkan hak yang sama kepada bahasa Cina dengan Bahasa Malaysia di papan-papan tanda adalah satu contoh yang amat memalukan kita. Demikian juga kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berbahagia Datuk Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka beberapa hari yang lalu yang menyatakan, adanya firma-firma tempatan yang menasihatkan beliau untuk jangan cuba mengganggu urusan mereka di dalam firma tersebut dan menumpukan kepada kerjanya sahaja, apabila beliau menasihatkan tentang ejaan yang patut digunakan secara sebetulnya kepada papan tanda di firma-firma mereka. Ini juga merupakan satu contoh yang tidak menghormati kedudukan Dewan Bahasa sebagai Dewan tertinggi untuk mengawal dan juga untuk mengembangkan penggunaan Bahasa Malaysia.

Fasal 152 Perlembagaan sudah meletakkan Bahasa Malaysia di tempatnya yang sepatut. Kita amat meragukan mengapakah soal-soal tentang perkara bahasa ini boleh diungkit-ungkitkan lagi, khas oleh pihak-pihak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam soal ini kita ingin menyeru supaya pihak Kerajaan bertindak lebih tegas dari segi melaksanakan dengan sepenuhnya hasrat apa yang telah termaktub di dalam Perlembagaan iaitu untuk mendaulatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan di segenap lapisan dan di segenap peringkat. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan pertamanya supaya satu

Akta yang telahpun diluluskan iaitu Akta Bahasa Kebangsaan itu dikaji semula dan disesuaikan untuk menentukan penggunaan dan kedaulatan Bahasa Kebangsaan itu dilaksanakan dan diletakkan di tempatnya yang sepatutnya. Satu peruntukan yang baru juga perlu diadakan di dalam Akta itu untuk memberikan kuasa yang lebih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk melaksanakan kehendak-kehendak dan maksud serta semangat pelaksanaan Bahasa Kebangsaan itu. Bahkan saya juga ingin mencadangkan supaya di dalam mana-mana aturan, perundangan sama ada undang-undang kecil dan sebagainya hendaklah dimasukkan tentang syarat penggunaan Bahasa Kebangsaan di semua peringkat di dalam semua segi pelaksanaan dan dalam semua tata urusan syarikat ataupun pihak-pihak pentadbiran yang berkenaan. Bahkan kita merasakan pada hari ini masih lagi terdapat sebilangan besar rakyat Malaysia yang menjadi warganegara tidak menggunakan sepenuhnya Bahasa Kebangsaan ini walau di dalam segi apa sekalipun. Saya percaya peringkat Dewan Bahasa dan Pustaka boleh mengambil tindakan bahkan Kerajaan sendiri boleh mengambil langkah untuk menubuhkan satu Jawatankuasa menyiasat tentang setakat mana dan sejauh mana pelaksanaan program meletakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan itu telahpun dapat dicapai dengan sebaik-baiknya. Bahkan jika dianggap perlu maka kempen penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagaimana yang pernah dilancarkan pada masa-masa yang lalu hendaklah dan patutlah dilancarkan sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, soal perpaduan adalah perkara pokok di dalam segala langkah dan tindakan yang dilakukan oleh kita. Kalau kenyataan-kenyataan yang sumbang seperti yang saya telah sebutkan pada awal ucapan saya tadi dapat dikira sebagai membukti keraguan kita di atas ketaatsetiaan mereka yang berkenaan itu maka apakah ini juga boleh dijadikan ukuran kejayaan kita memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat.

Demikian juga tentang perhatian serius yang diberikan oleh parti-parti Pembangkang mengenai soal-soal pelajaran tinggi dan soal

pendidikan dan perkara-perkara yang berkaitan. Apakah ini membuktikan bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan itu masih belum difahami oleh rakyat atau ia hanya sebagai satu manifestasi sebuah parti politik seperti Pembangkang itu sudah tidak mempunyai modal yang hanya bermaksud untuk menimbulkan keraguan pada diri rakyat di dalam negara ini. Yang pasti ialah isu-isu sensitif seperti itu selalu menjadi bahan rujukan oleh parti politik seperti DAP yang bertujuan tidak lain selain daripada menyemarakkan rasa perkauman di negara ini. Trend yang amat membahayakan ini harus dihentikan dan sekiranya tercetus apa-apa peristiwa yang akan menimpa negara maka parti-parti seperti DAPlah yang akan bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, soal hak-hak dan keistimewaan orang Melayu juga adalah satu perkara yang telahpun dimaktubkan dalam Perlembagaan. Dasar Ekonomi Baru itu adalah perlanjutan dari semangat Fasal 153 dalam Perlembagaan. Kita masih hairan mengapa masih ada lagi mereka yang mempersoalkan malahan ada pihak yang merasakan bahawa segala usaha ke arah memenuhi hasrat perkara 153 di dalam Perlembagaan itu adalah merupakan satu perkara perkauman dan menidakkan pula peluang untuk hidup bagi kaum-kaum lain di negara ini. Ini jelas dapat kita lihat dari apa yang telahpun disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bruas semalam dan juga pada petang ini. Yang anihnya mereka itulah juga yang mendapat setinggi-tinggi faedah dari Dasar yang ada itu, seolah-olah ia lupa kepada apa yang kerap disarankannya. Oleh yang demikian, amatlah penting bagi kita menekankan bahawa generasi muda amat awal mengenali sejarah negara ini supaya ia dapat menyerapkan ke dada masing-masing apa yang dirasakan oleh mereka yang lebih awal di dalam membentuk sebuah negara seperti Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, strategi pembasmian kemiskinan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini daripada 49% di dalam tahun 1970 kepada 29% pada akhir tahun 1980. Ini adalah satu manifestasi kejayaan program-program yang telah

disusun dan dijalankan yang meliputi usaha-usaha meningkatkan pendapatan daya pengeluaran serta peluang-peluang pekerjaan baru di sektor bandar dan luar bandar. Namun begitu, di sektor pertanian kadar kemiskinan masih lagi tinggi terutama di bidang tanaman getah, padi dan di kalangan nelayan-nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpukan perbincangan saya selanjutnya kepada strategi dan program-program pembasmian kemiskinan di sektor luar bandar terutama yang mengenai rancangan-rancangan pembangunan pertanian. Sebenarnya saya tidak dapat melihat perbezaan di dalam program dan strategi pertanian kita yang boleh dianggap sebagai satu dasar Pertanian Negara yang baru sebagaimana yang pernah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian. Walaupun di dalam rancangan jangka panjang negara pada masa-masa yang lalu ada memberi penekanan kepada sektor pertanian yang pesat di dalam Rancangan Malaysia Keempat, sektor pertanian akan kurang dititikberatkan sebagai satu sumber utama yang memberi sumbangan kepada keluaran dalam negara kasar. Namun begitu saya percaya program-program untuk penglibatan kaum tani dalam usaha mengatasi kemiskinan akan diteruskan dengan berbagai-bagai konsep seperti rancangan pertanian yang disepadukan, tanaman semula, bantuan-bantuan perkhidmatan, kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan tanaman semula getah di bawah RISDA mengikut laporan Rancangan Malaysia Keempat kurang mendapat sambutan di kalangan pekebun-pekebun kecil getah. Soalnya bagaimanakah kita dapat meningkatkan pendapatan petani-petani di sektor tanaman getah ini sekiranya di dalam usaha-usaha penanaman semula ini bilangan yang boleh ditanam semula berkurangan daripada jumlah 37,000 hektar setahun dalam tahun 1976/80 kepada hanya 21,000 hektar setahun sahaja di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini. Kajian menyeluruh hendaklah dijalankan untuk mengenali sebab-sebab mengapa maka usaha tanaman semula getah

kurang mendapat sambutan. Soal penjelasan pendapatan adalah salah satu faktor yang patut diteliti dari semua segi. Yang pasti adalah rancangan tanaman semula masih belum difahami benar-benar oleh pihak pekebun kecil getah ataupun disebabkan pengalaman pahit yang lalu dari segi bantuan dan pentadbiran subsidi maka kaum petani kluatir bahawa rancangan mereka akan dapat dijayakan. Demikian juga jaminan pendapatan minima semasa tanaman semula itu belum dapat menyakinkan pekebun-pekebun kecil tentang kebaikan tanaman semula. Faktor-faktor sosio-ekonomi yang lain juga perlu dikesan, termasuk rancangan-rancangan di bawah (on the ground) yang di lakukan oleh pegawai-pegawai, sama ada difahami ataupun tidak oleh pihak pekebun kecil.

Rancangan pemberian subsidi perlu juga dikaji. Walaupun pihak Kementerian telahpun mengumumkan bahawa bantuan subsidi ini telahpun ditambahkan daripada setahun ke setahun, umpamanya, dalam tahun 1978 pemberian subsidi bagi tanah yang kurang daripada 4.1 hektar telahpun dinaikkan daripada \$2,223 sehektar ditambah kepada \$2,964 dalam tahun 1979/80, tetapi soalnya mengapa kawasan-kawasan yang ditanam semula itu masih berkurangan walaupun bantuan subsidi makin bertambah. Yang sudah pasti adalah rancangan bantuan subsidi tidak memberi kesan kepada pertumbuhan kawasan tanaman semula bahkan ia telahpun mengurangkan jumlah itu sebagaimana yang saya telahpun sebutkan tadi. Oleh yang demikian, ia tidak dapat memberikan pertolongan kepada sebahagian besar rakyat petani seperti pekebun-pekebun kecil di luar bandar ini untuk menambah pendapatan serta menikmati pemberian subsidi yang tersebut itu.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan, pertamanya supaya pemberian dan skim subsidi bagi bantuan tanaman semula ini hendaklah dikaji semula cara pemberian dan formula yang patut digunakan dan hendaklah memasukkan di dalamnya satu ciri-ciri galakan (incentive) Contohnya, bayaran subsidi diberi mengikut skel yang meningkat (sliding scale) mengikut keluasan tanah yang telahpun ditanam. Kalau

mengikuti skim yang ada sekarang ini pihak pekebun kecil diberikan satu bayaran subsidi yang tetap sahaja walaupun jumlah kawasan yang ditanam semula bertambah daripada satu ekar ke dua ekar sehingga ke empat ekar dan sebagainya. Oleh yang demikian, saya mencadangkan skim sliding scale ini diadakan, umpamanya, mulai dari kadar \$2,500 seekar yang pertama dinaikkan kepada \$2,800 seekar kepada ekar kedua, \$3,100 ataupun lebih daripada itu bagi ekar yang ketiga dan seterusnya. Ini bermakna bahawa semakin luas kawasan yang ditanam semula semakin besarlah bantuan subsidi yang akan dibayar kepada pekebun-pekebun kecil.

Selain daripada itu, saya ingin mencadangkan supaya pihak RISDA mengadakan kempen yang intensif bagi menggalakkan tanaman semula itu bersamaan dengan skim subsidi baru sebagaimana yang saya cadangkan ini. Pemberian kredit juga untuk tanaman selingan perlulah ditambah, demikian juga nasihat-nasihat dan usaha-usaha hendaklah digiatkan lagi oleh pihak RISDA bagi menebus kembali tanah-tanah orang-orang yang tergadai oleh tuannya-tuannya kebun getah tersebut dengan menawarkan bantuan kredit yang selanjutnya. Mengikuti Buku Rancangan Malaysia Keempat ini sejumlah \$13.2 juta telahpun dibelanjakan semenjak tahun 1979 dan ini adalah satu peruntukan yang amat kecil dan saya ingin mencadangkan supaya bantuan kredit pertanian sebagaimana yang telahpun saya sebutkan tadi perlu dilipatgandakan peruntukannya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita menyambut rancangan Kerajaan untuk memperkenalkan sistem hakmilik secara perkongsian di skim-skim pembangunan tanah untuk masa hadapan. Di bawah skim baru ini peneroka-peneroka akan diberikan hakmilik perseorangan bagi tapak-tapak rumah mereka dan menerima upah bagi kerja-kerja yang dibuat serta sebahagian daripada keuntungan ladang-ladang yang diusahakan. Namun begitu, adalah amat perlu peraturan-peraturan ketat hendaklah dikenakan supaya tidak membolehkan mana-mana tuannya hakmilik pekebun-pekebun tersebut mencagar atau menggunakan

hakmilik tersebut dan menggadaikan tanahnya itu kerana sekiranya ini berlaku maka matlamat asal rancangan skim ini dijalankan pasti gagal.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh beberapa perkara lain, khasnya di dalam perkara melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat ini. Sebagaimana yang telahpun diumumkan oleh Kerajaan bahawa Jawatankuasa Kabinet telahpun menerima 91 cadangan bagi mempercepatkan proses pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat ini. Sebagaimana yang kita ketahui dan sebagaimana yang kita alami pada masa-masa yang lalu banyak timbul kelewatan atau kelambatan di dalam soal pelaksanaan rancangan-rancangan ini yang kerap dibangkitkan, sama ada di peringkat Jawatankuasa Tindakan Daerah, di peringkat Negeri mahupun di Dewan yang mulia ini. Di dalam hal ini saya ingin memberikan cadangan sekiranya ini tidak dimasukkan di dalam syor itu supaya pentadbir di peringkat-peringkat bawahan (grass-root) di daerah perlu disusun semula. Ini amat perlu sekali kerana mengikut tinjauan mata kasar kita pentadbiran Jabatan-jabatan di peringkat daerah tidak mempunyai keupayaan untuk dapat menerima segala rancangan-rancangan yang telahpun diserahkan kepada mereka. Selain daripada itu, mengikut skim ataupun peraturan-peraturan yang ada sekarang ini terlalu banyak sangat red tape ataupun perkara-perkara yang melengahkan untuk membuat sesuatu keputusan.

Saya amat sukacita tentang adanya pengakuan yang mengatakan bahawa saluran saluran bagi membuat keputusan itu telahpun dikurangkan. Ini amat perlu sekali kerana jumlah \$42 billion yang akan dibelanjakan di dalam Rancangan Malaysia Keempat itu bukanlah satu peruntukan yang kecil tetapi satu peruntukan yang paling besar dan memerlukan penyusunan semula (overhaul) segala bentuk pentadbiran yang patut diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan rancangan-rancangan tersebut.

Perkara kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang perhatian yang patut diberikan oleh

Kerajaan dari segi kemudahan-kemudahan yang patut disediakan bagi peniaga-peniaga kecil bumiputra dan lainnya. Dalam masalah ini kita mengetahui banyak masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil ini. Pertamanya, dari segi kemudahan-kemudahan mereka untuk berniaga, dari segi kemudahan-kemudahan mereka untuk mendapat lesen dan tempat perniagaan, kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan bantuan kewangan, kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan bantuan latihan kemahiran dan berbagai-bagai masalah yang lain.

Oleh yang demikian, saya amat berharap dan ingin mencadangkan bahawa di dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian suatu jabatan untuk mengurus menyelaraskan kepentingan peniaga kecil ini perlulah ditubuhkan. Selain daripada itu, kita mengetahui ada agensi-agensi Kerajaan yang telah dibentuk dan diberi tanggungjawab untuk membantu peniaga-peniaga bumiputera dan lainnya. Dan saya ingin menyarankan supaya Bank Pembangunan Malaysia Berhad menyusun semula bahagian dan mengadakan satu bahagian khas untuk memberikan kemudahan pinjaman-pinjaman tertentu kepada peniaga-peniaga kecil terutama di kalangan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan-pandangan saya berhubung dengan Rancangan Malaysia Keempat ini dan kita yakin dengan adanya penyusunan semula Jawatankuasa Perlaksanaan yang telahpun dipersetujui oleh Kerajaan dan juga dengan tekad serta azam kita untuk melaksanakan terus rancangan-rancangan yang akan bertanggungjawab kepada kita maka Rancangan Malaysia Keempat ini pasti akan mendapat kejayaan dengan sepenuhnya. Dan kita mendoakan semoga dalam tahun 1985 apabila Rancangan Malaysia Kelima akan di bentangkan pula kita akan melihat bahawa matlamat Dasar Ekonomi Baru itu telah dapat dicapai tiga suku ataupun lebih daripada matlamat yang telahpun ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong di atas Rancangan Malaysia Keempat ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.02 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT 1981—1985

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ayer hitam.

6.03 ptg.

Dato Dr. Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong sepenuhnya usul Rancangan Malaysia Keempat yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita beberapa hari dahulu.

Tuan Speaker, kita tahu kemiskinan adalah satu masalah hardcore yang mana di bawah Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga telah menjadi satu masalah yang kita nampaknya amatlah susah untuk kita mengatasinya. Dan saya percaya di bawah Rancangan Malaysia Keempat ini kita masih atau akan menghadapi masalah kemiskinan yang sama. Walaupun kadar kemiskinan telah jatuh daripada 49% pada tahun 1970 ke

16% pada akhir tahun 1980 tetapi kita tidak akan lupa bahawa pada akhir tempoh Dasar Ekonomi Baru kita masih ada dua atau tiga juta orang miskin dalam negara kita. Bahawa dengan pertambahan penduduk pada akhir tempoh Dasar Ekonomi Baru mungkin di negara kita ada tidak kurang daripada 20 juta penduduk dan 19% itu adalah satu jumlah yang besar iaitu dua atau tiga juta penduduk miskin pada masa itu.

Saya ingin mengucap setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan yang telah mengambil langkah yang positif yang telah ambil inisiatif yang ikhlas untuk mengatasi masalah kemiskinan dalam negara kita iaitu untuk meningkatkan kehidupan rakyat yang kurang bernasib baik itu. Salah satu target areas ialah pekebun kecil dalam negara kita.

Yang Berhormat rakan saya daripada Johor telah menyebut atas perkara ini dan saya menyokong sepenuhnya cadangan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Apa yang saya ingin menambah di sini ialah satu cadangan yang saya fikir akan membawa faedah kepada pekebun-pekebun kecil ini.

Yang sebenarnya, Tuan Speaker, dalam classification pekebun-pekebun kecil saya fikir adalah kurang wajar kerana seorang yang ada 50 atau 80 ekar dia pun dikira seorang pekebun kecil. Manakala orang yang ada 3—5 ekar dia pun dianggap pekebun kecil. Dan rancangan-rancangan untuk memberi pertolongan kepada pekebun-pekebun kecil tidak kira dia ada 30 ekar atau 20 ekar atau dia hanya ada empat ekar atau tiga ekar sahaja. Oleh itu saya fikir lebih adil dan lebih saksama kita sifatkan seseorang yang ada 5 ekar atau kurang daripada itu sebagai pekebun mini. Ini adalah bagi satu gambaran yang mana perbezaan itu adalah besar sangat. Seorang yang ada 3 ekar yang dapat bantuan daripada Skim Tanaman Semula hanya mendapat \$6,600 sahaja. Tetapi seorang yang ada 30,000 kita kira berapa ratus ribu dia dapat. Oleh kerana itu saya fikir adalah adil seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor yang mana kita patut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pagoh.

Dato Dr Hee Tien Lai: Dari Pagoh, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Wakil dari Johor tidak ada.

Dato Dr Hee Tien Lai: Patutlah kita mengkaji semula skim subsidi. Dari situ saya ingin mencadangkan bahawa kita beri cash rebate kepada semua pekebun-pekebun mini iaitu di bawah acreage 5 ekar ke bawah.

Di sini saya ingin membaca para 750 dalam Buku Rancangan Malaysia Keempat yang mana katanya:

“Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, selaras dengan dasar pengeluaran dinamis bagi getah asli, pengeluaran getah asli negara akan ditingkatkan di samping menanam semula getah bagi pekebun-pekebun kecil yang luasnya 4:1 hektar dan ke bawah akan digalakkan. Pekebun-pekebun kecil yang mempunyai kawasan seluas 2 hektar dan kurang akan diberi perhatian yang pertama.”

Tuan Speaker, kita tahu pada masa sekarang pada setiap tahun beberapa kilo getah yang dijual oleh seorang pekebun kecil terpaksa membayar cukai kepada Kerajaan. Daripada figure yang akhir ini untuk replanting cess tanaman semula sebanyak 9.9 sen sekilo untuk cess research iaitu sebanyak 20.2 sen sekilo. Dan juga untuk export duty, itu agak-agaknya sebanyak 24% daripada harga F.O.B. Saya ingin memberitahu contoh, Tuan Speaker, yang mana dengan harga F.O.B. atau pasaran antarabangsa seperti \$2.50 sen sekilo iaitu terpaksa bayar export duty 59.2 sen dari satu kilo. Dan untuk cess duty seperti yang saya sebutkan tadi, jumlahnya 71.75 sen. Bermakna daripada jumlah harga antarabangsa atau F.O.B. \$2.50 sen seorang pekebun kecil yang menjual getah itu hanya mendapat \$1.78 sen sahaja. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan kita ialah untuk membantu dengan secara ikhlas kepada orang-orang miskin, saya mencadangkan bahawa wang cukai ini semuanya dikembalikan secara cash rebate kepada pekebun-pekebun kecil khasnya orang-orang yang mempunyai tanah yang tidak lebih daripada 8 ekar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap untuk melaksanakan skim-skim subsidi kepada pekebun-pekebun kecil, saya mengharapkan khasnya kepada pegawai RISDA janganlah lupa bahawa selain daripada orang bumiputra juga sebahagian besar daripada orang miskin itu terdiri dari orang bukan bumiputra yang miskin iaitu daripada pekebun-pekebun kecil.

Saya ingin memberikan satu contoh di mana terdapat di negeri Johor iaitu negeri saya sendiri sejumlah pekebun-pekebun kecil yang agaknya 50% itu adalah datangnya daripada orang-orang yang bukan bumiputra. Saya tahu juga segala skim subsidi kepada pekebun-pekebun kecil sampai hari ini satu sen pun tidak sampai kepada orang-orang yang bukan bumiputra. Saya tahu seperti biasiswa kepada anak-anak pekebun kecil juga bantuan alat-alat seperti spray pump, grass cutter dan sebagainya satu pun tidak sampai kepada orang-orang yang bukan bumiputra. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir untuk mengatasi masalah kemiskinan ini kita jangan lupa juga orang yang bukan bumiputra yang menghadapi kemiskinan seperti yang disebutkan dalam buku yang setebal ini iaitu buku Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir pegawai-pegawai Kerajaan kita mungkin mereka over-zealous, excited sangat untuk menolong orang-orang bumiputra. Ini memang betul tetapi orang-orang ignorant, orang-orang innocent, orang yang bukan bumiputra kerana mereka tidak tahu apa-apa, good things they are entitled to — apa-apa faedah atau apa-apa yang baik mereka patut diberikan. Saya merayu kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan silalah menolong mereka supaya mereka pun dapat faedah kerana dasar Kerajaan kita ialah ingin menolong semua lapisan masyarakat tidak kira kaum mengambil bahagian dalam pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak melupakan kumpulan orang-orang miskin di kawasan bandar. Di sini juga saya ingin mencadangkan satu faedah diberi kepada shop-assistants—pekerja-pekerja am di bandar. Kerana pada masa sekarang, kita boleh membelanya sebab Kerajaan kita telah

beri banyak layanan yang baik kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan tetapi saya fikir kebanyakan pekerja-pekerja swasta seperti yang berpendapatan rendah tidak menikmati layanan seperti yang tersebut tadi. Oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan di sini bahawa pihak Lembaga Kumpulanwang Simpanan Pekerja (EPF) boleh menimbangkan cadangan saya, bahawa kepada mereka yang mendapat gaji kurang daripada \$300 sebulan dapat diberikan interest—bunga sebanyak 12% dan kepada mereka yang mendapat gaji di antara \$300 ke \$600 diberikan interest 10% dan bagi mereka yang dapat gaji lebih daripada \$600 itu diberikan peratus seperti yang ada sekarang iaitu 7¼ peratus. Saya fikir kalau bank perdagangan boleh memberi interest sebanyak 12%, saya tidak faham apa sebabnya Kerajaan kita tidak boleh memberi interest setinggi 12% kepada kumpulan orang-orang yang miskin itu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin memberi dua contoh yang mana dalam pelaksanaan dasar Kerajaan kita, kita menemui kelemahan. Yang pertama di bawah Kementerian Kesihatan khasnya pada peringkat daerah. Beberapa tahun dahulu Kerajaan telah membuat satu rancangan untuk memberi culvert concrete kepada orang-orang kampung untuk membina bilik air bagi meninggikan taraf kesihatan luar bandar. Memangnya ini satu projek yang baik tetapi malangnya saya nampak kebanyakan daripada culvert-culvert yang saya sebutkan tadi pada hari ini pun masih lagi terletak di tepi jalan sahaja. Saya tidak tahu di mana kesalahannya, adakah Kementerian yang berkenaan tidak memberi penjelasan yang jelas kepada mereka macam mana hendak membina tandas air yang baru atau mereka tidak mencukupi wang ataupun pihak penerima itu ignorant—tidak tahu culvert itu untuk apa, adakah untuk tanaman kelapa atau untuk tandas.

Lagi satu contoh iaitu mengenai Kementerian Pertanian yang mana pihak Kementerian ada memberi jasa baiknya untuk memberi pertolongan kepada nelayan-nelayan yang miskin iaitu telah memberikan tangki air supaya mereka itu boleh menyimpan ikan yang mereka tangkap di tengah laut sementara menunggu balik ke

darat, ini adalah satu projek yang baik. Tetapi malangnya, saya tahu ada beberapa tempat di mana pihak pegawai Kerajaan tidak mengkaji betul-betul berapa besarkah bot atau perahu nelayan itu kerana tangki yang telah diberikan kepada nelayan itu adalah sangat besar—tidak boleh dimasukkan ke dalam bot-bot tersebut. Oleh kerana itu kebanyakan tangki air ini telah disimpan di rumah sahaja untuk menyimpan air sahaja. Ini memang membazir wang orang ramai.

Perkara yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai pelajaran dalam negara kita.

Pada perkataan permulaan ini di paragraph 969 mengenai dasar dan program untuk pelajaran dan latihan akan terus dipergiatkan ke arah memupuk perpaduan negara dan meningkatkan penyertaan semua rakyat Malaysia dalam pembangunan negara.

Tuan Speaker, ini harapan saya dan saya percaya juga adalah harapan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Tetapi menurut satu kajian akademik yang dibuat oleh seorang profesor tempatan daripada sebuah universiti kita yang mana saya percaya dan saya bimbang kalau polisi the finer aspects of our educational policy; aspek policy; aspek yang lebih halus tidak dikaji, saya bimbang kita tidak akan mencapai matlamat-matlamat yang saya bacakan tadi oleh kerana daripada kajian yang dibuat ini kita tahu adalah satu tempat yang salah yang mana kita melaksanakan dasar pelajaran kita.

Pada masa sekarang bukan masalah membekalkan pelajaran yang dipentingkan. Kita ada banyak sekolah, banyak universiti, banyak guru-guru yang terlatih dan sebagainya tetapi dari segi mutu pelajaran untuk memberi satu kesedaran (awareness) terhadap national identity kepada murid-murid kita di sekolah-sekolah.

Tuan Speaker, saya ingin memberi butir-butir daripada kajian itu yang mana kebanyakan questionnaire telah diberikan kepada sejumlah 809 murid-murid dari 12 buah Sekolah Kebangsaan dalam Semenanjung Malaysia. Enam buah daripada kawasan bandar, enam buah lagi daripada kawasan luar bandar dan mengikut pepечan kaum 50% daripadanya orang Melayu, 39% orang Cina, 9.3% orang India dan lain-lain 0.7% sahaja. Daripada kajian

itu, daripada jawapan-jawapan yang diberikan kepada questionnaire itu adalah mendatangkan keputusan yang saya ingin membayangkan di sini.

Yang pertama, majoriti murid-murid (students) yang berkenaan yang mengambil bahagian dalam questionnaire itu kurang mengetahui negara mereka sendiri, know very little about their own country; walaupun setiap hari Isnin tiap-tiap minggu bendera negara kita naik satu kali, di semua muka-muka buku latihan ada Rukunegara kita dan sebagainya, mereka masih kurang mengetahui negara mereka sendiri.

Yang kedua, mereka tidak ada satu perasaan tugas (sense of duty) kepada negara mereka sendiri.

Yang ketiga, tidak banyak daripada mereka sedia untuk mempertahankan negara sendiri (not really prepared to defend their own country), walaupun mereka fikir pada masa negara kita diserang oleh musuh kita tidak patut menyerahkan diri; bermakna kebanyakan murid-murid ini fikir tugas mempertahankan negara kita adalah patut atau eloklah ditanggungjawabkan kepada orang lain. Juga kumpulan kaum mengenalkan mereka (identify themselves) kepada kumpulan mereka dan bukan kepada negara kita pada keseluruhannya.

Tuan speaker, selepas saya mengkaji laporan itu saya berasa sedih kerana negara kita telah bertahun-tahun mencapai kemerdekaan, banyak wang dan usaha telah ditanam untuk memberikan satu sistem pelajaran yang baik dengan mutu pelajaran yang sesuai dengan negara kita tetapi malangnya pada hari ini setelah melalui setengah tempoh Dasar Ekonomi Baru kita masih menghadapi kebanyakan murid-murid kita yang tidak tahu yang sebenarnya mengenai negara kita, apa yang sebenarnya that is made up of this country.

Saya tahu juga pada Hari Kebangsaan, satu hari yang kita semua merayakan, satu hari yang tidak berpolitik, yang memotong seterusnya (that cuts through) perkauman tetapi malangnya kebanyakan murid-murid tidak bangga merayakan Hari Kebangsaan itu. Ini adalah satu kajian saya sendiri kerana saya selalu terlibat dalam aktiviti-aktiviti sekolah, jadi saya mengambil peluang untuk

membuat sedikit kajian yang mana saya sudah tahu sebahagian besar orang Melayu, orang Cina dan orang India tidak bangga merayakan Hari Kebangsaan kita.

Tuan Speaker, saya fikir, khasnya pihak peringkat daerah kita patutlah mengambil tindakan (interest) yang lebih positif untuk include atau memberikan perasaan kepada negara kita sendiri.

Saya tahu pada hari perayaan Hari Kebangsaan peringkat daerah, misalnya di Batu Pahat nampaknya sambutan yang diberikan agak dingin, orang ramai daripada daerah, pemimpin politik dan sebagainya dijemput ke rumah D.O. untuk minum teh, mendengar satu dua nyanyian yang kira-kira 10 minit sahaja, ucapan pun tidak ada, good-bye. Saya fikir manalah ada semangat, satu hari yang besar itu kita merayakan dengan 10 minit sahaja. Saya tidak faham, Tuan Speaker, ke mana semangat kita sudah lari.

Saya ingat semasa saya masih kecil, semasa pemerintahan orang putih yang mana pada hari Queen's Coronation, rakyat kita merayakan dengan penuh semangat, dengan cemerlang tetapi sekarang nampaknya semangat pun sudah jatuh dan dari segi sukan juga nampaknya semangat-semangat di sekolah semuanya sudah hilang.

Beberapa tempat saya telah dijemput pergi meresmikan pembukaan sukan nampaknya tent pun tidak ada, bendera pun tidak ada, sambutan dingin sahaja, gelap, di mana semangat? Saya fikir sekolah ialah tempat kita pump semangat kepada murid-murid kita kerana mereka pada masa yang akan datang akan menjadi pemimpin-pemimpin negara kita. Kita tidak ingin melihat pemimpin-pemimpin kita adalah orang-orang yang bersemangat sejuk.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

6.28 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, pelancaran Rancangan Malaysia Keempat yang meliputi strategi-strategi dan program-program pembangunan yang dirancangan adalah satu-satu harapan untuk dapat kita menuju ke arah pencapaian Dasar

Ekonomi Baru Kerajaan. Bila memperkatakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan tidak perlu lagi dihuraikan kerana konsep, tujuan dan matlamatnya adalah sentiasa kita semua maklumi. Jadi, dengan perkembangan di dalam negara kita di bidang ekonomi, sosial, keselamatan dan pembangunan-pembangunan adalah meletakkan satu beban yang semakin berat terhadap Kerajaan dan juga negara. Kemampuan Kerajaan dalam merancang strategi-strategi dan peruntukan-peruntukan yang berlipat ganda adalah juga menunjukkan bahawa hasrat dan tanggungjawab Kerajaan sepenuhnya kepada rakyat dan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum bahawa pencapaian kejayaan kepada matlamat sesuatu yang dirancangan adalah mesti menerusi tiga peringkat. Yang pertama, peringkat yang membuat polisi ataupun yang membuat dasar. Yang kedua, peringkat pelaksanaan dan yang ketiga, peringkat penerimaan.

Peringkat yang membuat polisi dan dasar ialah peringkat Kerajaan dan Kabinet yang ada sekarang ini dan juga peringkat yang melaksanakan ialah agensi-agensi kerajaan, jabatan-jabatan kerajaan dan pegawai birokrat kerajaan dan peringkat penerimaannya ialah peringkat rakyat jelata yang ada di dalam negara kita. Di sinilah persoalannya yang timbul, iaitu apakah harapan kejayaan itu dapat dicapai sepenuhnya setelah perancangan serta program dan polisi serta strategi dibuat dan datang kepada peringkat pelaksanaannya nanti apakah pelaksanaannya itu akan dapat dijalankan dengan sepenuhnya. Dan sesudah itu apakah pula peringkat penerimaan iaitu peringkat rakyat jelata akan dapat menikmati dan menerima sebaiknya perancangan dan program yang dilaksanakan.

Apa yang menjadi harapan kepada perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya matlamat dan tujuan pelaksanaan itu dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dan pencapaiannya juga akan dapat memberi sepenuh-penuh manfaat, tetapi yang menjadi keraguan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah misalnya saya berikan contoh kepada negeri Kedah. Negeri Kedah di dalam Rancangan

Malaysia Ketiga, polisi dan perancangan yang dibuat di dalam Rancangan Malaysia Ketiga telah meletakkan sebanyak \$1,284 juta peruntukan bagi dilaksanakan, daripada \$1,284 juta itu semua projek yang terlaksana hanya 58% sahaja dalam jangka masa lima tahun. Jadi di sini menunjukkan bahawa pencapaian pelaksanaan adalah masih lembab dan masih belum dapat dibanggakan. Dan apa lagi di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini peruntukan ditambahkan menjadi \$2,383 juta. Bagaimanakah pula pelaksanaannya nanti?

Kemungkinan bila mempersoalkan dan memperkatakan masalah begini apa yang timbul ialah kononnya pegawai-pegawai dan kakitangan pelaksanaan tidak mencukupi dan kedapatan juga kekurangan pegawai-pegawai mahir dan pegawai-pegawai yang akan dapat menumpukan sepenuh masa bagi melaksanakan perancangan-perancangan yang telah dirancangan. Dengan demikian juga kemungkinannya terdapat beberapa kelemahan ataupun masalah-masalah kemudahan yang tidak dapat dicapai kepada usaha-usaha pelaksanaan untuk kepesatannya. Jadi dengan ini bererti ianya merupakan sebagai masalah yang perlu diselesaikan dan bukan merupakan hanya satu pengetahuan yang dipendamkan tanpa mengambil satu inisiatif bagi menyelesaikan masalah-masalah itu. Kalau sekiranya tidak dapat dicapai tujuan dan matlamatnya bererti tidak akan memberi apa-apa pengertian langsung kepada Rancangan Malaysia Keempat seperti yang diharapkan. Oleh yang demikian, sukalah saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan dan pihak-pihak yang berkenaan semoga dengan wujudnya perancangan-perancangan dan peruntukan yang begitu besar di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini, tenaga pelaksana perlulah dikaji dan ditambah serta diubahsuai mana-mana yang perlu semoga dengan itu akan dapat memberikan satu formula baru kepada kesan pelaksanaan perancangan yang telah dirancangan. Kemungkinan banyak kekurangan tenaga mahir bererti Kerajaan perlulah merancang satu usaha yang betul-betul akan dapat menyelesaikan masalah itu tetapi kalau hanya dipandang begitu sahaja ianya tidak akan mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kemungkinan dengan adanya formula baru yang dirancangan oleh pihak Kerajaan termasuklah kuasa-kuasa yang ditambah kepada agensi-agensi tertentu ataupun jabatan-jabatan yang tertentu dalam melaksanakan sesuatu perancangan ataupun projek yang tertentu, saya bimbang kalau sekiranya kuasa-kuasa yang diberi itu pula tidak diikuti dengan rasa tanggungjawab ataupun dikawal dengan sebaik-baiknya, kemungkinan kuasa-kuasa itu juga akan berlaku penyelewengan yang akan merosakkan lebih banyak lagi usaha-usaha kepada pencapaian matlamatnya. Oleh itu, perlulah hal ini diberi perhatian sebaik-baiknya semoga harapan kita tidak tinggal harapan tetapi kita akan dapat mencapai kejayaan dan matlamatnya.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, dalam peningkatan usaha-usaha di peringkat penerimaan, kalau sekiranya terdapat peringkat yang membuat polisi dan dasar yang begitu baik dan pelaksanaan dasar juga berjalan dengan sempurna, kalau sekiranya di peringkat penerimaan itu tidak dapat diselaraskan kepada mencapai segala usaha-usaha yang dirancang dan dilaksanakan itu maka ianya juga akan tidak memberi apa-apa kesan. Oleh itu, di peringkat penerimaan itu perlulah diwujudkan usaha-usaha perkembangan, terutama sekali perkembangan perubahan sikap dan perkembangan pemikiran rakyat seluruhnya, terutama sekali rakyat desa yang kurang kemahiran dan kurang pengalaman. Itu sahaja satu harapan kita di mana dengan adanya perkembangan yang seumpama ini akan dapat tercapainya pembangunan-pembangunan yang kita rancangan kerana tanpa perkembangan tidak akan dapat melaksanakan pembangunan-pembangunan yang sejajar. Oleh yang demikian, saya suka juga mencadangkan supaya dalam peranan ini, peranan perkembangan mental dan peranan perkembangan sikap dan perubahan yang harus berlaku di kalangan rakyat terutama sekali di kawasan luar bandar pihak Kementerian Penerangan menerusi Radio/TV dan unit khas merancang satu kajian dan juga merancang satu program yang bertanggungjawab untuk mendapat mengembangkan mental dan perubahan

sikap rakyat yang kurang berpengalaman dan berkebolehan supaya mereka dapat menyedari hakikat pembangunan dan perancangan di dalam negara kita ini dengan sebaik-baiknya.

Petang semalam saya telah dapat mengikuti ucapan Wakil dari Ulu Muda yang mana mengatakan bahawa Kementerian Penerangan ada satu Menteri dan dua orang Timbalan Menteri, sedangkan tugas tak begitu banyak. Jadi inilah saya rasa peranan dan tugas di mana dua Timbalan Menteri itu boleh menjalankannya supaya dengan ini akan dapat lebih banyak perkembangan masyarakat dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin menyentuh di dalam usaha pembasmian kemiskinan ini ialah sungguhpun di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini saya berterima kasih kepada Kerajaan kerana telah dirancang penumpuan-penumpuan yang langsung kepada golongan yang miskin terutama sekali kepada golongan miskin isi rumah petani yang mempunyai kawasan-kawasan tanah yang tidak ekonomik, buruh, petani dan juga nelayan serta petani tanaman bercampur. Sungguhpun strategi bagi memperbaiki pengeluaran, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan pembangunan kawasan sepadu serta menggalakkan pembangunan industri terutama perniagaan dan industri kecil di luar bandar, tetapi mungkin kalau sekiranya usaha-usaha yang di rancangan itu tanpa mempunyai satu program yang begitu teliti kemungkinan ianya juga tidak mungkin dapat dicapai sepenuhnya. Sungguhpun di dalam usaha-usaha penilaian, di dalam pelaksanaan pembasmian kemiskinan ini pernah dibuat dan kadangkala pengumuman yang dibuat oleh pihak pemimpin-pemimpin dan Yang Berhormat Menteri-menteri bahawa banyak pencapaian-pencapaian telah kita capai di atas peningkatan daya pengeluaran dan juga di atas peningkatan pendapatan kasar kalangan-kalangan masyarakat-masyarakat miskin di kawasan luar bandar. Tetapi apa yang harus dinilai sekarang ini ialah tentang apakah peningkatan yang terdapat dan pertambahan-pertambahan itu sejajar dengan perkembangan di negara kita yang ada pada masa ini.

Apa yang saya perkatakan ini ialah kerana kalau sekiranya penilaian hanya dibuat berdasarkan kepada peningkatan pengeluaran dan peningkatan pendapatan kasar sedangkan kita tidak menilai di segi aspek-aspek yang lain, ini bererti kita hanya sekali lagi berangan-angan di dalam penyelesaian pembasmian kemiskinan ini, kerana apa yang perlu dinilai bukan sahaja dua aspek itu tetapi ianya juga harus dikaji di segi peningkatan daya pengeluaran, peningkatan pendapatan, kenaikan kos pengeluaran dan kos barangan keperluan harian, peningkatan sektor rangkaian perniagaan yang juga mempunyai hubungan dengan sektor pengeluaran dan juga darjah penglibatan sumber-sumber ekonomi rakyat sendiri di dalam sektor-sektor secondary di kawasan pembangunan yang berkenaan juga harus kita kaji.

Inilah satu-satunya yang menjadi kita amat dukacita kerana teradanya kalangan-kalangan yang cuba mengabui keadaan pembangunan pembasmian kemiskinan yang mana hanya dinilai atas dua faktor peningkatan pengeluaran dan peningkatan pendapatan sahaja, dan jika dinilai di segi itu bererti semua orang telahpun mendapat pendapatan yang tinggi dan senang sedangkan jika dinilai di segi faktor-sektor yang lain ataupun di segi faktor-faktor yang lain ianya masih lagi $2 \times 5 = 10$ dan $5 \times 2 = 10$. Jadi dengan inilah kita masih kedapatan sekarang ini bahawa walaupun banyak pembangunan-pembangunan dan perancangan-perancangan kemajuan ekonomi yang telah dibuat oleh Kerajaan dan dicapai oleh rakyat masih lagi terdapat kalangan-kalangan yang tidak berpuas hati dan kalangan-kalangan yang masih frust kerana mereka masih melihat ada lagi orang-orang lain yang lebih banyak mendapat nikmat daripada apa yang mereka dapat. Sungguhpun apa yang mereka usahakan itu sudah merupakan sebagai satu rezeki yang Tuhan berikan, tetapi kadangkadangkang rezeki yang mereka dapati itu adalah di antara rezeki-rezeki yang ditindas oleh kalangan-kalangan yang lebih berkeupayaan. Jadi dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, seharusnya pihak-pihak yang membuat penilaian ini mengkaji dengan sebaik-baiknya di segi faktor-faktor yang saya sebutkan tadi dan dengan itu barulah

mendapat satu formula baru kepada merancang sesuatu yang akan dapat memberi lebih banyak kesan kepada tujuan pencapaiannya.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, yang saya akan menyentuhkan sedikit di sini lagi ialah tentang penilaian perancangan-perancangan ataupun perancangan-perancangan yang dibuat oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana banyak perancangan-perancangan yang dibuat menerusi pakar-pakar yang bertanggungjawab dalam merancang sesuatu. Tetapi apa yang mendukacitakan saya kerana terdapat juga pihak-pihak yang merancang sesuatu perancangan itu sudah tidak bertanggungjawab dan menjalankan perancangannya berdasarkan kepada sepintas lalu, dan dengan ini setelah berjalan sesuatu perancangan telah menimbulkan pula masalah-masalah lain yang lebih berat daripada tujuan penyelesaian asalnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang ini saya suka saya memberikan misalannya kepada satu perancangan pembekalan air bagi negeri Kedah. Dalam tahun 1978 dahulu saya telah mencadangkan di Dewan ini dan pada tahun 1979 juga sehingga tahun 1980 di dalam perbahasan belanjawan tahun 1980 di mana saya minta supaya pembekalan air terutama sekali kepada penduduk luar bandar ditambah dan dibesarkan lagi terutamanya kolam di Gunung Jerai di kawasan saya. Apa yang saya dapati daripada jawapan pihak yang bertanggungjawab mengatakan bahawa projek loji air yang dibuat di Bukit Pinang (Alor Setar) yang memakan belanja sebanyak \$8.5 juta itu adalah mencukupi sehingga keperluan rakyat di negeri Kedah menjelang tahun 1990, di mana perancangan itu dibuat mencukupi sebanyak 20 juta gelen air pada satu hari sehingga tahun 1990. Dan dengan itu saya telah diminta supaya menunggu projek itu siap dan setelah projek ini siap sehingga sekarang tahun 1981 masih lagi sebahagian besar di negeri Kedah dan khasnya kawasan saya sendiri masih tidak

mempunyai air. Apabila saya bertanya jawapannya projek pengaliran itu belum selesai, tunggu dahulu dan tunggu sehingga tahun ini apabila saya berdepan dengan pihak yang bertanggungjawab khasnya pihak JKR negeri Kedah sendiri, sebenarnya mereka cuba mengabui mata setelah perancangan yang mereka buat tidak begitu tepat dengan apa yang sebenarnya.

Mengikut perancangannya air yang dibuat logi \$8.5 juta ini mencukupi pembekalan sehingga tahun 1990 iaitu sebanyak 20 juta gelen boleh digunakan sehari. Tetapi sekarang ini peningkatannya naik kepada 21 juta gelen satu hari dan kemampuan air yang ada sekarang hanya 15 juta gelen sahaja satu hari. Mengikut kajian consultant yang baru dibuat, keperluan air di Kedah akan meningkat pada tahun 1990 iaitu sebanyak 57 juta gelen satu hari dan dengan ini bererti perancang sama ada engineer ataupun sesiapa yang membuat perancangan ini dahulu sebenarnya orang yang tidak bertanggungjawab dan kemungkinan perancangan yang mereka buat ini hanya melepaskan batuk di tangga sahaja. Sekarang ini telah berlaku pemasangan-pemasangan paip-paip air diseluruh kawasan terutama sekali di dalam kawasan saya sendiri sudah lebih daripada 10 kampung yang ada, sudah dua tahun tidak dapat dibekalkan air. Bila lagi kita akan tunggu, bila saya minta supaya dibenarkan loji air yang ada di Gunung Jerai dijawabnya tidak payah. Tetapi sekarang sudah tentu menghadapi masalah yang amat memalukan bukan sahaja saya sendiri sebagai Wakil Rakyat yang pernah berjanji untuk usaha menyelesaikan masalah rakyat, tetapi Kerajaan dan negara juga.

Jadi dengan ini saya berharaplah semoga masalah-masalah yang macam ini jangan lagi berlaku dan cubalah merancang sebaik-baiknya dengan membuat penelitian dan pengkajian dari sumber-sumber yang benar-benar boleh memberi faedah kepada matlamat perancangan dan kalau tidak ianya tidak memberi apa-apa erti.

Saya tidak tahu apakah perkara-perkara yang seumpama ini berlaku kerana adanya sikap penyelewengan oleh kalangan-kalangan yang tidak bertanggungjawab di dalam Kerajaan sendiri ataupun di dalam Jabatan

Kerajaan sendiri kerana kita terdapat kerap kali laporan-laporan yang diberi kepada Kementerian adalah berbeza dan tidak sekata. Ini dapat saya buktikan lagi baru-baru ini juga terdapat satu perangkaan yang telah dikemukakan kepada pihak Kementerian yang berkenaan dan data-data dan statistik-statistik yang diberikan telah dicabar oleh pihak ahli ekonomi Jabatan itu sendiri kerana kononnya apabila mereka membuat penyiasatan kepada peringkat bawah apa yang diberi itu tidak betul. Tetapi yang sebenarnya sekarang ini bahawa sudah banyak orang-orang yang mengetahui bagaimana cara-cara untuk membuat sesuatu data-data ataupun perangkaan. Yang mendukacitakannya ialah ahli ekonomi yang mencadangkan kepada Kementerian itu menggunakan sistem "min" sedangkan data yang perlu dibuat perlu menggunakan sistem "mode". Jadi ini merupakan sebagai satu penyelewengan yang tidak patut berlaku kepada seorang ahli ekonomi yang bertanggungjawab kepada merancang sesuatu strategi yang seumpama ini.

Saya tidak mahu bercakap lebih panjang dalam masalah ini, dengan itu saya rasa haruslah menjadi satu keinsafan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab agar merancang sesuatu itu tidak lari daripada tujuan dan matlamatnya dan perancangan itu juga akan dapat dilaksanakan untuk mencapai tujuan dan matlamatnya juga.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seremban.

6.51 ptg.

Dr. Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, dua rancangan lima tahun Malaysia telah lalu sejak pengumuman dua objektif utama Dasar Ekonomi Baru (DEB); iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum, dan kedua, penyusunan semula masyarakat Malaysia. Hasil kedua-dua matlamat ini tidaklah begitu menarik meskipun statistik-statistik dan beribu-ribu perkataan dicetak dalam buku Rancangan Malaysia Keempat.

Mengenai soalan kemiskinan, Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keempat menuntut bahawa insiden kemiskinan telah menurun dari 49% dalam tahun 1970 kepada 29% dalam tahun 1980. Jika ini benar, insiden hampir 30% ini dengan tersendirinya adalah bukti bahawa dasar-dasar Barisan Nasional untuk mengatasi masalah kemiskinan yang begitu mendesak dan kepentingan negara telah gagal. Pendapatan bulanan sebenar orang-orang miskin dalam tahun 1979 ialah \$186 berbanding dengan \$76 dalam tahun 1970; ini bererti kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 10% yang sebenarnya akan bererti 2% hingga 3% jika inflasi diambil kira. Bagi sekeluarga yang menerima pendapatan kurang dari \$200 sebulan ini bererti keluarga tersebut hidup hampir-hampir di pinggir kebuluran.

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat memalukan bagi sebuah negara yang dirahmati dengan sumber-sumber semula jadi untuk mengalami kemiskinan yang begitu luas dan dalam, ini bermakna pembahagian kekayaan adalah tidak sama rata dan adil. Rakyat miskin masih tinggal di pondok-pondok makeshift, dengan izin, sedangkan orang-orang kaya tinggal dengan kemewahan di banglo-banglo dan rumah-rumah besar. Rakyat miskin menunggu berjam-jam untuk mendapatkan bas, terpaksa menaiki bas-bas yang sudah penuh sesak sedangkan orang-orang kaya berjalan dengan menggunakan "limousine" yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, jurang di antara orang-orang kaya dan miskin telah bertambah luas sejak 1972. Sementara orang-orang miskin bersusah payah untuk hidup dengan pendapatan sebanyak \$200 sebulan atau lebih kurang daripadanya, orang-orang kaya perolehi pendapatan beribu-ribu ringgit sebulan. Seorang Menteri Barisan Nasional telah berkata dan boasted, dengan izin, bahawa pendapatan hariannya adalah lebih kurang \$100,000 sehari. Keadaan seperti ini adalah tidak sihat dan memberi gambaran buruk akan masa depan kita.

Masa sudah sampai untuk memeriksa dan meninjau soalan yang timbul, mengapa selepas belanja berbillion-billion ringgit untuk tiga rancangan lima tahun yang lalu serta juga ke atas Blueprint yang lain, masih

terdapat kemiskinan dan jurang yang begitu besar di antara pendapatan orang-orang kaya dan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, di sektor luar bandar, pengeluaran terlalu rendah merupakan sebab utama mengapa terdapat kemiskinan yang kronik di kalangan pesawah-pesawah, petani-petani dan pekebun-pekebun kecil getah. Ramai dari mereka memiliki bidang tanah yang tidak berekonomik. Beratus-ratus thesis telah dikarang tentang keperluannya untuk mengadakan reformasi-reformasi tanah yang menjadi pre-requisite, dengan izin, untuk meninggikan taraf hidup rakyat luar bandar yang miskin. Sungguh malangnya sehingga hari ini, tidak ada apa-apa yang dibuat untuk menambahkan acreage purata bagi sebuah keluarga luar bandar. Rancangan-rancangan FELDA hanya telah menguntungkan beberapa kerat orang sahaja.

Satu rancangan yang bernas harus dilaksanakan untuk memberi tanah yang lebih kepada orang-orang yang bercucuk-tanam. Tuan-tuan tanah yang tidak mengerjakan tanah mereka harus digalak untuk menyerahkan tanah mereka dan pampasan hendaklah diberi kepada mereka dan tanah berkenaan dibahagikan kepada petani-petani yang memerlukan tanah. Rancangan seumpama itu telah dilaksanakan dengan jayanya di negara-negara Asia yang lain dan rancangan-rancangan seumpama itu tidak terhad kepada negara-negara komunis sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mulai hari ini semua kemajuan tanah baru, termasuk konsessi-konsessi kayu-balak, hendaklah diberi kepada petani-petani dan pekebun-pekebun kecil. Amalan memberi bidang-bidang tanah yang besar dan konsessi-konsessi tanah kepada orang-orang perseorangan (individu) dan syarikat-syarikat hendaklah dihentikan dengan serta-merta. Mengapakah kita harus membenarkan syarikat-syarikat dan orang perseorangan mengumpulkan kekayaan apabila faedah-faedahnya dapat dinikmati oleh "the small man", baikpun ia adalah seorang petani atau pekebun kecil? Untuk memastikan kejayaan rancangan itu, bantuan hendaklah diberi kepada mereka ini untuk menubuhkan syarikat-syarikat

koperatif atau estet-estet yang ditadbirkan dengan panduan pengurusan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan untuk memoden dan "mechanisation" projek-projek pertanian akan juga menggalakkan pengeluaran (productivity) para petani dan pekebun-pekebun kecil. Adalah sangat sedih untuk melihat petani-petani dan pekebun-pekebun kecil bertungkus-lumus setiap hari di kebun getah atau sawah mereka. "Mechanisation", pertanian kita adalah "a long way off", dengan izin. Satu program penyelidikan yang intensif hendaklah dilancarkan untuk menggalakkan penggunaan mesin-mesin di sawah padi dan kebun-kebun kecil getah. Hadiah-hadiah harus diberi kepada saintis-saintis yang mencipta cara-cara yang feasible.

Tuan Yang di-Pertua, di sektor bandar pula, selain dari pengwujudan kerja, rumah-rumah yang disubsidise harus diberi kepada orang miskin yang menetap di bandar-bandar. Mereka mungkin akan mempunyai kerja tetapi terpaksa tinggal dalam pondok di merata-rata tempat di bandaraya dan bandar-bandar kita, kerana mereka tidak mampu membayar sewa untuk sebuah bilik atau flat.

Tuan Yang di-Pertua, rekod pembinaan rumah-rumah kos rendah untuk orang-orang miskin adalah sangat buruk. Dalam tempoh 1976 hingga 1980, pembinaan rumah-rumah kos rendah oleh Kerajaan adalah kurang 40% dari matlamat 220,800 unit dijangka dibina dalam tempoh yang sama, sedangkan pemaju-pemaju swasta telah membina lebih kurang 150,000 unit rumah dalam tempoh yang sama. Mengikut kadar pembinaan rumah-rumah ini, kekurangan perumahan untuk orang-orang miskin akan menjadi lebih rumit dan telah menghampakan beribu-ribu orang-orang berpendapatan rendah yakni orang-orang miskin.

Kekurangan perumahan adalah bukti jelas akan kedudukan Rancangan Malaysia Keempat. Rancangan tersebut mempunyai objektif-objektif, matlamat-matlamat dan janji-janji tetapi mungkin akan difouled up akibat masalah-masalah perlaksanaan. Rancangan tersebut mempunyai harapan tipis pula kerana rasuah kini telah menjadi

satu cara hidup di negara kita di mana "morality" politik adalah begitu kurang atau "scanty", dan DEB dilaksanakan dengan tidak menguntungkan semua kaum.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penyusunan semula masyarakat. Seperti juga pembasmian kemiskinan harus dilaksanakan untuk menguntungkan semua kaum, begitu juga pula dengan penyusunan semula masyarakat. Matlamat kedua DEB hendaklah ditakrifkan semula sebagai "menyusun semula masyarakat untuk keuntungan semua kaum". Perkara ini harus dititikberatkan untuk mengingatkan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional bahawa masyarakat kita adalah sebuah masyarakat berbilang kaum dan apa-apa dasar hendaklah memperhitungkan kepentingan semua komponen masyarakat kita.

Di bawah tajuk 'strategi untuk penyusunan semula masyarakat' (muka surat 172 hingga 177 RM4), penegasan telah dibuat untuk memastikan terdapat pekerjaan, perdagangan (Commerce) perusahaan dan equity corporate. Tidak ada apa-apa, malah, hampir tidak ada apa-apa disebut tentang penyertaan orang-orang bukan bumiputra dalam bidang-bidang yang sama itu. Inilah sebabnya setiap tahun timbulnya aduan-aduan oleh orang-orang bukan Melayu yang mereka dinafikan peluang dalam lapangan pelajaran. Pelajar-pelajar bukan bumiputra meskipun mempunyai kelayakan yang mencukupi mendapati pintu masuk ke dalam universiti-universiti dan kolej-kolej tempatan ditutup di hadapan mereka. Beribu-ribu ibubapa yang mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah rendah Cina merasa hampa kerana ketidak ada tempat-tempat yang cukup di sekolah-sekolah berkenaan untuk anak-anak mereka disebabkan dasar Kementerian Pelajaran yang sengaja diadakan untuk tidak menggalakkan perluasan dan tambahan sekolah-sekolah rendah Cina.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keempat menyatakan tidak ada mana-mana bidang ekonomi yang harus dikaitkan dengan mana-mana kaum. Apabila kita perhatikan mana-mana jabatan Kerajaan atau agensi Kerajaan, kita akan mendapati bahawa gambaran

tersebut 'give the lie to the platitudes' yang tertulis dalam rancangan tersebut. Seorang rakyat Malaysia bukan Melayu kurang yakin apabila ia masuk sebuah pejabat Kerajaan atau Jabatan Polis. Pasukan Keselamatan kita, baikpun Pasukan dan Tentera hampir semuanya dimonopoli oleh satu kaum. Mengapakah orang-orang lain tidak diambil? Apakah ketaatsetiaan mereka diragui sedangkan mereka dilahir, dibesar, bekerja dan telah berkorban dan mati di sini? Bandingkanlah ini dengan sambutan permaidani merah yang diberi kepada pendedar-pendedar haram dari sebuah jiran yang diberi mengikut laporan-laporan, pas kerja malah juga kad pengenalan biru. Keadaan ini adalah sangat deplorable. Ini adalah jelas tidak adil dan saksama dan sekurang-kurangnya akan merosakkan dan bukan sebaliknya membina perpaduan negara.

Akhirnya apabila rancangan ini diluluskan oleh Parlimen, ia akan diserahkan kepada pentadbir-pentadbir dan Ahli-ahli birokrat untuk melaksanakannya. Malangnya, pentafsiran objektif dan pelaksanaan rancangan-rancangan dahulu adalah kurang memuaskan. Oleh sebab itu parti DAP mencadangkan supaya sebuah Suruhanjaya Parlimen ditubuhkan untuk memastikan pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat dilaksanakan untuk kepentingan semua kaum. Suruhanjaya tersebut hendaklah juga menentukan setiap ringgit yang dibelanjakan bagi rancangan tersebut tidak akan diwaylaid oleh rasuah dan political immorality.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Balik Pulau.

7.06 mlm.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul pelancaran Rancangan Malaysia Keempat yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia dalam Dewan yang mulia ini pada hari Jumaat 27hb. Mac, 1981 yang lalu. Walaupun kesihatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih lagi belum begitu baik tetapi beliau telah datang juga untuk

melancarkan sendiri Rancangan Malaysia Keempat ini. Ini membuktikan bahawa beliau benar-benar berhasrat hendak melihat Rancangan Malaysia Keempat ini akan dijalankan dengan seberapa baik dan akan mendapat kejayaan yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin usul ini akan mendapat sokongan sebulat suara dari semua Ahli-ahli Dewan termasuk juga Ahli dari parti Pembangkang. Sokongan bulat terhadap usul ini begitu perlu kerana nasib masa hadapan negara kita sebahagian besarnya bergantung kepada jaya atau tidaknya Rancangan Malaysia Keempat ini. Justru itu marilah sama-sama kita bermohon ke hadirat Allah subhanahu wa ta'ala semoga segala rancangan dan program yang telah disusun, diatur dan direncanakan di dalam Rancangan Malaysia Keempat itu akan direstui dan mendapat kejayaan yang gemilang hendaknya, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa berdarah 13 Mei, 1969 telah memberi banyak keinsafan kepada pemimpin-pemimpin negara kita ketika itu. Insiden ini memaksa mereka membuat penilaian baru yang lebih kritikal ke atas dasar dan approach atau pendekatan yang lampau terhadap ekonomi negara dan seterusnya mendorong mereka mencipta satu falsafah ekonomi negara yang terkenal dengan nama Dasar Ekonomi Baru. Rupa-rupanya di sebalik peristiwa pahit yang dialami oleh negara itu terdapat satu rahmat yang tersembunyi. Dalam tempoh satu dekad Dasar Ekonomi Baru itu berjalan. Dua objektif utama yang digariskan dalam Dasar Ekonomi Baru telah mencapai kejayaan yang sangat menggalakkan.

Yang pertama dalam bidang hakmilik sektor syarikat. Dalam tahun 1971 saham yang dipunyai oleh bumiputra dan agensi-agensi amanah berjumlah 4.3% atau \$279.6 juta. Perangkaan ini telah meningkat dalam tahun 1980 menjadi 12.4% atau \$3,273.7 juta. Pertambahan ini telah mencapai 40% dari matlamat yang telah ditetapkan iaitu 30% daripada keseluruhan ekonomi pada tahun 1990 yang mesti dimiliki oleh pihak bumiputra.

Perkara yang kedua dalam bidang membasmi kemiskinan, dalam tahun 1970

terdapat sejumlah 791,800 isirumah yang miskin. Perangkaan ini telah menurun kepada 666,100 dalam tahun 1980, iaitu kurang sebanyak 20.1%.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua contoh yang saya berikan itu tadi boleh dijadikan asas untuk dibuat rumusan bahawa prestasi yang ditunjukkan dalam beberapa bidang tertentu setakat ini sangatlah memuaskan. Segala kejayaan yang telah saya sebutkan tadi adalah hasil daripada kerja kuat para pemimpin kita dengan bantuan daripada para pegawai Kerajaan yang betul-betul dedikasi dan betul-betul ikhlas dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

Menyebut tentang sektor syarikat awam, Tuan Yang di-Pertua, siapakah yang menguasai sektor syarikat awam selama ini? Pada petang tadi kita telah mendengar saudara kita Yang Berhormat dari Bruas telah menyebut sudah ada dua tiga kerat orang-orang Melayu yang menjadi millionaire, disebutlah nama Syed Kechik. Dalam masalah ini saya ingin menarik perhatian para pemimpin DAP supaya mereka janganlah memutar belitkan kenyataan yang ada dalam negara ini.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu kajian yang telah dibuat oleh pihak Jabatan Ekonomi, Universiti Malaya. Kajian ini telah dibuat dan didapati cuma segelintir sahaja kaum dan keluarga yang menguasai ekonomi negara kita ini. Yang pertama, harta dan kekayaan di dalam sektor ini sebahagian besar daripadanya adalah dimiliki dan dikuasai oleh sebilangan syarikat-syarikat yang terbesar. Daripada 7,009 buah syarikat pada tahun 1974, 85 buah syarikat terbesar memiliki 35% daripada jumlah harga dan 32% daripada jumlah untung. Syarikat-syarikat yang terbesar ini pula mempunyai hubungan yang rapat dan rapat antara satu sama lain. Ini dibuat melalui dua cara. Cara pertama ialah sesebuah syarikat memegang sebahagian daripada saham modal syarikat yang lain sehinggakan pertalian erat timbul antara mereka. Cara kedua ialah dengan mempunyai wakil mereka yang duduk sebagai Pengarah di Lembaga-lembaga Pengarah di beberapa syarikat. Syarikat-syarikat yang terbesar ini pula dimiliki oleh

segelintir keluarga terkaya di Malaysia bersama dengan mereka yang bukan rakyat Malaysia. Kepentingan mereka ini dipelopori dan diwakili oleh syarikat-syarikat ternama atau pemegang amanah mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, elok rasanya saya membuktikan nama-nama syarikat yang memonopoli, yang menguasai ekonomi negara kita pada masa sekarang. Kumpulan yang ternama boleh dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan seperti berikut:

- (1) OCBC (Overseas Chinese Banking Corporation);
- (2) Sime Darby Malaysia;
- (3) London Tin atau Charter Consolidated;
- (4) Kuok Brothers;
- (5) Pan-Malayan Cement;
- (6) Harrison and Crossfield;
- (7) Lee Loy Seng; dan
- (8) Soong Chee Fook.

kalau kita kaji balik senarai nama-nama yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, tidak tersebut nama satu kumpulan atau syarikat bumiputra sekalipun. Ini membuktikan dengan jelas bahawa apa yang diputar belitkan oleh Wakil dari Bruas tadi ini tidak betul, ini kenyataan yang ada. Saya harap Wakil dari Bruas dan daripada parti Pembangkang jangan sekali-kali memutar belitkan kenyataan yang ada, ini boleh menyinggung dan menyakitkan hati mereka yang dituduh menindas kaum-kaum yang bukan bumiputra.

Perlu juga dimaklumi bahawa kepentingan asing dalam sektor ini adalah meluas. Kepentingan asing dalam sektor syarikat ini paling besar sekarang, Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 1974 daripada 82 syarikat terbesar di Malaysia nilai modal dalam saham kepentingan asing termasuk Singapura ialah 77% orang-orang asing menguasai ekonomi negara kita pada tahun 1974 dan mendapat 84 daripada jumlah untung. Daripada 579 Pengarah dalam 100 buah syarikat hanya 189 orang sahaja rakyat Malaysia, yang bumiputra tidak usah kita kata, tak sampai 10 orang kalau kita bilang dalam syarikat-syarikat yang besar ini. Ini menunjukkan

kekuatan pengaruh kepentingan asing dalam ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada keadaan yang sedia ada kita sedar bahawa sektor awam adalah sektor yang kaya, modern, produktif dan menguntungkan. Sektor ini dikuasai oleh syarikat-syarikat terbesar dan segelintir kumpulan masyarakat Malaysia. Ini bermakna mereka mempunyai ekonomi yang kuat dan meluas. Mereka dengan mudah mempengaruhi pasaran, keluaran harga dan untung. Mereka boleh menaikkan harga, boleh menurunkan harga, boleh menghilangkan barang-barang yang ada dan bila harga naik, barang-barang itu sedia ada dan sedia boleh didapati walau berapa pikul sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya kuasa ekonomi ini Kerajaan tidak boleh menjamin, siapa-siapa pun tidak boleh menjamin bahawa mereka tidak akan mempengaruhi suasana politik negara kita sekarang dan pada masa akan datang. Saya yakin Kerajaan kita tidak boleh memberi jaminan bahawa golongan ini akan mempengaruhi, akan menguasai dan boleh mempengaruhi ahli-ahli politik dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari insiden-insiden yang telah berlaku adalah sukar untuk dinafikan bahawa orang-orang dari golongan mereka inilah yang sering membuat spekulasi yang menyebabkan turun naik harga saham di pasaran. Pernah satu ketika bila keadaan kesihatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Hussein Onn kurang baik berbagai berita angin telah tersebar luas, lebih-lebih lagi di Singapura kononnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah tidak berupaya lagi meneruskan tugasnya dan sudahpun meletakkan jawatan. Kononnya lagi, pertarungan hebat sedang berlaku dalam parti pemerintah untuk merebut tempat kedua sebagai Timbalan Perdana Menteri. Orang ramai jadi panic, kelam kabut, pasaran saham lengang, harga barangan utama kita jatuh ke paras yang paling rendah.

Tuan Yang di-Pertua, kepada golongan ini apa sahaja perbuatan halal dilakukan asalkan memberi keuntungan kepada diri sendiri. Sifat tamak, haloba yang sudah menjadi

darahdaging itu mendorong nafsu mereka melupakan kepentingan orang ramai, kepentingan orang miskin dan kepentingan negara ini. Mereka berbuat demikian dan mereka berbuat apa sahaja asalkan mereka ini mendapat keuntungan yang berganda-ganda. Kadang-kadang mereka tidak sedar bahawa perbuatan mereka ini sudah sampai mengancam keselamatan negara kita ini. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap demi kepentingan bangsa dan negara Malaysia yang tercinta ini dalam Rancangan Malaysia Keempat nanti sesuatu langkah yang berkesan, yang wajar perlu diambil bagi mencegah golongan-golongan yang kecil ini dari menggunakan keteguhan kewangan yang ada pada mereka dari melakukan perbuatan-perbuatan yang boleh mengancam keselamatan negara dan politik negara kita (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah seorang Wakil Rakyat negeri yang mewakili negeri Pulau Pinang, saya ingin bercakap tentang pembangunan yang berjalan di negeri tersebut dalam tempoh satu dekad yang lalu. Jika diteliti ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ketika berucap menyokong usul Rancangan Malaysia Keempat yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau telah menyebut nama-nama negeri yang kurang maju di Malaysia ini dan nama negeri Pulau Pinang tidak termasuk dalam senarai itu. Dengan demikian bolehlah saya fahamkan bahawa negeri Pulau Pinang itu sudah dianggap sebuah negeri yang maju. Jika benarlah seperti fahaman saya bahawa negeri Pulau Pinang itu dianggap sebuah negeri yang maju, maka saya sangat berharap anggapan itu tidak akan mengkaburi atau menyembunyikan hakikat yang sebenar bahawa dalam negeri Pulau Pinang yang dianggap maju itu masih terdapat kaum yang masih mundur, lemah dan sangat-sangat berkehendakkan pertolongan dan perhatian yang berat dari Kerajaan, baik Kerajaan Negeri lebih-lebih lagi Kerajaan Pusat. Mereka yang saya maksudkan itu ialah bumiputra dan orang-orang Melayu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, elok rasanya jika saya memberikan gambaran kasar tentang latar belakang ekonomi orang-orang Melayu

di negeri Pulau Pinang itu. Sebahagian besar daripada mereka tinggal di kawasan luar bandar dan menjalankan kegiatan ekonomi pertanian dan nelayan tradisional. Bakinya bekerja sebagai buruh kasar yang tidak mempunyai apa-apa kemahiran pun.

Masalah besar yang mereka hadapi sekarang ialah bahawa dengan berlatar belakang ekonomi pertanian tradisional mereka terpaksa menyesuaikan diri dengan pembangunan yang pesat di sektor perniagaan dan perindustrian. Peralihan dan perolehan perubahan sikap dari suasana kampung yang aman dengan keadaan bandar yang mencabar dan penuh dengan persaingan itu bukanlah satu perkara yang mudah dan tentulah akan mengambil masa yang agak lama. Faktor inilah yang menyebabkan mereka tidak dapat menyertai pembangunan itu dan tertinggal di belakang.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Rancangan Malaysia Kedua lagi dilancarkan Kerajaan Negeri telah mengubah haluan ekonominya yang semata-mata bergantung kepada pertanian ke arah perniagaan dan perindustrian. Banyak kawasan-kawasan tanah di luar bandar yang dahulunya dizon sebagai pertanian sekarang diconvert atau ditukar syarat sebagai kawasan perusahaan atau kawasan perdagangan bebas. Dan setengahnya pula, Tuan Yang di-Pertua, diisytiharkan sebagai kawasan bandar baru. Berpuluh-puluh buah kilang terdiri dalam masa yang begitu singkat. Pihak Kerajaan Negeri pula dalam usahanya hendak memesatkan kemajuan perniagaan dan industri perkilangan dan pelancungan sebagai teras ekonomi negeri telah memberi tumpuan yang lebih kepada menyediakan kemudahan-kemudahan asas bagi tujuan tersebut. Sebahagian besar wang peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga telah dibelanjakan kerana menyediakan infrastruktur ataupun kemudahan-kemudahan asas.

Contohnya, dalam Rancangan Malaysia Ketiga negeri Pulau Pinang telah diperuntukkan sebanyak \$1,396.61 juta setelah dibuat kajian semula. Dari jumlah itu hampir-hampir \$1,100 juta dibelanjakan untuk membina pelabuhan, lapangan-

terbang, kompleks perniagaan dan jalanraya, juga lain-lain perkhidmatan sosial.

Pembangunan projek-projek yang saya sebutkan tadi tidak mendatangkan faedah secara langsung kepada golongan-golongan bumiputra yang miskin yang bergiat dalam sektor ekonomi pertanian dan nelayan tradisional. Sebaliknya, ada di antara pembinaan projek-projek yang saya sebutkan tadi telah melibat dan menjejaskan ekonomi golongan bumiputra miskin tadi. Buktinya, Tuan Yang di-Pertua, pembesaran lapanganterbang Pulau Pinang dan memperluaskan jalanraya dari bandar ke lapanganterbang banyak melibatkan tanah-tanah orang Melayu, terutama tanah sawah.

Nasib orang Melayu atau bumiputra di negeri Pulau Pinang ini sangat sesuai dengan satu pepatah lama Melayu yang berbunyi: sudah jatuh ditimpa tangga—sudahlah tanah milik mereka tidak sampai 10% dari jumlah keluasan tanah semuanya yang ada sedikit itu pun atau yang lebih tetap dikatakan sebesar sekangkang kera itupun diambil pula oleh Kerajaan untuk berbagai projek pembangunan di mana sangat sedikit faedah dari pembangunan itu yang dapat dinikmati oleh orang-orang bumiputra sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini tidak seperti negeri-negeri yang lain di Semenanjung, di negeri Pulau Pinang tidak ada tanah reserve Melayu—there is no Malay Reservation land. Ini berarti tanah-tanah milik orang Melayu ataupun bumiputra sekarang pada bila-bila masa boleh bertukar milik. Apatah lagi, Tuan Yang di-Pertua, hasil dari pembangunan pesat yang berlaku di negeri itu sekarang tanah-tanah pertanian yang dahulunya berharga \$5,000 sekarang sudah ditawarkan dengan harga \$150,000 satu ekar. Bila mendengar \$150,000 petani-petani yang tidak tahu hal ekonomi yang berlatar belakangkan ekonomi pertanian tradisional ini tadi sudah kabur matanya, sudah kelam matanya mereka fikir \$150,000 itu sudah besar, sudah boleh dimakan sehingga mati.

Tuan Yang di-Pertua, akibatnya sudah banyak tanah-tanah milik bumiputra ini bertukar tangan. Malangnya, tidak ada sebarang peruntukan undang-undang untuk mencegah pindahan milik ini. Dan, Tuan Yang di-Pertua, tragedi yang sedang menimpa nasib bumiputra di Pulau Pinang ini tidaklah boleh dibiarkan begitu sahaja tanpa sebarang tindakan konkrit lagi berkesan. Masalah yang dihadapi oleh mereka adalah masalah negara. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri mengaku hal ini dalam Dewan yang mulia ini dalam sidang yang lalu.

Pihak Kerajaan Pusat sendiri telah sedar apa yang sedang berlaku dan langkah-langkah awal sudahpun diambil. Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Pusat khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn sendiri sebagai Perdana Menteri yang telah mengambil inisiatif menubuhkan sebuah jabatan khas di bawah pengawasan Jabatan Perdana Menteri yang dinamakan Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputra, Unit Penyelarasan, Perlaksanaan Jabatan Perdana Menteri dengan diberi tanggungjawab untuk memastikan lebih ramai bumiputra dapat menyertai bidang-bidang perniagaan, pembangunan dan perindustrian di negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada panjang lagi hendak bercakap?

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ada sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sambung esok.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok, hari Jumaat, 3hb April, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.